

**30 MAC 2017 (KHAMIS)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2017**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 30 MAC 2017 (KHAMIS)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

Y.B. Datuk Halimatun Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**( Dewan disambung semula )**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmannir rahim, Asslamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ke 13 pada hari yang keempat 30 Mac 2017 dimulakan dengan bacaan doa'.

**I. DOA**

**II. MEMBENTANGKAN KERTAS MESYUARAT**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat:

- viii. Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2017.
- Maklum balas Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam *Public Account Committee* (PAC) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu-isu pada tahun 2016.

**III. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Aturan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat Pagi Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Soalan seterusnya Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: ISU PEMBINAAN PERPUSTAKAAN AWAM DI DAERAH SEPANG**

33. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Setakat ini apakah status projek pembinaan perpustakaan awam di Daerah Sepang?

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

b) Bilakah projek ini akan dijalankan?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Jawapan kepada soalan :

(a) Status projek pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang memerlukan semakan semula di sebabkan 4 lot kedai berkeluasan 25,696 kaki persegi yang dicadangkan tidak bersesuaian sebagaimana Laporan Teknikal JKR ketika lawatan tapak pada 9hb September 2016. Di antara isu yang dibangkitkan ialah :-

1. Bebanan dan reka bentuk tidak bersesuaian untuk tujuan perpustakaan.
2. Tiada ruang untuk *sub station* TNB dengan izin dan memerlukan kerja pecah bagi pemasangan kabel elektrik, ICT dan telefon.
3. Ketiadaan ruang yang bersesuaian bagi keperluan bomba seperti *hose reel* dengan izin dan pam air.
4. Aras siling yang terhad menyebabkan pencahayaan lampu yang kurang optimum dan kipas siling tidak boleh dipasang.

Oleh itu Perpustakaan diminta untuk membentangkan di dalam MTES cadangan Perpustakaan Daerah Sepang dengan mencari lot yang bersesuaian atau pembinaan bangunan baru di atas tanah berkeluasan 7 ekar iaitu PT:4136 HS(D) 42193 Mukim Dengkil sebagaimana yang telah diperuntukkan.

(b) Perpustakaan telah diperuntukkan RM6 juta di dalam Rancangan Malaysia Ke 11 bagi tujuan pewujudan Perpustakaan Daerah Sepang. Namun disebabkan isu di atas Perpustakaan hendaklah mengemukakan cadangan baru atau keperluan bajet tambahan bagi pembinaan bangunan baru Perpustakaan Daerah Sepang. Kita menjangkakan projek ini dapat dijalankan pada tahun 2018 dengan memenuhi semua prosedur yang ditetapkan dan begitu juga kemampuan kewangan.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Merujuk kepada Perpustakaan Daerah Sepang dengan mencari lot yang bersesuaian atau pembinaan bangunan baru di atas tanah berkeluasan 7 ekar sebagaimana yang telah diperuntukkan *operate* nya mana yang akan digunakan dan diguna pakai?



## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Okay, sebagaimana yang saya maklumkan laporan teknikal JKR telah menyatakan 4 lot kedai yang disebut tadi tidak sesuai untuk digunakan sebagai perpustakaan, jadi kita sedang meneliti opsyen tanah yang berkeluasan 7 ekar iaitu PT:4136 HS(D) 42193 di Mukim Dengkil.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Meru.

**Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Meru tak kan melompat. Soalan nombor 34.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN (N42 MERU)**

#### **TAJUK: SKIM BANTUAN MAKANAN *FOODSTAMP***

34. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah tanda aras penilaian ketepatan masa dan kualiti bekalan makanan oleh pembekal?
- b) Berapakah bilangan dan siapa pembekal yang dilantik?
- c) Apakah penambahbaikan nilai dan kaedah serahan bantuan makanan kepada penerima?

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Meru. Tuan Speaker, saya akan menjawab bersekali dengan soalan 113 daripada Kinrara.

Tuan Speaker, Program Bantuan Makanan Asas Selangor *Food Stamp* ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dan negeri yang pertama di Malaysia melaksanakannya. Program ini diwujudkan bagi membantu meringankan kos sara hidup golongan masyarakat yang berpendapatan rendah dan miskin serta mempunyai anak-anak dan tanggungan yang ramai dan sedang membesar agar mereka ini sentiasa berkecukupan. Golongan ini semakin terhimpit dalam kegawatan ekonomi yang parah hasil implementasi GST oleh Kerajaan Persekutuan yang mengutip cukai tanpa mengira taraf hidup rakyat sama ada kaya ataupun miskin. Melalui pelaksanaan program hasil cetusan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamad Azmin Ali yang dibentangkan di dalam Belanjawan 2016 pada Sidang Dewan Selangor 2015 yang lepas, seramai 5,600 keluarga termiskin di Selangor akan

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

menerima manfaatnya. Seramai 100 orang akan menerima bantuan ini daripada setiap DUN.

Bagi menjayakan program ini Kerajaan Selangor telah memperuntukkan sejumlah dana sebanyak RM3 juta bagi dikongsi bersama dengan penerima yang layak. Penerima bakal menerima bantuan berupa barangan keperluan asas iaitu beras sebanyak 10 kilo, minyak masak, gula, tepung dan lain-lain dengan nilai sebanyak RM50. Bagi tujuan melancarkan proses agihan barangan serta menjaga kualiti barangan yang dibekalkan, pihak Hijrah Selangor telah mengambil langkah pro aktif dengan menyediakan jadual penghantaran bekalan barangan dan diberikan kepada petugas pihak PKM sebelum Hari *Food Stamp* tersebut iaitu pada setiap Jumaat minggu ketiga setiap bulan. Penyediaan jadual ini secara tidak langsung dapat memudahkan pihak PKM bersedia di pejabat masing-masing atau di lokasi program memandangkan terdapat PKM yang mengadakan majlis penyerahan bukan di pejabat PKM. Namun begitu jadual penghantaran ini juga adalah tertakluk kepada persetujuan dan kelapangan pihak PKM sendiri memandangkan terdapat PKM yang menjalankan majlis penyerahan bersama wakil rakyat setempat dan hari selain daripada Hari *Food Stamp* yang telah ditetapkan.

Untuk menjawab soalan-soalan Kinrara, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan dengan kerjasama Hijrah Selangor sentiasa berusaha memastikan barangan makanan asas bagi Program *Smart Selangor Food Stamp* ini dalam keadaan yang baik dan berkualiti. Sehubungan dengan itu beberapa langkah telah dilaksanakan dalam memastikan barangan sentiasa berkualiti antaranya Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah mendapatkan maklum balas yang dikemukakan oleh setiap Pusat Khidmat Masyarakat di seluruh Selangor berhubung dengan kualiti barangan yang dibekalkan kepada setiap PKM serta memohon mereka membuat penambahbaikan serta telah membuat penambahbaikan bagi setiap isu yang dibangkitkan. Seterusnya pihak Hijrah Selangor juga telah melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara berkala ke kilang-kilang pembungkusan bagi memastikan barangan yang dibekalkan adalah bermutu dan berada dalam tempoh sah sebelum tarikh luput.

Yang ketiga, membuat lawatan pemeriksaan di beberapa PKM secara rawak bagi memastikan jaminan kualiti barangan yang diterima dalam keadaan baik. Yang keempat, mengambil tindakan yang proaktif sekiranya terdapat barangan yang dibekalkan berada dalam keadaan yang kurang memuaskan dengan menggantikan dengan barangan yang baru. Dalam hal ini pihak PKM juga berperanan untuk memaklumkan kepada pihak Hijrah Selangor supaya bekalan barangan yang dihantar adalah tidak melebihi jumlah penerima bantuan semasa bagi mengelakkan berlaku lebihan barangan yang boleh menyebabkan kerosakan akibat disimpan terlalu lama.

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Untuk (b) melalui keputusan mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri ke 20, 2016 Kerajaan Negeri telah bersetuju melantik Hijrah Selangor sebagai pengendali yang bertanggungjawab membekal dan menghantar barangan makanan asas ke setiap PKM dengan keadaan yang baik. Pihak Hijrah juga akan memastikan barangan yang dibekalkan ada lah pada harga jualan terkawal, mutu dan kualiti yang sama dengan pasaran semasa serta membuat penghantaran ke PKM masing-masing sekurang-kurang sehari sebelum *Hari Food Stamp* yang telah ditetapkan.

Untuk menjawab soalan (c) daripada Kinrara pula Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk menggantikan bentuk bantuan daripada barangan kepada baucar kerana pelaksanaan program ini merupakan hasrat YAB Dato' Menteri Besar Selangor untuk memberikan bantuan berupa barangan makanan asas kepada 100 buah keluarga termiskin di setiap Dewan Undangan Negeri di Selangor yang layak menerima bantuan ini mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : BANTUAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)**

35. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- (a) Berapa ramai bekas isteri yang telah mendapat manfaat daripada Skim Bantuan Sokongan Keluarga?
- (b) Apakah tahap keberkesanan BSK kepada pasangan yang telah bercerai dan melibatkan pemberian nafkah anak dalam jagaan bekas isteri?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Speaker. Taman Medan bertanyakan berkaitan dengan bantuan sokongan keluarga yang saya kira maksud sebenarnya adalah Bahagian Sokongan Keluarga. Bagi tempoh bermula 2009 hingga Disember 2016, seramai 903 pengadu yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal dan bekas isteri telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Seksyen Bahagian

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Sokongan Keluarga (SBSK), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada statistik kes atau aduan yang diterima di SBSK bermula dari tahun 2009 semasa unit ini mula beroperasi hingga Disember 2016.

Selain itu, SBSK telah meluluskan seramai 80 orang penerima pendahuluan nafkah yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM307,530.00. Sumber kewangan pembayaran pendahuluan nafkah tersebut adalah daripada dana Akaun Amanah Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Selangor yang disumbangkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Lembaga Zakat Selangor.

Pembayaran pendahuluan nafkah yang dibayar oleh SBSK ini bukanlah suatu bantuan mutlak tetapi ia merupakan satu pendahuluan nafkah yang akan dikutip semula oleh SBSK daripada pihak bekas suami atau bapa yang telah ingkar untuk melaksanakan perintah nafkah selepas kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah yang dilakukan di Mahkamah Syariah selesai. Dengan kata lain pembayaran nafkah oleh SBSK ini bukanlah dengan matlamat untuk mengambil alih tanggungjawab bekas suami atau bapa dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing menurut undang-undang. Sebaliknya, ia bertujuan untuk membantu meringankan bebanan ibu dan anak-anak dan membantu memastikan perintah Mahkamah Syariah dikuatkuasakan terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Keutamaan SBSK adalah untuk menguatkuasakan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Pewujudan SBSK adalah untuk membantu bekas isteri atau ibu tunggal mendapat khidmat nasihat perundangan Syariah secara percuma khususnya berkaitan dengan tuntutan nafkah dan tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah selepas suatu perintah dibuat oleh Mahkamah Syariah.

Adalah menjadi keutamaan kepada SBSK untuk memastikan kepentingan dan kebajikan golongan yang berhak menerima nafkah terutamanya anak-anak terpelihara. Apabila siasatan dijalankan semasa proses mediasi atau runding cara dan didapati berlaku pelanggaran perintah seperti bekas suami tidak membayar nafkah, maka tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian akan dibincangkan. Tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah adalah pelbagai termasuk perintah tahanan pendapatan tenaga (potongan gaji), Saman Penghutang Penghakiman, Notis Penghakiman, penyitaan dan penjualan, hiwalah (penahanan harta penghutang bagi penghakiman melalui pihak ketiga) dan pengkomitan.

Penahanan harta penghutang bagi penghakiman melalui pihak ketiga dan pengkomitan. Sehingga Disember 2016 sebanyak 606 kes tuntutan nafkah tertunggak telah dibawa

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

ke mahkamah untuk tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dan sebanyak 449 kes telah selesai. Bakinya masih dalam prosiding mahkamah. Apa yang ditawarkan oleh SBSK adalah khidmat nasihat guaman secara percuma kepada pelanggan. SBSK juga mengguna pakai aplikasi e-Nafkah bagi memantau perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah. Ini bagi mengatasi masalah isu kelewatan dalam pengendalian kes-kes penguatkuasaan perintah kehakiman. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Menurut jawapan daripada Yang Berhormat EXCO tadi, bantuan sokongan keluarga ini diberi selepas selesai perbicaraan kes perceraian antara suami dan isteri. Bagaimanakah dengan tempoh proses tersebut dilaksanakan? Adakah bantuan juga dilaksanakan?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Bagi kes yang sedang berjalan ya, sebelum keluar perintah mahkamah bermakna tidak ada suatu keputusan yang hakiki jadi kita tidak boleh mengambil tindakan tetapi bantuan melalui Bahagian Sokongan Keluarga ini pihak Bantuan Sokongan Keluarga juga memberikan khidmat runding sebagai satu, salah satu mediasi ya, supaya proses perundangan itu dapat berjalan dengan baik dan sebaik mungkin ia dapat diselesaikan dengan cara yang baik.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Itu tidak menyelesaikan masalah pemberian nafkah terhadap anak-anak semasa.. ialah, tempoh maknanya perceraian secara rasmi akan berlaku. Maknanya tanggungjawab itu masih di atas bahu bapa tersebut. Jadi, mesti ada cara untuk mereka terus melaksanakan tanggungjawab walaupun belum lagi selesai proses perceraian.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Taman Medan. Saya kira, ialah, yang diambil tanggungjawab ini adalah selepas keluar perintah mahkamah. Tetapi, dalam perantaraan itu mungkin beberapa sumber juga boleh dipertimbangkan sebagai bentuk bantuan terutamanya mungkin daripada Lembaga Zakat Selangor juga boleh diadakan permohonan untuk tujuan nafkah kepada anak-anak ataupun isteri yang menghadapi masalah ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya juga ingin bertanya kepada pihak EXCO. Kita tengok rata-rata wanita ramai yang tidak memahami tentang adanya program yang bagus ini iaitu Bantuan Sokongan Keluarga kerana satu-satu perceraian yang berlaku kadang-kadang ia memerlukan satu lagi fail untuk di...ataupun mesti difailkan satu lagi kes supaya ia dapat pula ya, bantuan untuk nafkah untuk anak-anak. Tetapi saya nak bertanya, kalau kes perceraian mungkin ia telah pun ada fail di pihak mahkamah tetapi rata-rata yang berlaku sekarang ini ialah kes kematian suami yang mana kita lihat anak-anak terabai bila suami meninggal, anak-anak tidak dapat nafkah daripada pihak wali ataupun waris. Jadi, adakah pendekatan perintah lain yang diguna pakai oleh pihak kerajaan untuk memastikan wanita ini tidak tercari-cari ataupun terabai ia lebih peringkat proaktif di pihak kerajaan supaya isu BSK ini dapat ditangani ataupun dapat difahami oleh semua pihak. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Batu Tiga. BSK adalah satu seksyen bahagian di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor yang mengendalikan urusan-urusan berkaitan dengan perceraian dan saya kira bagi urusan-urusan yang dimaksudkan tadi ada sumber-sumber yang lain daripada itu sebagai contoh melalui Lembaga Zakat Selangor sendiri. Kalau di .. mereka yang terlibat ini, ibu yang kematian..isteri-isteri yang kematian suami tadi, mungkin boleh memohon daripada Lembaga Zakat kalau mereka juga tergolong dalam kategori yang perlu dibantu sama ada dalam kategori asnaf fakir miskin dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, Soalan No. 36

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PEMULIHARAAN HUTAN BAKAU DI PESISIR PANTAI**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan menurut daerah keluasan kawasan bakau yang dipulihara ataupun ditanam semula pada tahun 2016.
- b) Senaraikan menurut daerah kawasan bakau yang direkodkan telah musnah.

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

- c) Apakah polisi mengharamkan bahan bakar berasaskan bakau mampu menjamin kekalnya semua spesies bakau?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Menurut daerah, mengikut daerah, keluasan bakau yang dipulihara atau ditanam semula pada tahun 2016 adalah berikut:

Di daerah Kuala Langat adalah 9 hektar

Di daerah Klang 4.4 hektar

Di Kuala Selangor 1 hektar

Jumlah keluasan ialah 14.4 hektar dan jumlah bilangan pokok bakau yang ditanam adalah 13,950. Ada soalan ke-2 dari Hulu Kelang iaitu beliau bertanya kawasan ataupun di mana kawasan bakau yang direkodkan telah musnah. Untuk makluman Hulu Kelang, tiada kawasan direkodkan telah musnah dan soalan ke-3 adakah Kerajaan Negeri mengharamkan bahan bakar berasaskan bakau. Jawapannya adalah kita tidak menghalangkan bahan bakar berasaskan bakau.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Adakah penanaman semula bakau itu mencapai *target* yang disasarkan?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Untuk tahun 2016, sasarannya telah terlebih, maksudnya kita telah menanam pokok bakau lebih daripada yang disasarkan kerana pada masa yang sama, kita ada bantuan dan juga program kesedaran awam yang dijalankan bukan sahaja daripada pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor tetapi oleh beberapa pejabat-pejabat daerah.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker. Soalan No. 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK: LOJI RAWATAN AIR LABOHAN DAGANG DAN SEMENYIH-2**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan status terkini kedua-dua LRA tersebut.
- b) Sila huraikan apakah kekangan yang dihadapi dalam proses mempercepatkan pembinaan LRA tersebut.
- c) Sila nyatakan apakah peranan utama kedua-dua LRA dalam konteks memperkasakan perkhidmatan industri air Selangor.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sekinchan. Kerja-kerja tapak bagi pembangunan Loji Rawatan Semenyih 2 telah pun bermula semenjak 20 Mei 2016 dan projek ini dijadualkan siap pada 19 Disember 2017. Setakat 25 Mac 2017, kerja-kerja pembinaan di tapak telah mencapai 24.14% berbanding jadual 25.5%. Manakala bagi pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang pula, projek ini telah disusun kepada 5 pakej dan status terkini adalah seperti berikut :

Pakej A – Kerja-kerja membina dan menyiapkan muka sawk di Sungai Langat, pemuliharaan kolam, pra rawatan kolam utama, jalan masuk dan rumah kakitangan serta kerja-kerja berkaitan di Labohan Dagang Kuala Langat Selangor, jadual 17% yang sebenar 10%. Pakej B – Membina, menguji dan mentauliah sebuah tangki air konkrit bertetulang muatan 40ml, kerja-kerja cerun, jalan masuk serta kerja-kerja berkaitan di Bukit Jugra Kuala Langat Selangor, jadual 15% sebenar masih lagi 0%. Bagi membekal, memasang dan menguji dan mentauliah paip NS bergaris pusat 1800mm serta kerja-kerja berkaitan dari Loji Rawatan Air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat Selangor, jadual 5% dan sebenar masih lagi 0% dan pakej sebentar tadi c(1) dan c(2) membekal, memasang, menguji dan mentauliah paip NS bergaris pusat 1800mm serta kerja-kerja berkaitan dari Jalan Sukun, Kanchong Darat ke Jalan Bukit Jugra, Kuala Langat Selangor, jadual masih lagi jadual 0 dan sebenar pun 0% dan pakej D, membina, menguji dan mentauliah sebuah Loji Rawatan Air berkapisiti 200gls serta kerja-kerja berkaitan di Labohan Dagang, Kuala Langat Selangor masih lagi dalam penilaian tender.

Di dalam melaksanakan kedua-dua projek ini, masalah utama yang dihadapi ialah berkaitan dengan pengambilan balik tanah. Walau bagaimanapun, setakat ini, semua masalah berkaitan pengambilan tanah telah pun berjaya diselesaikan. Pemantauan kerja di tapak yang dibuat secara berkala dan rapi melalui mesyuarat tapak yang



## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

diadakan setiap bulan bagi membincangkan kemajuan projek dan mencari penyelesaian terhadap sebarang masalah yang timbul supaya tidak menjejaskan perjalanan pelaksanaan projek yang telah dinyatakan. Di dalam rancang untuk melaksanakan projek pembangunan loji rawatan air Semenyih 2 dan juga projek pembangunan loji rawatan air Labohan Dagang, Kerajaan Negeri Selangor telah meneliti unjuran permintaan dan pembekalan air sehingga tahun 2027, dan berusaha untuk mencapai sasaran meningkatkan *reserve* bekalan air mencapai 15% sebagai satu inisiatif *water demand planning*, dengan izin, yang berjangka panjang. Pada ketika ini, *reserve* bekalan air tipis dan dianggarkan berada pada kadar 3.4% dan sumber air mentah sedia ada semakin terhad berbanding dengan permintaan penggunaan yang disasarkan pada kadar 3.5% setiap tahun. Keadaan *reserve* yang tipis ini secara tidak langsung ia akan mengehendak keupayaan Kerajaan Negeri untuk memberikan bantuan segera sekiranya berlaku kejadian-kejadian di luar jangka seperti musim kering berpanjangan, kerosakan peralatan loji rawatan air atau di sistem agihan dan pencemaran sumber air.

Pada masa yang sama, perancangan awal pelaksanaan Projek Langat 2 yang dijangkakan siap pada suku tahun 2017 telah berubah dan dijadualkan siap pada akhir tahun 2019. Begitu juga dengan projek-projek pembangunan yang masih tertanggung kelulusannya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara iaitu SPAN. Melalui projek pembangunan loji rawatan air Semenyih 2 dan projek pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang yang sedang dilaksanakan ia dapat meningkatkan kapasiti boleh agih seperti berikut, sementara menunggu siapnya projek pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2. Bagi Semenyih 2 dijangkakan siap pada Disember 2017 tahun ini dengan kapasiti 100,000,000 juta air sehari. Bagi Labohan Dagang dijangka siap pada Disember 2018 dengan kapasiti 200,000,000 juta air sehari yang kesemuanya berjumlah 300,000,000 juta air sehari. Projek pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang di Kuala Langat merupakan pelengkap kepada sistem agihan air yang menyeluruh bagi negeri Selangor. SSP 1 bagi kawasan Utara, Sungai Langat dan Semenyih bagi kawasan Tengah dan Labohan Dagang bagi kawasan Selatan. Rangkaian ini adalah sebagai usaha untuk memastikan keterhubungan sistem agihan air yang dapat membantu mana-mana kawasan yang mengalami masalah gangguan bekalan air. Projek pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang dapat memberikan..

**TUAN SPEAKER:** Panjang lagi ke Taman Templer? Boleh ringkaskan jawapan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Ok, saya ringkaskan. Projek pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang dapat memberikan bekalan air terawat tambahan khusus bagi menampung permintaan di kawasan Klang, Kuala Langat terutama di

**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

kawasan Sijangkang, Banting dan Telok Panglima Garang. Pada ketika ini, kawasan-kawasan ini tidak mempunyai sistem bekalan air yang khusus sebaliknya menerima air dari Loji Rawatan Air SSP 1, Loji Rawatan Air SSP 3 dan Loji Rawatan Air Semenyih melalui rumah pam Lipat Kajang dan merupakan kawasan yang berada di hujung sistem agihan air. Justeru itu, dengan siapnya projek ini, masalah air di kawasan-kawasan tersebut dapat diselesaikan dan akhirnya projek pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2, bila siap beroperasi ia dapat membekalkan air khususnya di kawasan Semenyih, Beranang dan sebahagian kawasan Hulu Langat dan mampu untuk menampung permintaan pembangunan baru di sepanjang Lebuh Raya Lekas dan pada ketika ini, pembelian telah dijalankan bersama-sama dengan AIR Selangor bagi tujuan untuk melihat kembali sistem agihan sedia ada bagi mengagihkan air terawat dari Loji Rawatan Air Semenyih 2 ini ke kawasan yang memerlukan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya dengar apa yang jawapan daripada Yang Berhormat EXCO tadi berkaitan dengan kerja-kerja ya, di tapak dan ada yang masih belum..di tapak masih kosong lagi ya, belum mula lagi jadi apakah pemantauan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan supaya kerja-kerja ini berada dalam jadual supaya apabila sampai masanya dia tidak terlewat sangat, kalau tidak dia akan juga menjejaskan, ya. Apakah pemantauan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sekinchan. Seperti yang saya jelaskan tadi bahawa pemantauan kerja tapak ini dilakukan secara berkala dan dipantau langsung oleh pihak UPEN dan pemantauan dibuat secara bulanan dan *Alhamdulillah* sekarang ini dia berjalan mengikut *schedule* cuma kelewatan disebabkan permasalahan tanah yang seperti mana yang saya sebutkan tadi proses pengambilan tanah itu telah berjaya, dapat diselesaikan dengan baik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, soalan No. 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : MAAHAD TAHFIZ SAINS**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan tiga lagi Maahad Tahfiz Sains melalui belanjawan 2015, sejauh manakah *progress* pembinaan tersebut?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi membangunkan keseluruhan tanah MITS Sabak Bernam di Bagan Terap yang masih terbiar?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, Sabak bertanya berkaitan dengan *progress* pembangunan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor. *Progress* pembinaan Maahad Tahfiz Sains mengikut belanjawan 2015 adalah seperti berikut :

- a) *Progress* pembinaan Maahad Tahfiz Sains mengikut belanjawan 2015 adalah seperti berikut:
  - i. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Pandan Indah  
Cadangan membina dan menyiapkan Maahad Tahfiz Integrasi Sains Pandan Indah, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan (Fasa 1) telah mencapai 90% di peringkat reka bentuk.
  - ii. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Bagan Lalang  
MITS Bagan Lalang dijangka tender pada 27 April disebabkan perubahan kos. Skop sedia ada dikurangkan. Pembinaan hanya 2 blok asrama dan 1 blok dewan makan, dengan kos RM20 juta..
  - iii. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Istana Bandar  
MITS Istana Bandar dijangka tender pada bulan Mei disebabkan kos pembinaan melebihi siling. Siling asal ialah RM30 juta, manakala anggaran JKR ialah RM33 juta. Skop merangkumi 1 blok asrama, 1 blok dewan makan dan 1 blok akademik.
- b) Pada masa ini Kerajaan Negeri merancang untuk terus melaksanakan kerja baikpulih fasa 2 terhadap bangunan-bangunan sedia ada sebagai bangunan yang boleh berfungsi sebagai bilik pengajaran dan pembelajaran. Baki keluasan tanah akan dibangunkan untuk pembangunan akan datang setelah semua blok bangunan digunakan sepenuhnya.

## **30 MAC 2017 (KHAMIS)**

Berkaitan dengan MITS Bagan Terap, pada masa ini, Kerajaan Negeri merancang untuk terus melaksanakan kerja baik pulih Fasa 2 terhadap bangunan-bangunan sedia ada sebagai bangunan yang telah berfungsi sebagai bilik pengajaran dan pembelajaran. Baki keluasan tanah akan dibangunkan untuk pembangunan akan datang setelah semua blok bangunan digunakan sepenuhnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD  
(11IJOK)**

**TAJUK: PUSAT HIBURAN**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di dapati beberapa pusat hiburan "Keluarga" telah menjalankan aktiviti dilarang seperti perjudian haram. Siapakah yang sepatutnya memantau pusat-pusat yang melakukan kesalahan tersebut?
- b) Berapakah lesen pusat-pusat hiburan yang diluluskan pada tahun 2016?
- c) Berapakah lesen yang telah ditamatkan dan rampasan premis pada 2016:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: ENAKMEN PUSAT HIBURAN DAN PUSAT SIBER**

63. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi menangani pusat-pusat siber yang kini menjadi sarang judi?
- b) Adakah terdapat cadangan menggubal Enakmen Pusat Hiburan dan Pusat Siber bagi mengawal serta mencegah masalah pusat-pusat tidak sah tersebut?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK)**

**TAJUK: PUSAT HIBURAN**

82. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan Statistik bilangan kelulusan di PBT Pusat Hiburan keluarga mengikut pecahan:
  - a. Di *Shop Lot*
  - b. Di *Shopping Complex*
- b) Apakah *standard* kelulusan sesebuah pusat hiburan keluarga di setiap PBT dan berapakah bilangan permohonan purata setiap tahun bermula 2010-2015?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK: LESEN PUSAT HIBURAN KELAURGA DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
(PBT)**

144. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan jumlah lesen Pusat Hiburan Keluarga yang telah diluluskan oleh setiap PBT pada tahun 2015 dan 2016.
- b) Apakah tindakan serta jumlah operasi yang telah diambil oleh setiap PBT supaya memastikan lesen itu tidak disalah gunakan oleh pemegang lesen?

**Y.B TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Ijok. Saya juga memohon menjawab soalan ini bersama soalan 63, 82 dan 144. Tuan Speaker sekiranya aktiviti yang dijalankan di pusat hiburan keluarga berunsur perjudian haram maka ia tertakluk di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 yang mana pihak Polis Diraja Malaysia bukan agensi yang bertanggungjawab bagi memantau operasi bagi pencegahan. Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171 Seksyen 110 menjelaskan

kuasa PBT untuk memasuki premis yang mana seseorang pegawai sesuatu PBT yang diberikan kuasa secara bertulis dengan sewajarnya boleh pada setiap masa yang munasabah memasuki mana-mana premis dalam kawasan PBT bagi maksud menjalankan apa-apa kuasa pemeriksaan penyiasatan ataupun menjalankan kerja yang diberikan kepada sesuatu PBT tetapi ini hanya untuk mengawal dari segi menjalankan perniagaan tanpa kelulusan PBT. Bidang kuasa PBT adalah terhad dan bukanlah satu-satunya agensi yang mempunyai bidang kuasa yang luas seperti polis di mana boleh menangkap dan membicarakan individu yang bersalah dalam Akta Rumah Judi Terbuka 1953 Akta Pertaruhan 1953 atau Akta pertaruhan Pool 1967. Jumlah lesen yang telah ditamatkan pada tahun 2016 adalah sebanyak 29 dan jumlah rampasan premis yang dibuat bagi tahun 2016 adalah sebanyak 17 di peringkat PBT. Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meminda Enakmen Pusat Hiburan Negeri Selangor kini dalam proses semakan bagi memastikan keseluruhan aspek diambil kira sebelum dibentangkan untuk kelulusan. Jumlah lesen pusat hiburan keluarga yang telah diluluskan oleh setiap PBT pada tahun 2015 dan 2016 adalah pada tahun 2015 adalah sebanyak 141 bagi tahun 2016 adalah sebanyak 158. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker. Insiden berlakunya pelanggaran undang-undang daripada segi operasi pusat-pusat hiburan ini menunjukkan tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan tidak mencegah untuk mereka terus beroperasi mungkin disita barangan tersebut tapi mereka terus mengulangi kesilapan. Jadi apabila Kerajaan Negeri mencadangkan untuk menggubal enakmen yang baru ini apakah aleman pencegahan yang akan dimasukkan ke dalam enakmen tersebut untuk menghalang mereka untuk berterusan mengulangi kesilapan berkali-kali.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Taman Medan. Untuk enakmen yang baru kita masih dalam peringkat yang awal saya tidak ada banyak maklumat terperinci untuk saya maklumkan kepada Yang Berhormat tapi dari segi pencegahan seperti yang saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini tadi bahawa dia lebih tertakluk kuasa undang-undang iaitu yang saya telah sebutkan tadi adalah di bawah pihak lebih kepada pihak polis kerana mereka mempunyai kuasa untuk menangkap kerana apabila pihak PBT kita membuat sitaan ke atas kedai-kedai yang melanggar undang-undang ini kita hanya boleh menutupkan kedai, hentikan aktiviti tersebut sahaja tapi kita tidak boleh menangkap orang yang di belakang, bos yang sebenar. Itu adalah kita perlu kerjasama daripada pihak polis untuk menangkap mereka supaya aktiviti dapat di kawal di bawah satu tahap yang minimum.

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih. Denda-denda yang telah diberi pada pendapat Ijok tidak cukup. Adakah rancangan kerajaan masukkan dalam enakmen baru ke akta baru ke untuk merampas kedai-kedai yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang haram ini sebab bila kita tutup bila kita ambil barang-barang perjudian dia tunggu beberapa bulan dan mula balik. Jadi pemilik-pemilik kedai-kedai ini adakah rancangan Kerajaan Negeri untuk rampas kedai-kedai.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Ijok. Saya memang menyambut baik cadangan daripada Ijok tapi kita perlu juga mengambil kira tentang peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara supaya ia memang tidak ada percanggahan antara enakmen yang baru dan Kanun Tanah Negara.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Soalan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat EXCO pindaan Enakmen Hiburan ini sudah lama saya dengan sejak tahun lepas lagi sejak zaman Sungai Pinang menjadi EXCO tapi sampai sekarang ini masih dalam perbincangan masih lagi cadangan jadi bilakah agaknya ia akan dilaksanakan bagi kita menyelesaikan terus masalah perjudian haram pusat *cyber* ini. Tak kan kita nak tunggu sampai pilihan raya nanti lepas itu kita buat manifesto dan manifesto hanya tinggal janji sahaja. Jadi saya nak mintak Yang Berhormat EXCO jawab supaya menjelaskan perkara ini dengan sebenarnya. EXCO nak tanya saya balik. Saya bertanya bila, daripada zaman Sungai Pinang jadi EXCO sampai sekarang ini cadangan dalam di peringkat diperhalusi lagi dan sebagainya jadi bila ianya bakal dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya tidak pasti Dengkil nak minta Sungai Pinang hendak jawab atau saya yang nak jawab saya tidak pasti tapi seperti saya maklumkan tadi bahawa di peringkat sekarang dengan di bawah saya sebagai EXCO untuk PBT ini memang masih dalam peringkat awal dan kalau Yang Berhormat ada pandangan ataupun cadangan boleh memaklumkan kepada saya dan saya akan minta UPEN untuk masukkan pandangan daripada Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan.

**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya Yang Berhormat EXCO adakah kerajaan mempunyai perancangan supaya bagi mengelakkan aktiviti tidak bermoral berlaku di kawasan-kawasan yang awalnya bukannya merupakan kawasan hiburan, pusat hiburan iaitu dikelilingi perumahan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan satu zon khas di kawasan khas yang boleh diadakan aktiviti berlesen untuk menyelesaikan perniagaan berbentuk hiburan?

**Y.B TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Tanjung Sepat. Pandangan Tanjung Sepat kita cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya kita mengadakan satu kawasan yang khas untuk Zon Hiburan ini memang ada sebahagian PBT telah melaksanakan dan ada yang sebahagian PBT masih lagi dalam kajian mengikuti kesesuaian tempat ataupun kawasan yang berkaitan. Kita di peringkat Kerajaan Negeri kita tiada arahan untuk mereka mesti mengadakan satu zon berdasar kepada keputusan PBT masing-masing.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih. Saya faham isu yang dikaitkan ini banyak di bawah bidang kuasa polis tetapi saya yakin sementara menunggu enakmen apa juga *proposal* kepada perundangan yang baru saya rasa perlu ada satu kaedah yang mesti diguna pakai ataupun boleh dibawa pakai di bawah PBT. Kalau satu-satu premis perjudian ataupun dianggap sebagai perjudian itu tiga atau tujuh kali telah pun berulang-ulang kali di ditutup, disita dan sebagainya tetapi minggu besoknya ada balik dan peralatannya baru lagi. Jadi saya cadangkan apakah perlunya apakah pihak PBT boleh merangka satu kawasan di bawah undang-undang kecil supaya jika sesuatu premis yang sama di tempat yang sama individu yang sama telah beroperasi sebanyak tujuh kali maksimum atau telah di notis tujuh kali maksimum ia perlu di tutupkan selama-lamanya. Terima kasih.

**Y.B TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya rasa yang paling berkesan adalah PBT kita perlu bekerjasama dengan pihak polis sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas mereka. Kalau kita hanya, saya setuju kepada pandangan Yang Berhormat bahawa kalau kita hanya di peringkat PBT kita menyita setiap kali dia buka balik memang tidak berapa berkesan. Yang paling berkesan ialah kita perlu kerjasama dengan lebih erat dengan pihak polis dan saya juga berharap pihak polis dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan PBT sama-sama kita mencegah isu ini.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.



**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER:** Telok Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Saya 40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK: HAKISAN TEBING SUNGAI DAN PANTAI NEGERI SELANGOR**

40. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kejadian hakisan tebing tanah di sepanjang persisiran pantai.
- b) Berapakah kos dibelanjakan untuk tujuan tersebut.
- c) Sila nyatakan Projek yang telah dilakukan sepanjang tahun 2015 dan 2016.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Telok Datok. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mengenal pasti tempat-tempat yang bermasalah dan kritikal dalam mengurangkan kejadian hakisan tebing tanah di sepanjang persisiran pantai dengan melaksanakan projek kawalan hakisan dan memperkukuhkan benteng pantai di kawasan pertanian di Daerah Kuala Selangor, Kawasan hakisan dan memperkukuhkan kawasan hakisan Blok 1, Blok 2 dan *coastal belt* Daerah Sabak Bernam dan serta dijangka dilaksanakan juga di Daerah Klang, Sepang dan Kuala Langat. Peruntukan siling Rancangan Malaysia ke -11 yang diluluskan sebanyak RM33.5 juta manakala peruntukan semasa 2017 adalah sebanyak RM12.2 juta. Projek kawasan hakisan dan memperkukuhkan benteng pantai di kawasan pertanian di Daerah Kuala Selangor serta kawalan hakisan dan memperkukuhkan benteng pantai di Blok 1, Blok 2 dan *coastal belt* fasa satu di Daerah Sabak Bernam telah di laksanakan pada tahun 2016 dan fasa dua dijangka pada April 2017. Sebanyak sembilan projek lantikan perunding bagi menjalankan kajian dan reka bentuk terperinci projek kawalan hakisan di Daerah Klang, Sepang dan Kuala Langat dijangka di laksanakan pada tahun 2017.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**Y.B. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Saya nak tanya. Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya kepada YB EXCO berapakah kadar purata hakisan pantai di Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Kadar purata hakisan pantai kalau di Malaysia dalam 12 meter setiap tahun namun begitu hasil kajian *Nasional Coastal Erosion* mendapati bagi pantai di Kuala Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang mengalami hakisan yang teruk kadar hakisannya boleh mencapai 24 meter setahun. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Peraturan 24.2 saya ingin mengambil soalan Yang Berhormat Bukit Gasing.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan kerana soalan ini ramai ADUN yang bertanya soalan yang sama. Silakan pihak kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR Selangor**

41. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pengambil-alih konsesi SPLASH
- b) Apakah kos pampasan yang perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi menamatkan konsesi SPLASH menggunakan *expropriation clause*?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK: PENGAMBILALIHAN ASET DAN PENGURUSAN INDUSTRI AIR**

209. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

## **30 MAC 2017 (KHAMIS)**

- c) Bilakah perjanjian pengambilalihan pengurusan industri air akan dimuktamadkan sepenuhnya?
- d) Berapakah jumlah kos yang terpaksa ditanggung kerajaan akibat kelewatan memuktamadkan pengambilalihan aset dan pengurusan air?
- d) Apakah kesan terhadap pengambilalihan tersebut kepada rakyat?

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LAU WENG SAN (N35 KAMPUNG TUNKU)**

#### **TAJUK: PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR**

244. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penstrukturan semula industri air Selangor berkenaan dengan penilaian bebas terhadap nilai Syarikat SPLASH yang sepatutnya lengkap pada bulan Februari memandangkan isu ini tidak harus dilengahkan lagi untuk kepentingan rakyat?

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK (N09 PERMATANG)**

#### **TAJUK : PEMBELIAN SPLASH**

309. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembelian SPLASH?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh membiarkan proses pengambilan ini berlarutan sehingga menjejaskan penstrukturan semula industri air Selangor?

**Y.A.B TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Yang Berhormat Tuan Speaker. Isu pengambilalihan Syarikat Konsesi Air dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula Industri perkhidmatan bekalan air Negeri Selangor telah menarik perhatian pelbagai pihak termasuk Yang Berhormat Bukit Gasing, Yang terhormat Tanjung Sepat, yang Berhormat Kampung Tunku dan Yang Berhormat Permatang. Oleh sebab ahli-ahli yang Berhormat yang saya sebutkan tadi telah menyentuh perkara-

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

perkara yang sama saya pohon izin Yang Berhormat Tuan Speaker untuk menjawab bersekali soalan-soalan 41, nombor 209, nombor 244 dan nombor 309. Memandangkan proses penstrukturan semula ini adalah sangat rumit dan memerlukan penelitian dan tindakan yang telus dan terbuka. Izinkan saya mengambil masa untuk menarik perhatian Dewan kepada latar belakang penstrukturan industri perkhidmatan bekalan air. Saya berharap penjelasan ini akan menjadi dokumen penjelasan yang penting untuk rujukan di masa akan datang. Penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor adalah bermatlamat untuk mengambil alih semua Syarikat Konsesi Air di Negeri Selangor dan menyusun semula industri perkhidmatan bekalan air ke arah satu perkhidmatan yang holistik di bawah satu operator yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri dan di kawal selia di bawah Akta Industri Air Negara bagi merealisasikan perkhidmatan air yang efisien efektif berdaya saing dan mampan.

Pada 12 September 2014, perjanjian utama atau *master agreement* telah dimeterai di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dan Pengurusan Aset Air Berhad. Perjanjian Utama ini telah memperuntukkan terma-terma bagi pelaksanaan penyusunan semula industri perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor. Pada 15 Julai 2015, perjanjian tambahan kepada perjanjian utama juga telah ditandatangani untuk menyelesaikan isu tanah, Loji Rawatan Air Sungai Semenyih, Loji Rawatan Air Bukit Nanas dan aset-aset air syarikat konsesi. Bagi melaksanakan perjanjian utama, susulan daripada perjanjian tambahan pengambilalihan SYABAS dan Puncak Niaga telah dimuktamadkan pada 15 Oktober 2015, manakala ABASS pada 31 Disember 2015. Beberapa siri rundingan telah diadakan di antara Kerajaan Negeri Selangor, Air Selangor dan SPLASH berhubung nilai yang berpatutan untuk pengambilalihan SPLASH memandangkan SPLASH pernah menerima tawaran bertulis daripada Kerajaan Negeri Selangor pada 25 Jun 2009 bernilai 2.975 bilion ringgit. Untuk makluman dewan pihak SPLASH telah menerima tawaran tersebut secara bertulis melalui surat bertarikh 20 Julai 2009 dan telah memaklumkan kepada KETTHA melalui surat bertarikh 15 Oktober 2009. Tawaran yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor ketika itu dan dipersetujui oleh SPLASH adalah sebanyak RM2.975 bilion iaitu dengan pecahan seperti berikut. Nilai ekuiti yang akan dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada SPLASH berjumlah RM1.749 bilion ringgit, jumlah liabiliti yang akan diambil alih oleh Kerajaan Negeri bernilai RM1.266 bilion ringgit. Walau bagaimanapun Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor selepas 23 September 2014, berpendirian bahawa penentuan nilai pengambilalihan SPLASH mestilah dibuat secara telus termasuk mendapatkan pandangan daripada penilai bebas demi menjamin kepentingan rakyat Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri telah melantik penilai bebas. Hasil dapatan daripada penilai bebas tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air pada 30 Jun 2016. Dalam rangka untuk memuktamadkan pengambilalihan SPLASH

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

pihak-pihak kepada perjanjian utama perlu menandatangani perjanjian tambahan kedua ke atas perjanjian utama untuk menetapkan terma-terma pengambilalihan SPLASH termasuk kaedah pembiayaan. Namun demikian sebelum perjanjian tambahan kedua dimuktamadkan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh KETTHA melalui surat bertarikh 17 Oktober 2016 mengenai keputusan jemaah menteri pada 5 Oktober 2016 untuk melantik penilai bebas antarabangsa bagi menilai dan mencadangkan nilai pengambilalihan SPLASH bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Di dalam surat yang sama KETTHA mencadangkan tarikh akhir untuk Air Selangor mengambil alih ekuiti dalam SPLASH dilanjutkan selama 6 bulan lagi kepada 6 April 2017. Sehingga hari ini Kerajaan Negeri Selangor belum dimaklumkan secara bertulis berhubung pendirian jemaah menteri terhadap hasil dapatan yang dibuat oleh penilai bebas yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri dikejutkan apabila menerima surat daripada KETTHA bertarikh 6 Mac 2017 yang antara lain meminta Kerajaan Negeri mengemukakan pendirian mengenai kaedah pembiayaan pengambilalihan SPLASH iaitu 60 peratus dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui PAAB dan 40 peratus dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Keputusan KETTHA ini adalah *pre mutual* memandangkan Kerajaan Negeri belum menerima pendirian rasmi jemaah menteri tentang dapatan penilai bebas yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri telah menjawab surat tersebut pada 17 Mac 2017 dan menegaskan sekali lagi pendirian Kerajaan Negeri Selangor iaitu pertama, tidak bersetuju dengan cadangan KETTHA untuk menetapkan nisbah pembiayaan 60:40 di mana Kerajaan Persekutuan hanya membiayai 60 peratus manakala Kerajaan Negeri diminta untuk membiayai 40 peratus. Pendirian ini pernah disampaikan oleh saya kepada Yang Berhormat Menteri dalam pertemuan pada 27 September 2016. Kedua, Kerajaan Negeri Selangor bersetuju untuk membawa semula kepada pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri setelah hasil kajian penilaian bebas yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan dibentangkan terlebih dahulu kepada Jemaah Menteri dan sebarang keputusan mestilah dimaklumkan secara bertulis kepada Kerajaan Negeri Selangor. Untuk makluman dewan Kerajaan Negeri Selangor masih menunggu maklum balas jemaah menteri berhubung nilai pengambilalihan SPLASH yang dibuat oleh penilai bebas yang telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. Perkembangan yang terkini adalah pihak KETTHA melalui surat bertarikh 14 Mac 2017 lebih kurang dua minggu yang lalu telah mengarahkan semua pihak-pihak kepada perjanjian utama hendaklah melanjutkan semua perkiraan di dalam perjanjian yang berkaitan dengan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kepada tempoh 6 bulan iaitu sehingga 5 Oktober 2017. Berdasarkan penjelasan yang diberikan tadi sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Tanjung Sepat, Yang Berhormat Kampung Tunku dan Yang Berhormat Permatang bahawa jelas kelewatan memuktamadkan pengambilalihan SPLASH bukan berpunca daripada Kerajaan Negeri tetapi tempoh lanjutan yang dicadangkan sendiri

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

oleh Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan jemaah menteri mendapatkan pandangan bebas dari penilai antarabangsa. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tanjung Sepat mengenai jumlah kos yang terpaksa ditanggung Kerajaan Negeri akibat kelewatan memuktamadkan pengambilalihan aset dan pengurusan air, sukacita saya menyatakan di sini bahawa tiada kos di pihak Kerajaan Negeri. Namun ia akan memberi tekanan kewangan kepada Air Selangor memandangkan kos operasi seperti kadar bayaran pukal air iaitu *box supply rate* bayaran tetap bulanan atau *fix monthly payment* akan terus di *charge* oleh SPLASH. Jumlah ini akan meningkat setiap bulan sehingga 31 Disember 2016, jumlah tertunggak bagi BSR dan FMP telah meningkat kepada 3.7 bilion ringgit. Walau bagaimanapun Air Selangor akan pastikan tekanan kewangan tersebut akan diuruskan dengan bertanggungjawab demi menjamin kepentingan pengguna serta tidak membebankan rakyat. Justeru itu, Kerajaan Negeri sentiasa menegaskan kepada Kerajaan Persekutuan supaya pengambilalihan SPLASH ini dapat dimuktamadkan segera dengan menjamin prinsip yang telus dan terbuka. Yang Berhormat Tanjung Sepat juga ingin mengetahui apakah kesan pengambilalihan syarikat konsesi air kepada rakyat, matlamat pengambilalihan semula industri perkhidmatan bekalan air adalah untuk mengambil alih operasi rawatan dan pengagihan bekalan air daripada syarikat-syarikat pemegang konsesi air sedia ada dan menguruskan secara holistik. Air Selangor merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri akan dikawal dan diawasi oleh Kerajaan Negeri untuk pertama memastikan penyediaan perkhidmatan bekalan air yang lebih efisien dan efektif kepada pengguna di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Yang kedua menyampaikan perkhidmatan dengan lebih sistematik dan berkesan terutama daripada aspek kualiti perkhidmatan, ekonomi teknikal sosial dan perlindungan hak pengguna dengan pemantauan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau SPAN selaku badan kawal selia air. Sistem komprehensif ini akan mewujudkan sistem urus tadbir yang baik dan cekap dan telus di mana faedahnya akan dapat dirasai oleh semua rakyat Selangor dan pengguna dan yang ketiga menawarkan tarif yang tidak membebankan pengguna tertakluk kepada kelulusan SPAN. Perjanjian konsesi yang lalu telah menetapkan tarif yang akan naik setiap 3 tahun sekali, melalui penstrukturan semula Kerajaan Negeri telah mengambil satu langkah dan tindakan *preventive* kepada kenaikan tarif air iaitu dengan menghalang pihak konsesi melaksanakan kenaikan kadar tarif semenjak tahun 2008 lagi. Tarif air kali terakhir dikaji dan dinaikkan adalah pada tahun 2006. Semenjak itu tidak ada kenaikan tarif selama 11 tahun. Sekiranya penstrukturan ini tidak dilaksanakan tarif sudah pun dinaikkan sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 2009, 2012 dan 2015 iaitu dengan kenaikan sebanyak 105 peratus kepada RM2.86 bagi setiap meter padu berbanding dengan Ringgit Malaysia 1.39 pada masa sekarang. Yang Berhormat Bukit Gasing telah membangkitkan tentang kos pampasan yang perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi menamatkan konsesi SPLASH dengan menggunakan kaedah *expropriation clause*. Jika dibandingkan dengan kos

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

pengambilalihan ekuiti SPLASH, kos pampasan jika kaedah *expropriation* ini dilaksanakan adalah lebih tinggi melalui kaedah *expropriation* segala bayaran BSR dan FMP yang tertunggak masih perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada SPLASH selain dari nilai aset dan modal berbayar SPLASH seperti yang telah dinyatakan di dalam perjanjian konsesi. Secara keseluruhan kos pampasan setakat 31 Mac 2015 melalui kaedah *expropriation* adalah dianggarkan sebanyak 4.9 bilion ringgit. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menggunakan kaedah ini kerana kaedah ini akan membebankan rakyat. Dalam kaedah yang sedang dirundingkan dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui kaedah pengambilalihan ekuiti SPLASH, Kerajaan Persekutuan telah pun bersetuju untuk membiayai proses pengambilalihan SPLASH melalui ekuiti SPLASH. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, secara terperinci, saya Cuma nak tanya sekiranya keputusan, saya yakin penimbang tara, penilai bebas ini akan dapat diselesaikan dalam satu tempoh kita tak tahu berapa, mungkin yang terakhir Oktober 2017. Kita sedia tunggu. Isu yang saya nak bertanya ialah bagaimana persiapan Kerajaan Negeri sekiranya jemaah menteri mungkin mengekalkan ataupun kekal dengan keputusan 60 / 40. Jadi 60 peratus 40 peratus pembiayaan sebab isunya ialah pengambilan ini adalah cadangan daripada Kerajaan Negeri. Jadi bagaimana Kerajaan Negeri akan membuat pertimbangan dari segi persediaan untuk membuat pembayaran untuk 40 peratus ini kerana kalau ikut daripada sekiranya jumlah itu kekal dengan 2.975 bilion bererti kalau 40 peratus Kerajaan Negeri perlu ada persiapan lebih kurang 1 bilion 190 juta kewangan yang perlu disediakan. Sama ada Kerajaan Negeri mengambil daripada pasaran bebas, menerbitkan terbitan bon atau apakah persiapan Kerajaan Negeri dalam menyediakan pembiayaan ini. Terima kasih. Ataupun bersediakah menggunakan *reserve* Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Seperti yang telah saya nyatakan tadi pendirian Kerajaan Negeri jelas, kita menolak cadangan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung kaedah pembiayaan pengambilalihan SPLASH dengan menetapkan pembiayaan nisbah 60:40 atas satu prinsip yang jelas di mana ketika kita menandatangani perjanjian utama pada 12 September 2014, keseluruhan *exercise* ini kita lihat sebagai satu entiti di mana mengikut Akta WHSIA yang telah saya jelaskan tadi semua syarikat-syarikat konsesi air

ini akan diambil alih oleh Kerajaan Negeri. Persoalannya pada ketika itu Puncak Niaga, SYABAS dan ABASS telah pun dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui PAAB dengan membayar 100 peratus.

Mengapa SPLASH dikemukakan dengan kaedah yang lain. Saya telah menyatakan perkara ini kepada YAB Menteri bahawa kaedah yang sama secara tuntas dan konsisten mesti diguna pakai dalam pembiayaan pengambilalihan syarikat SPLASH. Walau bagaimanapun, alasan yang dibangkitkan oleh YAB Menteri pada ketika itu ialah kerajaan persekutuan tidak mempunyai kewangan yang mencukupi, tetapi bagi saya itu bukan masalah negeri, itu masalah persekutuan yang perlu diteliti dan disemak tetapi saya mengajak Persekutuan supaya menggunakan kaedah yang sama seperti yang telah dilaksanakan kepada 3 syarikat yang lain sebelum ini, kerana ia merupakan satu entiti, satu *exercise* yang telah dinyatakan dalam perjanjian utama.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sedikit lagi. Terima kasih Speaker. Sekira itu Kerajaan Negeri menolak cadangan nisbah, sekiranya itulah keputusan yang masih dikekalkan mungkin nisbahnya diturunkan 80:20, 90:10 *still* menggunakan nisbah. Saya nak tanya apa persiapan ini dan yang kedua saya nak tanya pada YAB Dato' Menteri Besar cadangan RM2.975 bilion cadangan asal yang tadi disebut ditawarkan pada 2009. Pada pandangan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri apakah nisbah itu, ataupun jumlah itu satu jumlah yang munasabah. Pada pandangan Kerajaan Negeri sekarang di bawah pimpinan YAB Menteri Besar, apakah itu satu jumlah yang besar ataupun satu jumlah yang berpatutan?. Saya nak minta pandangan 2 perkara tadi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Persoalan pertama yang dibangkitkan tentang nisbah 60:40 sekiranya kerajaan persekutuan berkeras untuk mengekalkan nisbah tersebut. Kerajaan Negeri berpendirian bahawa mereka mesti menggunakan prinsip yang sama. Namun, kita juga mengambil maklum bahawa salah satu pemegang saham dalam syarikat SPLAS ialah Kerajaan Negeri juga melalui KPS, kita mempunyai 30 % pemegang saham di dalam syarikat SPLASH. Jadi perkara-perkara ini masih dalam rundingan dan kita telah menyatakan perkara ini dalam proses rundingan tersebut, saya sendiri telah memaklumkan kepada YB Menteri dan baru-baru ini kita telah memberikan secara bertulis tentang pendirian Kerajaan Negeri dan kita berharap dalam tempoh lanjutan yang diberikan ini dapat kita meyakinkan kerajaan persekutuan supaya mengguna pakai prinsip yang sama seperti yang telah dilaksanakan sebelum ini. Yang keduanya, saya juga nak menyatakan di sini bahawa ini sekali lagi dalam proses rundingan yang berjalan, apa pun kaedah yang akan dipersetujui secara *mutual* antara persekutuan dan negeri. Mestilah tidak membebankan rakyat dan pengguna di dalam negeri Selangor. Kita tidak mahu berdiri di sini, berpihak kepada syarikat tetapi



## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

kita punya tanggungjawab moral untuk memastikan kos pengambilalihan air syarikat konsesi SPLASH ini tidak akan memberikan kesan dan beban kepada rakyat dan pengguna di negeri Selangor. Persoalan yang kedua, sama ada kita bersetuju atau tidak dengan penilaian yang telah dibuat dalam pentadbiran yang lepas yang berjumlah RM2.975 bilion itu satu perkara yang memang dalam pertimbangan Kerajaan Negeri, sebab itulah kita mengambil pendirian untuk mendapatkan pandangan daripada penilai bebas untuk memberikan satu pandangan bebas sama ada nilai tersebut satu nilai yang berpatutan atau sebaliknya. Ini bukan soal adil kepada syarikat, bagi Kerajaan Negeri kita mahu nilai yang berpatutan yang tidak membebankan rakyat. Jadi, untuk berlaku adil kepada semua pihak kita merasakan pendekatan yang terbaik ialah mendapatkan pandangan daripada penilai bebas dan saya gembira kerana akhirnya kerajaan persekutuan juga mengambil langkah yang sama untuk melantik penilai bebas setelah lebih setahun Kerajaan Negeri mengambil langkah tersebut. Jadi, kita mendukung usaha kerajaan persekutuan kerana itu merupakan suatu proses yang terbuka dan *transparent* bagi menentukan nilai yang berpatutan untuk pengambilalihan syarikat SPLASH ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sedikit lagi Speaker, kalau boleh.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, bagi laluan pada orang lain. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker, YAB Dato' Menteri Besar saya nak tanya, soalan tambahan saya ialah kenapa pihak kerajaan persekutuan mewujudkan atau mencadangkan kaedah yang merugikan Kerajaan Negeri dan rakyat negeri Selangor. Sebaliknya menguntungkan pihak konsesi, saya nak tahu apakah rasional, apakah motif dan kisah benar disuruh cadangan yang pertama itu. Tolong bagi tahu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Sekinchan. Saya tidak boleh menjawab bagi pihak kerajaan persekutuan pada hari ini, mungkin selepas pilihan raya kita boleh jawab bagi pihak kerajaan persekutuan ya, tetapi kita juga sedia maklum bahawa dalam banyak perkara kerajaan persekutuan lebih berpihak kepada syarikat dan juga kepada rakyat. Maka saya mempertahankan prinsip ini supaya kepentingan rakyat dan pengguna itu mesti dipertahankan dan saya nak bagi jaminan kepada rakan-rakan saya dalam UMNO di dalam dewan ini bahawa proses ini mesti dibuat secara kolektif dan saya berharap YB Permatang kena mempertahankan usaha yang dibuat Kerajaan Negeri pada hari ini kerana sebagai Ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat Selangor jangan mempertahankan UMNO Putrajaya. Kena mempertahankan kepentingan rakyat di negeri Selangor. Jadi dalam usaha kita untuk menentukan nilai yang berpatutan dengan melantik penilai bebas, saya minta YB Permatang, Semenyih,

Dengkil dan juga Batang Kali untuk bersama-sama saya dalam perkara ini supaya kepentingan rakyat itu akan dipertahankan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan, terima kasih Tuan Speaker. Soalan Sekinchan tadi seolah-olah kerajaan persekutuan menyebelahi konsesi, apa kaitan kerajaan persekutuan dengan SPLASH, syarikat yang dikuasai oleh GAMUDA yang tak ada kepentingan langsung satu sen pun oleh kerajaan persekutuan di dalam syarikat yang berkenaan, jadi yang ada kepentingan itu bukan kerajaan persekutuan, dalam SPLASH yang ada 30% itu Kerajaan Negeri. Jadi Sekinchan jangan nak buat tuduhan, jangan jadikan suasana yang tegang, tetapi saya minta YAB Menteri Besar kena betulkan Sekinchan itu. Soalan itu pun salah dah. Jadi GAMUDA tak ada kepentingan kerajaan persekutuan dalam itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok, terima kasih Permatang.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah soalan 42 telah dijawab bersekali dengan soalan 5. Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, Soalan Nombor 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK: ISU YANG BELUM DISELESAIKAN**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan usaha-usaha yang diambil oleh pihak COB dalam mengatasi masalah JMB/MC yang tidak efisien, seperti tidak membuat mesyuarat agung dan menghantar penyata kewangan?
- b) Berapa kes sebegini, nyatakan setiap PBT.
- c) Apa tempoh penyelesaian yang diguna kapai bagi menyelesaikan satu-satu kes itu?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada Batu Tiga. Soalan apakah pihak ataupun tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

COB ataupun pihak Pesuruhjaya Bangunan terhadap masalah di JMB dan MC yang tidak efisien seperti tidak membuat mesyuarat agung dan menghantar penyata kewangan. Ada dua perkara yang dilakukan yang pertama adalah dari segi kita telah adakan satu kursus-kursus, banyak kursus yang telah diadakan di bawah satu program yang dinamakan sebagai fokus iaitu format kokurikulum perumahan berstrata di mana JMB dan MC telah dipanggil untuk memberi mereka ilmu ataupun kepakaran-kepakaran dalam mentadbir kawasan mereka, tetapi selepas itu pihak JMB dan MC ataupun pihak COB telah menghantar notis-notis peringatan kepada pihak JMB dan MC yang tidak ataupun melakukan mesyuarat agung ataupun tidak menghantar penyata kewangan. Untuk makluman YB, bahawa jumlah notis dan jumlah yang dihantar kepada JMB dan MC sama ada untuk mesyuarat agung ataupun penyata kewangan adalah seperti berikut. Notis ini untuk 2016 ya, notis pertama untuk memaklumkan bahawa mereka perlu mengadakan mesyuarat agung untuk keseluruhan negeri Selangor sebanyak 820 notis telah dihantar oleh pihak COB. Kedua belas, dua belas COB pada JMB dan MC. Itu notis pertama dan notis kedua sekiranya mereka tidak juga mengadakan mesyuarat agung kita telah menghantar ataupun COB telah menghantar sebanyak 180 notis, kemudian juga diadakan perbincangan untuk penyelesaian telah terdapat ataupun diadakan 108 perbincangan untuk penyelesaian dan juga tentang pelantikan seseorang agen sekiranya pihak COB tidak mampu ataupun pihak. Minta maaf pihak JMB ataupun MC tidak mampu untuk menyelenggarakan kawasan mereka sebanyak 61 kes ataupun 61 kawasan, di mana agen telah dilantik. Berkaitan dengan penyata kewangan mengikut Akta 757 di mana fasal 26 (1)(b) di mana setiap tahun pihak jawatankuasa perlu menghantar ataupun melantik juruaudit untuk melakukan audit kepada akaun mereka setiap tahun dan fasal 26 (1)(c) mereka perlu memfailkan penyata tersebut kepada COB dalam masa 14 hari selepas penyata tersebut siap. Untuk notis pertama penyata kewangan sebanyak 662 kawasan telah dihantar notis untuk menghantar penyata tersebut. Untuk notis kedua sebanyak 228 kawasan telah dihantar notis kedua iaitu selepas 14 hari notis pertama, tiada tindakan kita hantar notis yang kedua, perbincangan penyelesaian di antara terdapat 116 kawasan di mana telah diadakan perbincangan penyelesaian. Untuk soalan tentang tempoh penyelesaian yang digunakan bagi menyelesaikan sesuatu isu ianya adalah bergantung kepada tempat ke tempat lah, bermakna berbeza daripada satu tempat ke satu tempat dan ia nya juga adalah tertakluk kepada kemampuan JMB atau MC tersebut, tetapi kita memberi masa 14 hari daripada notis pertama sehingga notis kedua untuk mereka respons kepada notis pertama. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batang kali.

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** YB Speaker, saya nak bertanya di sini siapakah COB sebenarnya di dalam PBT?. Adakah dia merupakan unit sebenar dalam penyelesaian kita ini?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Menurut Akta COB itu adalah ataupun Pesuruhjaya Bangunan bagi setiap PBT adalah ketua bagi majlis Pihak Berkuasa Tempatan dan ia nya dilantik bukan *by*, bukan dikira sebagai jawatan mereka tetapi sebagai nama bermakna nama siapakah YDP tersebut ataupun siapakah Datuk Bandar tersebut, bermakna kalau ada pertukaran Datuk Bandar terpaksa kita buat pelantikan di peringkat EXCO, yang ini adalah seperti mana yang termaktub dalam Akta, tetapi setiap PBT dia ada dia punya unit ataupun dia ada jabatan menurut kepada berapa banyak pembangunan MC ataupun JMB dalam sesuatu tempat. Jadi bermakna kita dari segi *manpower* ataupun dari segi pegawai-pegawai yang terlibat ia nya berbeza daripada PBT kepada satu PBT kepada satu PBT yang lain. Mungkin di dalam kawasan di mana terdapat, tidak terdapat banyak pembangunan berstrata ia nya kecil tetapi di kawasan seperti Majlis Bandar raya Petaling Jaya ataupun Subang Jaya ataupun Ampang Jaya di mana jumlah kakitangannya lebih daripada tempat yang lain. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tambahan sedikit, nak penjelasan sedikit ya.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, saya tertarik dengan apa yang telah dibentangkan oleh YB EXCO tetapi saya lihat walaupun dinyatakan dari satu notis, notis pertama ke notis kedua mengambil masa 14 hari. Selepas itu ada tindakan-tindakan susulan yang akan dibuat. Tetapi banyak saya lihat apa ini pangsapuri-pangsapuri terutamanya yang kos rendah kita dapati ia nya melebihi 14 hari, kadang-kadang makan 2 tahun ia nya tidak dapat lagi diselesaikan. Jadi soalan saya apakah tindakan yang lebih kemas yang lebih wajar diambil cadangan daripada pihak EXCO untuk memastikan isu ini tidak berpanjangan, daripada 2 tahun masuk 3 tahun dan akhirnya jadilah flat-flat sebagaimana yang berlaku di Sri Nipah yang mana pengurusannya masih lagi tidak baik tetapi JMB kekal di situ. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Untuk makluman YB, dari segi pelantikan JMB. JMB mereka hanya boleh pegang jawatan mereka maksimum 3 tahun, jadi bermakna walaupun ada pemilihan, jadi selepas 3 tahun mereka terpaksa melepaskan jawatan mereka contohnya Pengerusi tetapi mereka boleh tukarlah mereka menjadi Setiausaha atau boleh jadi Jawatankuasa. Jadi ini memanglah suatu kerja yang berterusan untuk kita mendidik masyarakat. Selain daripada notis dan juga

melihat bahawa terdapat kawasan-kawasan yang memang tidak mampu untuk menguruskan kawasan mereka bersendirian. Itu sebab bahawa ada tempat di mana pihak Pesuruhjaya Bangunan telah melantik agen untuk mengendalikan tempat-tempat tersebut. Memang ada satu cadangan daripada pihak Dewan iaitu agar ataupun daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam beberapa persidangan Sidang DUN yang lepas, Sidang Dewan Negeri yang lepas di mana Yang Berhormat meminta supaya Kerajaan Negeri mengambil alih pengurusan semua pangsapuri-pangsapuri terutamanya kos rendah. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah pertama iaitu memperkenalkan satu program yang dinamakan sebagai *Smart Life*. Dalam Program *Smart Life* ini Kerajaan Negeri akan menguruskan atau memberi subsidi seratus peratus kepada pengurusan semua lif di pangsapuri-pangsapuri kos rendah di Negeri Selangor. Terdapat 403 lif bukan pemajuan, terdapat 403 pemajuan di mana Kerajaan Negeri akan mengeluarkan subsidi supaya semua kawasan tersebut ataupun lif tersebut walaupun ianya akan diuruskan oleh syarikat-syarikat kompeten yang dilantik oleh JMB ataupun yang telah sedia ada tetapi Kerajaan Negeri telah akan mengeluarkan peruntukan untuk supaya ianya dapat di selenggara dengan baik dan kos untuk kita menyelenggarakannya adalah sebanyak RM8,000,000.00 setahun. Jadi bermakna bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah ke arah untuk membantu mereka yang tinggal di pangsapuri-pangsapuri kos rendah tersebut dengan kita mengambil alih pengurusan lif itu yang kita akan buat. Tak ada negeri yang buat. Selangor saja yang buat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil .

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 44.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIM  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK: KHIDMAT BAS SELANGORKU PERCUMA (IPR 13 )**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah pengguna IPR 13 pada tahun 2016 mengikut PBT.
- b) Nyatakan secara terperinci pecahan perbelanjaan IPR 13 pada tahun 2016 mengikut PBT?

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan nombor 85 dari Balakong dan soalan nombor 220 daripada Teratai. Tuan Speaker, perkhidmatan Bas Smart Selangor mula dilaksanakan pada 1 Julai 2015 dan sehingga kini terdapat 15 laluan telah diperkenalkan di 11 Pihak Berkuasa Tempatan. Statistik penumpang Bas Smart Selangor dari tempoh 1 Julai 2015 hingga 28 Februari 2017 adalah sebanyak 5,934,770 orang dan pecahan penumpang mengikut tahun adalah seperti berikut :-

| <b>TAHUN</b>                     | <b>JUMLAH PENUMPANG</b> |
|----------------------------------|-------------------------|
| 2015 (mulai 1 Julai 2015)        | 546,661 penumpang       |
| 2016                             | 4,163,654 penumpang     |
| 2017 (Sehingga 28 Februari 2017) | 1,224,455 penumpang     |

Bagi maklumat terperinci yang dipohon oleh Yang Berhormat Balakong dan Dengkil berkaitan statistik pengguna Bas Smart Selangor mengikut PBT. Saya akan menyebut beberapa yang besar dan yang terperinci akan dihantar secara bertulis.

### **Tahun 2015 (mulai 1 Julai 2015)**

|   |                |
|---|----------------|
| Majlis Bandar Raya Shah Alam – Laluan 1 | 270,491        |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya          | 192,196        |
| Majlis Perbandaran Klang                | 83,974         |
| <b>JUMLAH</b>                           | <b>546,661</b> |

### **Tahun 2016**

|                                |         |
|--------------------------------|---------|
| Majlis Bandar Raya Shah Alam   | 866,045 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 690,141 |
| Majlis Perbandaran Klang       | 523,884 |
| Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 461,492 |
| Majlis Perbandaran Kajang      | 788,324 |
| Majlis Perbandaran Selayang    | 532,878 |

**Tahun 2017 (sehingga 28 Februari 2017)**

|                                |         |
|--------------------------------|---------|
| Majlis Bandar Raya Shah Alam   | 274,265 |
| Majlis Perbandaran Subang Jaya | 243,774 |
| Majlis Perbandaran Klang       | 148,203 |
| Majlis Perbandaran Kajang      | 164,622 |
| Majlis Perbandaran Selayang    | 165,807 |

Peningkatan jumlah penumpang Bas *Smart* Selangor ini secara tidak langsung telah menunjukkan indikasi positif terhadap sambutan masyarakat di dalam menggunakan pengangkutan awam sebagai mod kemudahan untuk pelbagai urusan yang dilaksanakan. Kos bagi penyediaan Bas *Smart* Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 adalah menggunakan peruntukan di bawah Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor . Namun begitu dua tambahan laluan baru di Shah Alam dan Subang Jaya yang dilaksanakan pada bulan November 2016 telah dibiayai oleh PBT masing-masing iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya berdasarkan Konsep 1+1. Untuk tahun 2015 kos bagi penyediaan Bas *Smart* Selangor di tiga PBT adalah sebanyak RM3,481,712.00, butiran akan saya hantar kepada Yang Berhormat. Manakala kos bagi penyediaan Bas *Smart* Selangor pada tahun 2016 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM11,360,910.64 untuk butiran seperti berikut kos lanjutan kontrak bagi laluan sedia ada sebanyak 1,939,906. Laluan baru di enam PBT dan laluan tambahan MBSA dan MPSJ yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM6,888,876.64 dan laluan baru di MPAJ dan MPKj sebanyak RM2,532,128.00 yang disalurkan pada tahun 2015 namun operasi bas bermula pada 1 Januari 2016. Keseluruhan kos tersebut adalah tidak termasuk laluan tambahan yang dibiayai sendiri oleh MBSA dan MPSJ iaitu sebanyak RM3,146,928.00. Pecahan, kos dan perbelanjaan bagi 2016 juga saya akan hantarkan secara bertulis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Teratai, keseluruhan kos tersebut merangkumi kos sewaan, penyelenggaraan, cukai barangan dan perkhidmatan. Kos sewaan sebanyak RM800 sebuah bas sehari adalah termasuk kos penyelenggaraan manakala urusan seperti gaji pemandu, minyak dan sebagainya adalah di bawah urusan pengoperasian syarikat operator yang telah dilantik. Mengambil contoh bagi satu laluan yang memberi 4 buah bas di MPAJ kos keseluruhan untuk tempoh setahun adalah sebanyak RM1,262,672.00. Untuk makluman Yang Berhormat perkhidmatan Bas *Smart* Selangor sentiasa akan dikaji dan dinilai bagi memastikan perkhidmatan bas ditambah baik dari masa ke semasa. Sambutan terhadap perkhidmatan Bas *Smart* Selangor yang sangat memberangsangkan telah memberikan isyarat yang positif kepada Kerajaan Negeri untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Bagi tahun 2017 Kerajaan Negeri akan memberikan fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor seperti pertambahan jumlah bas

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

dan tambahan laluan-laluan baru yang menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Bagi tahun 2017 Konsep 1+1 juga telah disyaratkan kepada beberapa PBT lain supaya lebih banyak laluan baru dapat diperkenalkan untuk memenuhi keperluan dan kemudahan rakyat di Negeri Selangor. Justeru itu juga 11 PBT telah pun membentangkan 3 cadangan baru semasa Retreat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor yang diadakan pada 6-7 Mac 2017 yang lalu untuk dilaksanakan pada 2017. Laluan-laluan baru ini dijangka akan memulakan operasi pada bulan Julai 2017. Untuk makluman Yang Berhormat Teratai antara cadangan laluan yang telah dibentangkan oleh MPAJ adalah dari LRT Cempaka ke Taman Bukit Teratai sepanjang 6.2km dengan keperluan bas sebanyak 3 buah bas. Pelaksanaan bas laluan baru adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri berdasarkan Konsep 1+1 iaitu satu laluan akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri sekiranya MPAJ bersetuju membiayai kos bagi satu lagi laluan baru. Sekian terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Teratai berterima kasih kepada Yang Berhormat EXCO dan juga Kerajaan Negeri dengan bersedia untuk memberi perkhidmatan bas secara percuma kepada penduduk di Taman Bukit Teratai. Saya dimaklumkan bahawa kos pembiayaan Kerajaan Selangor termasuklah kos pembayaran GST dan saya ingin bertanya kepada Kerajaan Yang Berhormat EXCO, adakah Kerajaan Selangor bersedia untuk memohon kepada Kerajaan Persekutuan supaya GST ini dikecualikan memandangkan sebenarnya pembekalan perkhidmatan pengangkutan haruslah atas tanggungjawab Persekutuan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya Tuan Speaker, cadangan Yang Berhormat Teratai diambil maklum. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Balakong

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO memang Program Bas Percuma ini merupakan satu program yang baik sehinggalah wakil MCA di Balakong terlupa bahawa Presiden MCA adalah Menteri Pengangkutan dan selalu minta bila bas percuma hendak masuk ke Balakong. Tapi saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah Kerajaan



## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Negeri menetapkan sebarang sasaran tarik supaya Bas Selangorku ini ada satu rangkaian penyambungan penuh di seluruh negeri maksudnya penyambungan aktiviti *in between public transport* dengan izin. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya Tuan Speaker pada dasarnya Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan-kawasan yang tidak ada perkhidmatan bas komersial iaitu kita menyediakan perkhidmatan di kawasan ataupun laluan sosial di mana keuntungan itu kalau syarikat swasta itu memang tidak sudi untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan laluan sosial kerana tidak ada keuntungan yang banyak. Sementara itu kita juga memastikan bahawa semua laluan ini akan bersambung kepada kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan juga khususnya rumah pangsa ke kawasan kemudahan awam iaitu di sekolah, dan sebagainya. Jadi itu rancangan, itu adalah dasar yang mana Kerajaan menyediakan perkhidmatan ini tapi kita tidak boleh mengharapkan bahawa semua perkhidmatan bas di Negeri Selangor adalah percuma kerana itu adalah amat tidak praktikal. Kita cuma bantu dari segi tanggungjawab sosial sebagai sebuah Kerajaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 45.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LEE KEE HIONG (N06 KUALA KUBU BAHARU)**

#### **TAJUK: ORANG ASLI MAH MERI DI PULAU CAREY**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan bantuan dan peruntukan Kerajaan Negeri kepada Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey sejak 2008.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasratewartakan kawasan Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Kuala Kubu Baharu. Tuan Speaker, jumlah bantuan dan peruntukan Kerajaan Negeri dan Pusat Khidmat Masyarakat Yang Berhormat Sijangkang kepada Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey sejak 2008 adalah RM424,900.00. Program-program dan juga peruntukan ini adalah untuk pelbagai projek termasuk pendidikan, bantuan asas, bantuan rumah, Program-

program Perayaan Hari Moyang, pembaikan dan juga bantuan untuk menaiktaraf beberapa infrastruktur di sana dan juga untuk pendidikan. Sehubungan dengan itu melalui Skim Bantuan Pendidikan Pelajar Orang Asli iaitu biasiswa pelajar Orang Asli Mah Meri dari Kampung Orang Asli Sungai Bumbun, Pulau Carey telah menerima Skim Biasiswa ini dan sekarang pelajar ini sedang melanjutkan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Korporat selama 3 tahun di Universiti Industri Selangor ataupun UNISEL di Shah Alam. Dan jumlah bantuan tersebut adalah RM56,150.00. Nama pelajar tersebut adalah Diana Ros binti Daiman. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Soalan kedua adalah berkaitan dengan hasrat mewartakan kawasan Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey. Untuk makluman Kuala Kubu Bharu dan juga di Dewan yang mulia ini, di Pulau Carey terdapat 1,514 penduduk. Ini merujuk kepada rekod di Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah Kuala Langat dan dalam pulau ini terdapat enam kawasan penempatan Orang Asli yang wujud sejak dahulu lagi. Daripada enam kawasan penempatan tersebut tiga buah penempatan Orang Asli telah diwartakan pada tahun 1921 iaitu semasa British. Kawasan tersebut di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Orang Asli. Manakala tiga kawasan penempatan Orang Asli yang baki itu diwartakan oleh Kerajaan ini sejak 2015. Tiga kampung tersebut adalah Kampung Orang Asli Sg. Bumbung yang diwartakan pada tahun 2015, dan dua lagi kampung orang asli iaitu Kampung Orang Asli Kepalau dan juga Kampung Orang Asli Bakalele diluluskan di peringkat MMKN pada 30 November 2016 di mana tanah tersebut akan diwartakan selepas ukurhalus dan sebagainya dibuat. Itu sahaja, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli YB sekalian jam telah menunjukkan pukul 11.30 pagi. Maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

#### **IV. USUL**

##### **(Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Ke atas Titah Ucapan DYMM Sultan Selangor)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya mempersilakan YB Sungai Burong untuk menyambung perbahasan. Saya bagi lima belas minit.

**YB. DATO. MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Sungai Burong menyambung perbahasan semalam. *Assalamualaikum Waramatullahi Taala Wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan, salam satu Malaysia. Sungai Burong ingin menyambung menjelaskan sanggahan-sanggahan yang telah dibangkitkan berhubung kenyataan bahawa kerajaan persekutuan menganaktirikan, mengetepikan dan juga tidak membantu rakyat Selangor. Setiap

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

tahun kerajaan persekutuan melaksanakan projek-projek pembangunan melalui jabatan-jabatan agensi kerajaan melalui rancangan Malaysia lima tahun. Sebenarnya telah disebutkan oleh Dengkil kelmarin bahawa pada tahun 2017 sahaja pembangunan, projek-projek pembangunan yang terdapat di Negeri Selangor adalah berjumlah sebanyak RM22 billion. Dan saya yakin projek-projek pembangunan ni akan terus dilaksanakan di Negeri Selangor. Pada masa yang sama juga Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya untuk memberikan peruntukkan yang diwajibkan di bawah perlembagaan dan lain-lain undang-undang yang berkaitan kepada Negeri Selangor. Kerajaan....saya ingin nyatakan di sini ada sebelas jenis kategori peruntukkan yang diberikan dalam bentuk pemberian kepada Kerajaan Negeri. Ataupun dengan izin geran kepada Kerajaan Negeri Selangor pada setiap tahun. Yang pertama iaitu yang terbesar ialah pemberian penyelenggaraan jalan negeri iaitu MARRIS. Yang ini dekat 565.6 juta pada tahun 2015. Dan ia bertambah daripada tahun ke tahun. Kalau kita perhatikan peruntukkan ini, peruntukkan MARRIS ini pada tahun 2011, RM368.4 juta; tahun 2012, RM417 juta; tahun 2013 RM498 juta; tahun 2014 RM523.5 juta; tahun 2015 RM295.6 juta. Dan selain itu yang pertama.

Yang keduanya; ialah pemberian berdasarkan pada tahap pembangunan ekonomi dan infrastruktur berjumlah 16 juta, pemberian mengikut bilangan orang, yang ni tujuan untuk membantu Kerajaan Negeri dalam perbelanjaan mengurus sebanyak RM64.7 juta.

Yang keempat; pemberian yang disenaraikan di bawah pemberian bersama iaitu bantuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Sukan Negeri, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, berjumlah RM58 juta. Kelima.....

**YB. TUAN NG SUEE LIM:** Minta pencerahan sedikit....minta pencerahan sedikit. Saya nak tanya YB Sungai Burong. Tadi pembentangan bajet Sungai Burong ke apa ni. Ada disenaraikan semua, saya pun dah *confuse* la dengan Sungai Burong.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Siapa yang *confuse* ni. Sekinchan kot yang *confuse*. Sebab perkara ini yang menjadi....ini perkara yang besar yang dibangkitkan oleh ADN-ADN dalam Dewan ini yang membangkitkan bahawa mereka ini dianaktirikan, diabaikan dan perkara ini berbangkit berulang-ulang. Jadi hari ini saya nak menjelaskan supaya ini dapat difahami dan kemudian perkara ini tak payahlah dibangkitkan pada masa yang akan datang. Jadi saya nak menunjukkan yang pertama; bahawa Kerajaan Pusat sentiasa memberikan peruntukkan kepada Kerajaan Negeri. Yang kedua; Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukkan yang wajib kepada Kerajaan Negeri sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan yang jumlahnya sehingga hampir RM1 billion.

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pinang nak minta mencelah Sungai Burong. Sungai Burong membenarkan.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Benar

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, apa yang disebutkan oleh YB Sg. Burong adalah tanggungjawab ataupun kewajipan Kerajaan Persekutuan yang disenaraikan dalam Perlembagaan Persekutuan. Itu tanggungjawab. Yang dipersoalkan itu. Selain daripada tanggungjawab yang disenaraikan dalam Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan gagal untuk membantu Selangor. Tanggungjawab itu mesti, wajib ...ya, wajib, itu tanggungjawab. Sebab itu tanggungjawab. Apa lebih daripada itu, tidak ada. Kalau di negeri lain ada koridor nya. Koridor Selatan, Utara, semua ada. Tapi Selangor tak ada koridor. Selangor kita berdiri atas kaki kita sendiri, berdikari.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Faham, faham, ya saya faham yang saya pernah jawab. Ini ...ialah tanggungjawab. Tanggungjawab ni....bukan.....saya nak bagi tau tanggungjawab....macam orang kahwin, ya. Ada orang berkahwin tak bagi nafkah. Yang ini, kita kahwin, isteri ada empat belas, bayangkan dia Kerajaan Persekutuan ini ada isteri empat belas, empat belas negeri, kita bayangkan, tetapi Negeri Selangor tidak pernah dianaktirikan, itu yang kita nak sebutkan tu. Itu yang kena faham ni. Dan tanggungjawab ni sentiasa ditunaikan dan bertambah, ya. Saya nak sebut tadi, yang kelima ya, Yang keenam ialah pemberian kepada muzium sebanyak RM4.3 juta. Dan juga ketujuh pembayaran perkhidmatan sebanyak RM11.3 juta. Kelapan, pemberian tambahan hasil RM3.4 juta. Kesembilan, pemberian khas tahunan Selangor RM25.8 juta. Kesepuluh pemberian tahunan geran kepada PBT sebanyak RM46.9 juta. Yang kesebelas pemberian bantuan lampu-lampu jalan, lampu-lampu isyarat kepada PBT berjumlah RM 22 juta. Kesemuanya pemberian ini dah hampir RM850 juta, itu dah hampir RM1 billion. Kalau kita perhatikan jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri sebanyak RM3.5 billion, peruntukkan sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan itu adalah 1/3 daripada perbelanjaan Negeri Selangor. Itu tak masuk peruntukkan perbelanjaan pembangunan, pembangunan yang diberikan oleh kepada negeri setahun kepada negeri Selangor sebanyak RM22 billion. Dan ia bertambah daripada tahun ke tahun. Tak ada sebab yang menimbulkan orang kata bahawa kerajaan Persekutuan menganaktirikan, mengetepikan, mengabaikan rakyat Negeri Selangor. Malahan kalau tengok, ya, kita boleh nampak dengan mata kepala sendiri apa yang dapat di Selangor ini dilebihkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai contohnya mana ada negeri yang hospitalnya paling banyak ya...selain daripada Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, dua ahli YB bangun mencelah

**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya bagi....

**TUAN SPEAKER:** Ya Hulu Kelang

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya bagi jugaklah..

**YB. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih. Negara kita Negara Persekutuan, di mana perbelanjaan-perbelanjaan itu dilaporkan. Adakah satu laporan audit khusus berkenaan dengan perbelanjaan pusat ke Selangor ada diterbitkan setiap tahun.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Laporan....

**YB. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tentang prestasi penggunaan, dana dari pusat ke Negeri Selangor.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ada...ada, ya, itu ada, tak ada masalah itu. Itu ada. Kita ada jawapannya. Ya Sekinchan.

**YB. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta penjelasan. Terima kasih YB Sungai Burong. Saya tadi nampak pembentangan bajet tu panjang ya, panjang lebar. Itu tanggungjawab. Saya nak tanya soal tanggungjawab dan janji tu, kalau tanggungjawab dan janji tu harus dilunaskan. Bagaimana jambatan ketiga Klang yang sepatutnya tu tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Tapi janji pecah tanah, cangkul yang dibuang akhirnya tak laksanakan tanggungjawab. Apa yang sepatutnya penjelasan daripada YB.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Orang kata soalan lapuk. Tapi tu satu je. Saya yakin dan percaya....tak, saya yakin, banyak lagi projek-projek RM22 billion yang Kerajaan Persekutuan bagi pada Negeri Selangor dengan sendirinya meng *clarify* kan satu projek yang berharga 500 juta. Itu yang pertama, yang kedua, saya ingat yakin kalau kerajaan Barisan Nasional ya memerintah pada masa itu, projek ini tak ada masalah, selesailah ya kepada Sekinchan saya nak beritahu ya.....Ini satu...

**YB. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan lagi....mana yang tidak menjalankan tanggungjawab, kalau kerajaan tak menang dia tak mau buatlah....itulah anak tirikanlah, itulah anak tirinya yang saya maksudkan....teruk betullah Barisan Nasional

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sekinchan jangan cakap banyak, tak ada Sekinchan jangan cakap banyak. Saya nak kata janji-janji kerajaan pakatan pun masih banyak lagi yang belum ditunaikan. Janji nak turunkan cukai 10%, cukai 20%, tak dibuat ya. Janji nak buat kompleks ya, Kompleks Kebudayaan, sampai sekarang tak buat pun. Sampai sekarang tak dibuat pun. Janji rangsangan ekonomi, rangsangan ekonomi, ya, Sungai Klang RM50 billion, habuk pun tak nampak.

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**YB. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta penjelasan, kenapa, kenapa Jambatan Ketiga tu, kenapa....

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dengarlah ini tak ikut peraturan ni.....

**YB. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker saya nak tanya kenapa, kenapa, kenapa tak nak buat sedangkan itu tanggungjawab. Kenapa tak nak buat. Kenapa....jawab...

(Pertelingkahan antara Sungai Burong dan Sekinchan)

**TUAN SPEAKER:** Ok, Sekinchan duduk. Ok Sungai Burong sambung untuk menjawab Sekinchan dan *continue*.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tak payah jawab, dah jawab dah tadi tapi dia nak temberang saja. Dia buat kacang goreng saja. Ok Timbalan Speaker, terima kasih. Saya ingin meneruskan perbahasan saya. Tadi, kalau kita jumlahkan tadi 1/3 dah sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan tidak termasuk RM22 billion projek pembangunan yang telah diadakan. Dan akan ditambah lagi dari semasa ke semasa. Tuan Timbalan Speaker, mengenai pelaburan yang telah disentuh juga dalam titah ucapan DYMM di Selangor, ini bukan bajet ini titah ucapan DYMM. Sekinchan tak faham tapi dia suka menyampok-nyampok, macam burung kakak tua. Orang cakap dia pun cakap. Ini burung kakak tua Sekinchan. Ha raja lawak, betullah tu.

Tuan Speaker, mengenai pelaburan Selangor hingga 31 Disember 2016 Negeri Selangor telah mencatat jumlah pelaburan sebanyak RM7.8 billion. 5% daripadanya dikuasai oleh pelabur-pelabur tempatan yang menyumbang kepada *valuecreation*, yang ni kepada rakyat Selangor, pelaburan ini telah memberikan peluang sebanyak 16427 peluang pekerjaan yang dipetik daripada sumber MIDA Sungai Burong juga ingin memetik sumber daripada MIDA juga pada masa yang sama Kerajaan Persekutuan telah berjaya meningkatkan pelaburan negara. Jumlah pelaburan yang telah diterima oleh kerajaan Malaysia pada 2016 berjumlah RM207.69 juta. 26 kali lebih banyak daripada pelaburan yang diterima oleh Selangor. Dari...dari...billion...RM.207.96 billion, maaf, bukan juta Sekinchan ya, billion. Ini adalah 26 kali lebih banyak daripada pelaburan yang diterima oleh Selangor. Dari jumlah tersebut sebanyak RM1487 billion ataupun 7.61% adalah pelaburan domestik.

Ini tidak termasuk pelaburan-pelaburan baru yang bakal diterima oleh kerajaan Malaysia yang akan dinikmati oleh seluruh rakyat di negara ini termasuk rakyat negeri Selangor iaitu pelaburan dari negeri China berjumlah 144 bilion dan daripada Arab Saudi berjumlah 61 bilion. Dan semalam, daripada pelaburan negara Perancis sebanyak 61 bilion. Dengan ini ia sama sekali menyangkal fitnah dan tuduhan bahawa pelabur-pelabur lari dari melabur di Malaysia. Sebaliknya kita melihat usaha-usaha

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

yang dirancangkan oleh di bawah pimpinan Perdana Menteri kita, Malaysia telah menjadi hub pelaburan terbaik di dunia. Kajian, ini bukan orang kata nak kipas, ya. Ini bukan nak kipas. Yang ini nak menunjukkan fakta, saya nak beritahu fakta sahaja. Hasil kajian firma perundingan Amerika Syarikat iaitu *BAV Consulting* dan *Voltan School University Pencil Of Sevinia*. Malaysia adalah merupakan destinasi pelaburan terbaik daripada 80 negara termasuk dalam kajian tersebut ialah Singapura dan India. India juga dijangka akan membuat pelaburan hasil daripada misi lawatan Perdana Menteri.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta pencerahan lagi. Minta sedikit pencerahan lagi. Memandangkan dia kata terbaik, saya tertarik, tertarik dengan ucapan tu. Sebab dia kata terbaik-terbaik...

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Lampu dah kuning, saya ada banyak lagi perkara nak bentangkan lagi. Tuan Speaker, Sungai Burong ingin juga menarik perhatian Dewan....

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong bagi Sekinchan tak? Bagi Sekinchan tak?

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kuning dah Tuan Speaker. Lampu...

**TUAN SPEAKER:** Bagi tak bagi?

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ada masa tambahan tak?

**TUAN SPEAKER:** Tak ada.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tak ada. Tak ada, saya ingat tak bagi.

**TUAN SPEAKER:** Tak bagi Yang Berhormat Sekinchan, minta maaf.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dia pun merapu saja.

(Dewan ketawa).

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sungai Burong ingin menarik perhatian Tuan Speaker supaya Kerajaan Negeri, saya minta ini supaya YAB Menteri Besar ya agar memberikan keprihatinan kepada projek-projek awam yang dilaksanakan di negeri Selangor oleh kerajaan Persekutuan. Ya, saya difahamkan bahawa satu

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

projek iaitu projek balai bomba di Setia Alam telah dikenakan premium tanah yang begitu tinggi iaitu berjumlah empat... Tak ada pelaburan dah habis dah... Ini Sungai Pinang ni tertidur pula pagi ini. Hahaha. Terlelap sekejap ya? Ok. Yang ini saya nak mohon pada YAB Menteri Besar yang baik hati yang prihatin semua projek-projek kemudahan bukan sahaja balai bomba ya. Ini satu kes contoh je. Yang dikenakan, saya difahamkan dikenakan premium sebanyak RM4 juta. Kalau premium tu rendah tak apa, ini premium pasaran ya. Jadi, ini kerana ini merupakan projek-projek kemudahan awam yang memberikan impak kepada rakyat ya. Jabatan bomba ini tugasnya untuk mencegah kebakaran dan kalau berlaku kebakaran maka, ini kebakaran di kawasan Setia Alam ya. Tempat rakyat Selangor duduk dan memerlukan khidmat daripada anggota bomba dan juga keselamatan. Jadi kerana itu, saya mohon supaya premium ini dijadikan premium nominal. Semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah kita bagi nominal kepada semua projek kemudahan awam. Ha betul! Tak percaya, boleh tengok rekod ya Sungai Pinang ya.

**YB DATO' TENG CHANG KHIM:** Minta pencerahan sikit Sungai Burong.

**TUAN SPEAKER:** Masa dah habis Yang Berhormat. Saya minta Sungai Burong....

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Apa pula, saya tak bagi sebab Tuan Speaker tak bagi.. Yang si Sekinchan pergi menyampuk-nyampuk macam apa, burung tiang apasal?

**TUAN SPEAKER:** Habiskan ucapan Yang Berhormat.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok, terima kasih.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Dia marah sangat dengan Sekinchan. Kenapakah dia marah sangat dengan Sekinchan? Aduh janganlah marah sangat! Jangan naik anginlah...

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** ....Satu yang sangat penting ini, fasal titah Tuanku, DYMM Tuanku ini, berikanlah masa ya, dua tiga minit tentang ketulusan integriti. Ya, ini saya merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Kuang. Serius... serius... ini bukan melawak-lawak ya. Ini bukan maharaja lawak. Ini perkara yang serius mengenai ketelusan, integriti yang dibangkitkan oleh DYMM Tuanku, yang telah dibangkitkan Kuang terhadap pelaksanaan projek YAWAS ya. Di mana penggunaan kad ATM sebagai satu mekanisme untuk memudahkan ADN-ADN ya di Dewan ini menggunakan duit itu untuk menyumbangkan kepada kematian. Jadi dia bagi RM10,000 boleh keluar RM5,000 maknanya ya, kalau berlaku kematian.



**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sekejap, Sungai Burong.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ada, ada buat *official complain* kepada Menteri Besar ataupun mana-mana EXCO tentang YAWAS tak?

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ini perbahasan dewan.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** *Official* ada tak!!? Surat khabar di luar ada. Jamal polis *report* ada. So, adakah buat *official complain* kepada mana-mana pihak di dalam Negeri Selangor.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tuan Speaker, tolong disiplin dia Seri Andalas ni... Dah lama dah jadi ADUN. Jadi dia tak nak ikut peraturan...

**TUAN SPEAKER:** Ok, Seri Andalas.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Oleh kerana masa dah habis Tuan Timbalan Speaker jadi masa dipanjangkan boleh saya *interrupt* tak? Sebab masa....

**YB DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ:** Ko tak payah cakap lah.. bagilah orang lain cakap. Sekinchan tak payah cakap lah. Duduklah Sekinchan!

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong nak bagi ke tak nak bagi?

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya, saya nak beritahu Sekinchan... Tuan Speaker, Sekinchan ini pernah dicalonkanlah jadi Speaker. Nanti lain kali boleh jadi Speaker lah ya. Itu nanti boleh buat keputusan. Ya.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong tolong habiskan ucapan. Ok. Habiskan ucapan seterusnya.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ok terima kasih. Ini dari segi ketulusan, saya nak kata satu ni, mekanisme ini. Mekanisme pakai kad ATM ini boleh membuka ruang kepada *abuse* dan penyalahgunaan kuasa. Yang keduanya dari segi *accountability*. Ia menyukarkan *accountability*. Pada masa yang sama ada banyak mekanisme yang memudahkan pengguna. Sebagai contoh saya nak bagi peruntukan pun disalurkan melalui Pejabat Daerah juga bagi RM1,000 tapi yang lebihnya buat

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

tuntutan di Pejabat Daerah. Mengapakah tidak peruntukan itu disalurkan terus kepada Pejabat Daerah? Kalau nak bagi *advance*, bagi *advance* dulu RM 5,000. Ya, suruh belanja keluarkan dan kemudian buat penyata kepada Pejabat Daerah tambah lagi 5,000 dan seterusnya.

**TUAN SPEAKER:** Ok, Sungai Burong, tamatkan ucapan.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya ada satu lagi tu. Saya minta supaya...

**TUAN SPEAKER:** Cukup-cukup.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Oleh kerana perkara ini telah mencalarkan menjejaskan imej Kerajaan Negeri...

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Kalau Sungai Burong tak berhenti Tuan Timbalan Speaker, saya akan mencelah. Sebab masa dah sampai. Langgar peraturan!

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Burong, nak mengelakkan pencelahan yang banyak.. Ya, Sungai Burong...

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sebagai satu... nak habiskan ayat je. Kalau tak nanti ayat tu tergantung.

**TUAN SPEAKER:** Ayat terakhir, ayat terakhir.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tak ada, tak ada, sebab dia tak boleh nak *landing*! Saya nak bagi pandu arah supaya dia boleh *landing*. Saya nak bagi pandu arah!

**TUAN SPEAKER:** Baik Sekinchan. Terima kasih.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Siapa Speaker ni Tuan Speaker? Hahaha. Siapa Speaker di Dewan ni Tuan Speaker? Ini Sekinchan nak jadi Tuan Speaker pula? Ok. Terima kasih. Jadi ayat ini, ayat ini nak habiskan ya. Oleh kerana, ini saya baru oleh kerana... satu ayat ini saya nak habiskan ini ya. Ha, oleh kerana ia telah menjejaskan, mencalarkan imej integriti Kerajaan Negeri. Maka ya, sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang mengamalkan *transparency* dan *Accountability* saya ingin mengusulkan. Tak terima tu tak apa laa.. Menteri Besar menggeleng-geleng dah menggulung mungkin dia tak bagi lah ni.. tapi ini telah menjejaskan, mencalarkan imej Kerajaan Negeri maka saya ingin mencadangkan, Sungai Burong ingin mencadangkan

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

supaya pendengaran awam dibuat untuk memanggil orang yang mendakwa ni. Pertama memanggil orang yang mendakwa, yang membuat laporan polis ini. Dakwa panggil supaya beri keluaran bukti betul ke tak betul perkara ini ataupun ini fitnah semata-mata dan yang kedua pihak-pihak yang lain itu dipanggil sebagai saksi.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Dah masa tak ada, ada yang kedua yang ketiga lagi ke? Saya bantah! Masa dah habis ada kedua ketiga lagi ke?

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sekian, ADN Sungai Burong menyokong. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker?

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Speaker?

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Speaker, Selat Kelang.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Menyokong usul titah Tuanku.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Speaker?

**TUAN SPEAKER:** Hmm saya... saya akan bagi pada Batu Tiga dan lepas Batu Tiga saya akan bagi kepada Kinrara.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih kepada Timbalan Speaker. Tak sangka juga saya dapat awal, Alhamdulillah. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat 15 minit sahaja ya.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ya Tuan Timbalan Speaker. Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana pada hari ini merupakan hari yang berbahagia kita semua dapat berbincang dan mengusul perkara-perkara yang baik. Terlebih dahulu saya melafazkan kesyukuran ini memandangkan kita semua sekarang ini terutamanya saya selaku ADN Batu Tiga dengan penuh tanggungjawab berdiri di sini untuk membahaskan usul menjunjung kasih di atas titah DYMM Sultan Selangor yang merasmikan pembukaan Dewan baru-baru ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker kerana memberikan kesempatan ini.

Apa-apa pun saya ingin mengatakan bahawa Alhamdulillah kita panjatkan kesyukuran kerana negeri Selangor menjadi negeri yang berkembang maju dari segi ekonomi dan menjadi penyumbang utama KDNK bagi negara Malaysia. Seterusnya DYMM Sultan Selangor bertitah baginda yakin bahawa ekonomi Selangor semakin baik dan berdaya tahan dan mampu menyediakan program-program kebajikan yang komprehensif. Dengar ini, yang komprehensif, tak ada tempat lain kita buat *Insyah-Allah* sehingga kita berjaya mengurangkan indeks kemiskinan hanya kepada 0.2% yang walaupun dalam keadaan ekonomi negara dan dunia yang amnya dilanda ketidakstabilan. Apa pun saya ingin merakamkan terlebih dahulu ucapan takziah saya kepada YAB Dato' Menteri Besar kerana telah pun pada tanggal 18 Februari yang lepas telah pun kehilangan insan yang paling istimewa iaitu buat bonda yang tercinta. Kita doakan agar roh Allahyarhamah di tempat bersama insan-insan yang soleh. Isu yang saya bangkitkan pada pagi ini Tuan Timbalan Speaker, adalah isu yang berlaku di Batu Tiga yang berkaitan dengan perkara yang perlu kita ambil serius iaitu banjir pada hari Selasa dan Rabu yang lepas. Saya dapati usaha yang telah dibuat semenjak tahun 2008 kita lakukan pelbagai usaha untuk memastikan Sungai Rasah, Padang Jawa, Kampung Karupiah, Manimaran tidak berlaku banjir sehingga bajet sehingga 100 juta telah pun kita peruntukkan. Malangnya yang saya lihat projek-projek yang begini, sensitif ataupun begitu wajar dikompetenkan ataupun diupayakan secepat mungkin ia terlalu banyak birokrasi dan akhirnya berlakunya kelewatan-kelewatan yang tidak dijangkakan. Projek yang dijangkakan siap dua tahun lepas memandangkan banyak faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan terutamanya pengambilan tanah dan sebagainya menyebabkan banjir besar sekali lagi berlaku semalam. Dan ia menyebabkan harta benda yang begitu banyak musnah dan juga perlu dihadapi oleh masyarakat. Oleh itu saya ingin mengatakan di sini bahawa isu banjir mestilah ditangani secara komprehensif oleh semua agensi. Kadangkala kita lihat sekadar kita memperuntukkan satu-satu bajet itu kita rasakan bahawa ia telah selesai tanggungjawab kita. Tetapi saya ingin berdiri di sini mengatakan bahawa memandangkan Padang Jawa, Sungai Rasah tempatnya seperti lembah. Ia memang rendah, ia berada di antara Sungai Klang dan Sungai Rasah. Saya mengharapkan pembangunan sekitar mestilah diambil pendekatan yang lebih luar biasa daripada pembangunan-pembangunan yang lain di mana semasa ia ingin diluluskan kebenaran merancang ataupun pembangunan itu mesti mengambil *approach* dengan izin atau pendekatan yang holistik. Ia tidak boleh lagi kita lihat tentang pembangunan itu dibuat ataupun diberi keizinan di atas tapak yang dimohon sahaja. Ia mestilah ada satu perancangan yang komprehensif dan holistik daripada pihak Majlis terutamanya untuk menyediakan satu pelan perancangan yang terperinci kerana kalau kita *tackle* masalah satu, masalah dua dan tiga akan wujud. Kawasan Padang Jawa, Karupiah, Sungai Rasah terlalu rendah. Kalau kita buat macam mana pun kalau kampung-kampung ini tidak diberikan perhatian ia akan menjadi kolam renang untuk semua orang di situ. Jadi saya mengharapkan ada satu

kajian teliti supaya ia dijadikan satu usaha terbaru untuk memastikan tidak ada limpahan air daripada sungai-sungai ini ataupun kalau hujan turun dengan lebatnya ia mudah dimasukkan ke dalam parit-parit dan juga longkang-longkang yang besar perlu sekarang ini masanya untuk diperbaiki. Saya dapati selain daripada masalah pengurusan pengairan di dalam kawasan dan juga masalah pembangunan di sekitar. Saya dapati bahawa sebenarnya Sungai Klang ini memerlukan juga satu pembaikan tebing yang perlu diberikan perhatian serius daripada pihak kerajaan. Saya dapati semasa tahun 2007 ya, sebelum itu, sebenarnya ada satu peruntukan khas untuk memastikan tebing sungai daripada Kampung Kuantan sehingga Seksyen 24 diperbaiki. Tetapi malangnya kita lihat hanya tebing-tebing sungai ini dibuat daripada seksyen 24 sehingga Seksyen 17 sahaja. Ia terputus. Ya, kenapa ia terputus? Kerana mungkin ada sebab-sebab tertentu yang sehingga sekarang saya tidak dapat jawapannya. Tetapi bukan itu sahaja telah dibina tetapi sekarang ini yang dibina pun sekarang perlu pembaikan. Kerana saya bimbang jika tebing Seksyen 24 dan juga Seksyen 17 tebing sungai ini tidak diperbaiki ia pula akan mengundang banjir di dua taman yang agak besar penduduknya ini. Jadi saya harap Pihak Berkuasa, pihak Kerajaan Negeri ambil maklum dan saya ingin mencadangkan supaya tadi saya dengar jawapan daripada pihak EXCO ada siling sebanyak RM33 juta diperuntukkan untuk pembaikan tebing-tebing ini. Jadi saya mencadangkan walaupun dikatakan tadi hanya digunakan RM12.3 sahaja. Ada lebih itu yang belum digunakan. Saya mencadangkan supaya segera diturunkan. Ya segera diturunkan bajet itu kerana tebing sungai seksyen Padang Jawa perlu diuruskan segera mungkin. Kerana jika ia tidak diuruskan, banjir akan melibatkan lebuhraya Persekutuan yang berada di sekitar Sungai Rasah itu akan mengundang malang kepada ramai pengguna-pengguna jalan raya juga. Itu yang ingin saya bangkitkan. Yang keduanya yang saya muliakan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh tentang isu orang kurang upaya dan penggunaan ataupun infrastruktur untuk orang kurang upaya. Yang saya lihat, saya ucapkan tahniah secara peribadi dan daripada seluruh rakyat Batu Tiga kerana bas percuma Smart Selangor telah pun mula beroperasi. Alhamdulillah selama enam bulan, dan kita dapati bila tinjauan saya dan juga Jawatankuasa PAC pada ketika lawatan kami kita dapati Bas Smart Selangor bukan sahaja memberikan perkhidmatan yang terbaik ada *wifi* dan sebagainya, Bas *Smart* Selangorku juga mempunyai ciri kemudahan OKU. Di sudut fizikal dan pengguna OKU fizikal dan pengguna Kerusi roda. Kita dapati bahawa pemandu bas bukan sahaja bas itu sendiri kondusif tetapi pemandu Bas *Smart* Selangor itu juga mahir dan cekap mengendalikan. Jika didapati pengguna OKU datang dia boleh cepat je *layout* ataupun membentangkan infrastruktur itu untuk dinaiki oleh orang OKU tetapi ada beberapa perkara yang saya ingin tekankan di sini.

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Tuan Speaker, saya mengambil perhatian Dewan tentang perhentian bas Seksyen 19 dan mungkin tak lama lagi Seksyen 17 yang akan dibuka katanya bulan Empat ini. Saya ingin menyatakan, bahawa tinjauan yang saya lakukan untuk memastikan kemudahan bebas halangan kepada OKU ini dilaksanakan, saya dapati ianya betul-betul perlu satu mekanisme yang khas untuk memastikan setiap tempat-tempat kemudahan awam yang digunakan oleh OKU ini mesti diberi perhatian yang lebih. Di antaranya saya lihat bumbung di laluan jalan kaki dari stesen KTM ke stesen bas tidak bersambung. Malang sungguh. Maksudnya kalau hari hujan kita jalan dan sekerat tu kita basah dan lepas tu kita kering balik, ha macam itulah lebih kurangnya kan. Bumbung itu juga berfungsi mempunyai ketinggian yang berbeza dan tidak selari.

Dan keduanya, kita lihat lintasan zebra *crossing* dengan izin ataupun belang zebra antara stesen KTM dan bas Seksyen 19 tidak selari dengan laluan condong ataupun ram ke stesen bas. Jadi kalau pengguna OKU ingin menggunakan kedua-dua perkhidmatan awam ini mereka akan menghadapi kesukaran-kesukaran yang sebenarnya tidak boleh memungkinan mereka mendapatkan perkhidmatan yang baik. Jadi saya ingin juga menyatakan bahawa bukan itu sahaja *design* ataupun reka bentuk stesen bas ini tidak mesra OKU sama sekali. Kita lihat salah satu pintu masuk ini dihalang oleh satu tiang yang agak besar, yang kalau kita lihat naik, kita pengguna kerusi roda pastinya tidak akan lepas dan duduk dalam tempat yang telah disediakan, tempat perhentian yang berhawa dingin dan sebagainya dan mereka terpaksa menunggu di luar. Jadi, saya harap ianya perlu diteliti. Apa yang ingin saya cadangkan selepas penelitian yang saya lakukan, saya dapati cadangan saya atau komen saya, infrastruktur untuk orang OKU ini tidak boleh dibuat secara sambil lewa, ikut ada sahaja, tak boleh ya. Kita kena perlu mengikut spesifikasi yang tepat. Kerajaan perlu mementingkan dan mempunyai mentaliti, mempunyai mentaliti yang menganggap kemudahan infrastruktur OKU ini adalah bukan dalam bentuk kemudahan *secondary* tetapi *primary*. Ianya tidak lagi hanya diwujudkan di bangunan-bangunan yang besar. Ianya tidak lagi boleh dikatakan hanya spesifikasi ini dikenakan kepada bangunan yang besar, yang baru ya, tetapi ianya mesti diambil masukkan semua sistem ataupun kemudahan awam ini perlu ada OKU, ataupun kemudahan OKU.

Selaras dengan agenda Smart City Selangor, saya harap PBT dan juga Kerajaan Selangor perlu untuk mengaplikasikan konsep pembangunan infrastruktur dan perancangan bandar berdasarkan konsep universal *design*. Konsep universal *design* ini penting kerana ianya boleh memastikan bahawa bukan sahaja OKU malah orang warga emas, kanak-kanak kecil, ibu bapa yang menggunakan kereta sorong dan lainnya boleh menggunakan dengan baik. Oleh itu, saya memohon pihak Dewan ini dan juga pihak Kerajaan Negeri untuk, sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan ataupun CCC ya, dikemukakan ianya mestilah ada satu Badan Khas yang memberi,

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

yang audit bangunan-bangunan ini, apakah bangunan ini memang telah menepati spesifikasi OKU barulah kita boleh luluskan bangunan-bangunan yang dicadangkan.

Itu di antara perkara yang saya ingin cadangkan. Memandangkan masa masih ada, saya ingin juga membangkitkan tentang isu yang berkaitan apa yang disentuh oleh Tuanku iaitu Institut Wanita Berdaya. Saya ucapkan tahniah kerana Institut Wanita Berdaya adalah satu institusi yang merupakan satu mercu tanda kepada akan berlakunya penambahbaikan program-program wanita. Saya ingin mengatakan bahawa apa yang penting, saya mengharapkan supaya Institut Wanita Berdaya akan mengambil kira satu Pelan Tindakan yang akan mementingkan keadilan dan kesaksamaan gender yang akan memastikan pendapatan dan ekonomi yang berlangsung ataupun yang berada di negeri Selangor ini adil buat perempuan ataupun kaum wanita dan lelaki. Begitu juga isu-isu berkaitan dengan kesihatan, isu-isu berkaitan dengan beberapa perkara yang sebenarnya ianya dapat ditangani dengan baik. Dengan ini, saya ingin mencadangkan satu perkara supaya isu yang berkaitan dengan wanita bekerja di negeri Selangor ini, saya ingin menyatakan di sini, saya ingin mencadangkan supaya kes yang berlaku kepada Puan Norfadilah Ahmad Saikin, iaitu bila didapati ia bersalin, bersalin pula, ia hamil, ianya dinafikan haknya ya, untuk bekerja. Saya mencadangkan supaya tidak ada mana-mana penemu duga ataupun *interviewer* dengan izin mengemukakan ataupun bertanya soalan berkaitan apakah anda hamil ataupun apakah anda mempunyai anak kecil semasa menemu duga mana-mana wanita yang memohon bekerja di Malaysia ini terutamanya di Selangor kerana soalan itu sahaja telah sebenarnya menunjukkan bahawa anda mendiskriminasikan wanita untuk mereka boleh bekerja. Walaupun ia tidak tertera di dalam borang, kadang-kadang penemu duga dia mengambil inisiatif tersendiri untuk bertanya soalan itu. Sebenarnya soalan itu sendiri sebenarnya telah pun menunjukkan bahawa tidak sensitifnya tentang perlunya wanita ini bekerja. Saya ingin mengatakan di sini, kajian menunjukkan bahawa 54% *labor force* ini ataupun tempat yang kita boleh bekerja ini pastinya boleh memberikan kemudahan yang baik kepada wanita jika kita memberikan sistem-sistem sokongan yang baik. Jadi, itu saya ingin mengatakan di sini saya mohon supaya IWB juga mengambil kira membuat kajian-kajian tentang bagaimanakah untuk kita meletakkan persekitaran yang mudah untuk wanita bekerja dan boleh berperanan dengan baik di tempat kerja tanpa ada gangguan seksual dengan memasukkan pekeliling *sexual harassment* dengan izin perlu ditegaskan supaya tidak sama sekali boleh dilakukan ataupun dipermainkan oleh mana-mana pihak di dalam sektor pekerjaan. *Insyaa-Allah*, dengan ini saya mewakili Batu Tiga Menjunjung Kasih Titah Tuanku. Saya mohon menyokong, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Batu Tiga. Saya beri kepada Kinrara, selepas Kinrara saya akan beri kepada Selat Klang.

**Y.B. NG SZE HAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Permatang Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Selepas itu.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Ok. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana membenarkan Kinrara mengambil bahagian perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor. Kinrara sentiasa berterima kasih dan teruja dengan pencapaian Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Jadi, Kinrara ingin memberi sedikit cadangan dalam menambahbaikkan lagi dasar-dasar kerajaan. Beberapa perkara yang ingin saya menggariskan:

Perkara pertama, berkenaan dengan projek penggantian paip-paip air lama yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah memperuntukkan satu jumlah yang besar iaitu RM400 juta untuk menggantikan paip-paip lama sepanjang 422 kilometer. Kinrara melihat usaha ini akan mendapat selesaikan masalah kebocoran yang kerap berlaku di 84 *horse post*. Walau bagaimanapun, kita masih mempunyai lebih kurang 6000 kilometer paip lama yang perlu diganti. Sekiranya kita membahagikan 422 kilometer paip dengan Ringgit Malaysia Empat Ratus Juta, ia adalah lebih kurang Satu Juta Ringgit bagi setiap kilometer yang perlu diganti seperti yang telah dijawab oleh Dato' Menteri Besar pagi semalam. Bagi perkara tersebut persoalan pertama bukan peruntukan tetapi kapasiti yang sedia ada bagi Air Selangor. Sekiranya kita mengikut kadar kapasiti yang sedia, kita perlu 14 tahun untuk menggantikan paip-paip 6000 kilometer yang semakin usang. Saya berpendapat, dengan adanya pengalaman-pengalaman daripada projek-projek penggantian paip-paip di 84 *hotspot* yang terlebih dahulu, Air Selangor akan mampu meningkatkan kapasiti mereka dalam masa yang tersingkat kelak. Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor pernah membuat satu lawatan ke projek penggantian paip di Taman Eng An Klang pada 2 hari bulan Mac yang lalu. Didapati permasalahan yang dihadapi oleh kontraktor Air Selangor adalah kekangan dalam mendapat permit korekan bagi kerja di sepanjang Jalan Meru, masih belum mendapat kelulusan daripada pihak JKR. Kelewatan memberi kelulusan akan mengakibatkan kelewatan projek penggantian paip. Saya bukan menuding jari kepada JKR. Namun memandangkan jalan Meru merupakan satu jalan yang utama yang sibuk sekali, banyak pertimbangan dari segi keselamatan dan kesesakan lalu lintas perlu diambil kira. Oleh itu perlu koordinasi yang lebih baik antara jabatan dan agensi.



**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kinrara, Sungai Pinang mohon mencelah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mendapatkan petua daripada Yang Berhormat Timbalan Speaker, kerana mengikut pemerhatian saya sebentar tadi, Yang Berhormat Batu Tiga ada menyebut juga, Yang Berhormat Kinrara juga menyebut bahawa mereka mewakili Jawatankuasa Dewan untuk membuat peninjauan. Satunya peninjauan ke atas Smart Selangor, dan satunya sekarang ini Kinrara berkenaan pengurusan air dan mereka mewakili jawatankuasa. Sepatutnya apa segala pemerhatian dan pendapatan itu harus dibuat dalam penyata dan bukan dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan ahli itu sendiri. Kalau tidak dia mengelirukan, sama ada itu ada pendapat peribadi ADUN berkenaan ataupun pendapat jawatankuasa. Sedangkan pada masa itu mereka menjalankan tugas sebagai Ahli Jawatankuasa. Saya rasa, itu telah diperuntukkan dalam Pelaporan Tetap bahawa Jawatankuasa Menjalankan Tugas adalah menyediakan penyata. Jadi, saya kira itu satu prinsip memang patut kita pegang. Saya minta petua.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih. Sekejap sahaja Kinrara. Petua saya ialah Yang Berhormat ketika ini bukan mewakili jawatankuasa. Yang Berhormat adalah mewakili kawasan ataupun Yang Berhormat itu sendirilah bukan mewakili jawatankuasa. Sekiranya bermaksud untuk mewakili jawatankuasa ini bukanlah mediumnya sebab Yang Berhormat akan bercakap untuk mewakili Jawatankuasa-jawatankuasa ketika penyata itu dibentangkan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, saya minta mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak apa.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya juga ingin membetulkan fakta. Sebenarnya saya memang salah seorang ahli tetapi kebetulan apa yang saya bangkitkan itu berada di dalam kawasan saya Seksyen 19 dan 17 dan sebenarnya saya tidak mewakili PAC semasa saya berucap tadi. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, saya... kejam, Kinrara nanti dulu. Saya mengambil maklum bahawa ucapan Yang Berhormat ini bukan mewakili jawatankuasa tetapi atas maklumat Yang Berhormat dalam jawatankuasa itu. Ok, teruskan.

**Y.B. NG SZE HAN:** Terima kasih. Saya memang bukan mewakili jawatankuasa ini tetapi hanya memberi satu cadangan atas lawatan yang saya pernah mengikuti dalam jawatankuasa tersebut. Tak mengapa. Saya sambungkan ucapan saya.

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Tuan Timbalan Speaker, seterusnya saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri Selangor tentang masalah banjir di LDP iaitu di depan IOI Mall dan pusat perniagaan One Puchong. Masalah banjir ini bukan satu perkara yang baru tetapi sehingga kini masih tidak dapat diselesaikan dengan sempurna. Antara sebab utama adalah saluran di tepi LDP telah ditutup sepenuhnya oleh tiang jejantas LRT. Ini menyebabkan air hujan melimpah ke LDP setiap kali hujan lebat. Atas arahan MPSJ, syarikat prasarana sedang membuat baik pulih saluran tersebut tetapi progres adalah tidak memuaskan. Prasarana juga gagal membesarkan satu *culvert* di depan IOI Mall. Mereka telah janji untuk memulakan projek pembesaran *culvert* tersebut pada bulan Mac ini, namun sekarang telah masuk bulan April, saya masih tidak nampak tanda-tanda permulaan projek tersebut. Sebenarnya Sungai Klang tidak jauh dari kawasan ini, hanya di belakang IOI Mall sahaja tetapi air hujan tidak di salur terus ke lokasi Sungai Klang yang berdekatan. Air hujan perlu mengalir beberapa kilometer untuk di salur ke Sungai Klang. Air hujan perlu melalui LDP dua kali, masuk ke Taman Perumahan Puchong Jaya melalui KESAS *Highway* baru sampai ke Sungai Klang. Untuk mengelakkan banjir kilat berlaku lagi, air hujan perlu di salur ke lombong di belakang IOI Mall sebelum ke Sungai Klang. Lombong tersebut merupakan sebuah *retention pond* yang sedia ada. Kinrara berharap sangat Kerajaan Negeri dapat memberi bantuan untuk menangani masalah banjir kilat ini.

Saya juga ingin menegaskan beberapa janji yang gagal ditunaikan oleh Syarikat Prasarana. Antaranya :-

- a) Iklan along' pada struktur landasan LRT yang tidak dibersihkan;
- b) retakan kediaman diakibatkan oleh projek rawati yang tidak selesai-selesai lagi;
- c) Jalan rosak yang belum dibaiki;
- d) *Sound barrier* yang telah di janji tetapi tidak disediakan; dan
- e) Tempat parkir untuk '*park and ride*' yang tidak dibina di USJ dan Subang Jaya.

Tuan Timbalan Speaker,

Perkara yang seterusnya, inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Program Rumah Selangorku telah menunjukkan momentum terhadap pasaran rumah mampu milik. Walau bagaimanapun, sebilangan besar unit perumahan mampu milik yang dibina melalui inisiatif ini masih berada dalam pelbagai peringkat pembinaan. Tahap pembinaan rumah dalam segmen perumahan mampu milik pada masa ini masih tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan. Oleh yang demikian, saya melihat perkara ini perlu diambil kira oleh Kerajaan Negeri bagi menambahbaikkan dasar ini. Di samping itu, izinkan Kinrara di dalam Dewan yang mulia ini membuat beberapa cadangan terhadap permohonan Rumah Selangorku.

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Yang pertama, Kinrara difahamkan bahawa setiap pemohon hanya dibenarkan untuk buat satu pilihan dalam setiap permohonan dan perlu membuat pilihan berdasarkan daerah. Saya ingin bercadang supaya setiap pemohon dapat diberi peluang untuk memilih tiga projek yang digemari dan kemudian ditawarkan satu daripada tiga pilihan mereka. Dan setiap pemohon dibenarkan membuat pilihan berdasarkan nama projek kerana lokasi yang sesuai adalah penting bagi memastikan rumah tersebut diduduki oleh pemohon sendiri.

Yang kedua, setiap permohonan yang belum ditawarkan rumah akan dimasukkan ke senarai menunggu dan tempoh maksimum untuk mengetahui keputusan adalah 2 tahun. Bagi perkara ini, Kinrara ingin mencadangkan supaya tempoh senarai menunggu dapat disingkatkan kepada setahun untuk membolehkan para pemohon mengetahui status permohonan mereka lebih awal supaya boleh buat perancangan yang lebih baik.

Yang ketiga, sesetengah pemohon yang telah mendapat tawaran rumah menjadi kecewa apabila mereka gagal mendapat pinjaman bank untuk meneruskan pembiayaan mereka dan akhirnya terpaksa melepaskan tawaran tersebut. Dan antara punca utama yang saya fahamkan, mereka ini disenaraihitamkan oleh bank adalah kerana mereka gagal membuat bayaran PTPTN. Disebabkan kerajaan pusat gagal menyediakan pendidikan percuma, pelajar pula terpaksa tanggung hutang sebaik saja mereka menamatkan pelajaran mereka. Kinrara melihat Bank Negara perlu melihat kepada perkara ini dan mengadakan satu dasar ataupun skim bagi membantu golongan pembeli rumah pertama khususnya graduan yang baru bekerja.

Dan perkara yang terakhir, Kinrara ingin ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor atas kejayaan Bas *Smart* Selangor. Sebelum ini, kita sebagai wakil rakyat selalu terima aduan daripada penduduk apabila ada projek seperti LRT, MRT ataupun *highway* yang terlalu dekat dengan rumah mereka. Tetapi selepas Bas *Smart* Selangor dilancarkan dan masuk ke Puchong, saya pula selalu terima permintaan supaya Bas *Smart* Selangor dapat melalui depan rumah mereka. Maknanya secara jelas sekali, sambutan terhadap Bas *Smart* Selangor adalah sangat menggalakkan sehingga semua penduduk berebut-rebut supaya membawa bas masuk ke kawasan mereka. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri. Dan untuk permintaan para penduduk tersebut, saya masih tiada jawapan. Saya mohon YB EXCO memberi maklum balas dan kami mengharapkan satu lagi berita baik daripada YB EXCO. Sekian, terima kasih dan Kinrara menyokong usul ini.

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi Selat Kelang. Selepas itu Permatang.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Timbalan Speaker. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Selat Kelang menyokong usul ucapan terima kasih dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor atas ucapan di Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ke-15 Dewan Negeri Selangor.

Saya (Selat Kelang) ingin membawa pantun khas untuk Selangor. Mungkin sesuai dengan tema Bajet 2017 yang telah diilhamkan oleh YAB Dato' Menteri Besar iaitu 'membangun bangsa dan memakmurkan negeri'.

Bangsa Selangor orangnya permai,  
berpolitik matang rakyat sejahtera,  
segala yang kusut terus dirungkai,  
fitnah, benci, politik melampau bukan budaya.

Bangsa Selangor orangnya permai,  
Bijak mengurus kawan dan lawan,  
Ayuh Yang Berhormat Selangor si bijak pandai,  
Segala bicara ternoktah di Dewan semua terfokus memakmurkan negeri.

YB Timbalan Speaker,

Saya merujuk apa yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor dan pujian Duli Yang Maha Mulia di atas pencapaian bagus Kerajaan Negeri Selangor di mana Selangor penyumbang utama kepada KDNK Malaysia iaitu yang ketiga tertinggi di Malaysia dan Selangor sebagai negeri terpenting kerana ekonomi di negeri Selangor menjadi *indicator* utama prestasi ekonomi Malaysia. *Insyah-Allah*.

Saya (Selat Kelang) ingin mencadangkan agar kerajaan Selangor membuatkan kajian menyeluruh bagaimana menggunakan segala sumber sedia ada bagi mempertingkatkan lagi pencapaian ekonomi dan pembangunan holistik Selangor. Selangor mestilah memanfaatkan realiti yang ada pada Selangor. Fakta yang kita terima, Selangor tidak ada lombong emas, Selangor tidak ada telaga minyak, sumber pendapatan Selangor bukan daripada balak dan sebagainya. Jadi fakta yang perlu juga diambil kira oleh Kerajaan Selangor ialah Selangor mempunyai Lembah Klang, *Conurbation* (konibasi) yang paling penting dan inilah tempatnya di mana penduduk paling ramai di dalam Malaysia iaitu 6 juta daripada 30 juta penduduk.

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Di Selangor juga kita ada macam-macam. Sungaiya banyak sampai macam-macam namanya, Sungai Panjang, Sungai Besar, Sungai Sireh (itu ada di Selat Klang), Sungai Udang, Sungai Klang ni ada 120 kilometer. Kita, Sungai Burong. Sungai Burong juga ya. Kita juga kaya dengan biodiversiti. Kita juga ada pulau. Saya terkilan sedikit Kota Anggerik semalam lupa fasal dia cakap fasal Pulau Indah, Pulau Ketam dia lupa. Pulau Indah sekarang bukan pulau betul sebab dia boleh naik kereta, naik lori, naik apa kontena semua boleh, tetapi Pulau Ketam tak boleh. Dia dikelilingi oleh air. Masih kelilingi oleh air. Nak minta Sungai Burong bawa ke Putrajaya minta jambatan mungkin daripada Sementa kot boleh dibenakan. Dan juga Selangor mempunyai institusi pengajian tinggi yang paling banyak dan terbaik. Kita mempunyai *airport* dan pelabuhan, infrastruktur terbaik, *State of the art technology*, semua ada di Selangor.

Jadi alhamdulillah. Seperti yang disebutkan oleh titah ucapan tuanku, konsep Selangor konsep negeri pembangunan di mana saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah pun meletakkan nisbah peruntukan sebanyak 52.2% untuk perbelanjaan pembangunan untuk 2017 iaitu RM1.8 billion dan untuk perbelanjaan mengurus sebanyak 47.8% atau RM1.65 billion yang sudah tentu sangat berbeza dengan belanjawan kerajaan Malaysia. Jadi saya mencadangkan kerajaan mengkajikan perancangan secara jangka panjang, *mid-term*, *short term* (dengan izin) bagaimana kerajaan Selangor adakah sudah ada inventori, aset-aset berpotensi untuk menjana ekonomi yang lebih mampan dan stabil. Kalau boleh setiap inci Selangor ini diletakkan inventori yang boleh menjadi potensi dibangunkan sebagai potensi yang akan memberi pendapatan kepada Kerajaan Selangor sama ada fizikal ataupun meningkatkan kualiti hidup orang Negeri Selangor ini.

Saya bagi contoh Sungai Klang di mana ianya 120 kilometer, ianya adalah satu potensi sekiranya airnya bersih boleh menjadi sumber air kepada negeri Selangor dan juga yang menumpang juga lah ya. Dia kata *water river of life* makna Kuala Lumpur juga boleh tumpang semangkuk. Dan Sungai Klang ini kalau kita bangunkan dengan baik, segmen-segmen strategik seperti yang berdekatan dengan bandar raya katakan Bandar Klang dan sebagainya mungkin Shah Alam, Puchong dan sebagainya secara *customize* (dengan izin) ia boleh menjadikan pusat pelancongan yang akan dibangunkan dengan kecantikan, keindahan dan boleh mewujudkan (dengan izin) *natural stress relieve* untuk rakyat Selangor, untuk rakyat Lembah Klang yang berisiko tinggi untuk *health related problems insya-Allah*.

Dan kita telah lihat, kita dengan banyak sungai di mana pembangunan dahulunya memang di tepi-tepi sungai. Ini berlaku di Melaka, di Korea dan sebagainya. Dan lebih-lebih lagi dengan adanya produk paling menonjol Kerajaan Negeri yang terkini

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

yang *insya-Allah* saya difahamkan sepatutnya hujung bulan ini telah siap pembinaannya iaitu Jambatan Ketiga Klang dan saya mengesyorkan juga ya sebab ianya adalah satu-satunya projek di satu-satu negeri, Selangor adalah satu-satu Kerajaan Negeri yang membina sebuah jambatan yang betul-betul jambatan bukan titi, bukan *cross the* sungai, anak sungai dan sebagainya tapi memang jambatan Klang (*main*) 120 kilometer tadi yang projek yang telah dijanjikan oleh UMNO Barisan Nasional sebelum PRU ke-12. Tapi alhamdulillah, walaupun Putrajaya tak berjaya janji di capati, tetapi alhamdulillah Kerajaan Negeri Selangor dengan ekonominya begitu kukuh alhamdulillah telah berjaya membenakan jambatan ini. Mungkin Selat Kelang cadang mungkin namakan jambatan Klang ketiga ini tak berapa sedap kan? Kita mungkin nama Jambatan Selangor ke. Ini cadanganlah daripada Selat Kelang.

Jambatan ini juga boleh menarik pelancong tempatan daripada Lembah Klang selain daripada luar negeri Selangor, semua orang nak tengok mana jambatan yang dibuat oleh kerajaan Selangor. Betul ke Kerajaan Negeri boleh bina jambatan? Dan juga termasuk daripada luar negara kerana saya difahamkan mereka yang telah melalui naik motosikal dan sebagainya di melalui Jambatan Ketiga Klang dan YAB Dato' Menteri Besar pun dulu telah pun berada di situ di mana dia punya pemandangan agak cantik. Jadi apa salahnya aktiviti ekonomi sampingan yang boleh dibangunkan dengan terwujudnya jambatan ini yang *insya-Allah* mampu menarik ramai pelancong terutama aktiviti yang terfokus mengeratkan institusi keluarga. Kalau tadi kita dengar daripada Sijangkang cerita fasal keretakan rumah tangga dan sebagainya mungkin kerana stres kehidupan di bandar, maka apa kata kita transformasikan benda yang dikatakan stres ini kita gunakan aset yang sudah ada di dalam negeri Selangor ini untuk aktiviti-aktiviti yang sesuai. Menyemaikan budaya benih kasih sayang dan menghargai keluarga dan sebagainya dan juga menghargai sungai di kalangan warga Selangor.

Pengkalan Batu dan kawasan di sekelilingnya boleh dijadikan pangkalan *river cruise* (dengan izin) hingga ke muara sungai Klang. Ada Tanjung Harapan di mana semua orang tahu itu tempat makanan *seafood* yang baik. Dan juga di situ juga (muara Klang) itu, boleh lalu pergi naik lagi ke lautnya dah sampai ke Pulau Ketam. Mungkin konsep yang boleh dijadikan perintis ialah kejayaan 4 buah bot dua tingkat ala bas *double decker* telah menjadikan tarikan terkini pelancong dari jeti awam Pelabuhan Klang ke Pulau Ketam. Di bawahnya (tingkat bawah) berhawa dingin, di tingkat atas ruangnya terbuka dan ada bahkan ada yang telah menggunakan majlis perkahwinan mereka menggunakan bot seperti ini. Jadi saya mohon Kerajaan Selangor juga walaupun tadi saya mengatakan jambatan ini bagus tapi bagi saya minta ini bagi pihak rakyat di Selat Klang di mana mereka telah.. mengadu di mana *final finish* nanti di penghujung hujung projek ini mengambil kira penduduk Selat Klang ini bukan sahaja tengok orang lalu tengok orang lalu di jambatan Ketiga Klang ini jambatan Selangor ini saya mintalah

Kerajaan juga mengambil kira bagaimana ia boleh memanfaatkan rakyat di bawah di tepi jambatan itu bukan seperti di Jalan Kem jadi *dead* jadi mati pula di situ. Salah satu lagi saya mohon kepada Kerajaan Selangor di Selat Klang ini Kampung Delek, Kampung Sungai Udang, Kampung Telok Gadong adalah Kampung Melayu Tradisi. Kawasannya kecil jalannya tak lah sepanjang mana tetapi ia adalah kediaman modal insan yang menyumbang produktiviti kepada Selangor termasuk penjawat awam, IPT, UITM dan sebagainya dan pekerja-pekerja North Port, West Port, pelajark jadi saya minta Kerajaan Selangor ujudkanlah satu skuad satu skuad yang bersifat *One Stop Center* ataupun Pusat Sehenti atau pasukan Khas apa-apalah untuk memastikan jalan-jalan di kampung atau lot persendirian ini di kawasan pinggir bandar yang seperti yang saya katakan tiga kampung ini tadi mintalah saya dah lama minta saya dah sebut berkali-kali minta permudahkan SOPnya supaya bolehlah *repair* ataupun buat selenggaraan jalan kampung di lot persendirian ini. Yang kedua saya minta jua Kerajaan Selangor memfokuskan kepada keperluan asas untuk apa untuk rakyat di negeri Selat Klang seperti Dewan Orang Ramai. Di Selat Klang Dewan Orang Ramai di bawah Majlis Perbandaran Klang satu sahaja, di sebelah Sekolah Menengah Telok Gadong tetapi memang telah di baik pulih tetapi dia punya keadaan itu dia sebenarnya tak jauh daripada bangunan MPK itu sendiri. Tapi bila saya tiap-tiap minggu pergi kenduri kahwin saya seganlah tengok keadaannya tak macam berapa sesuai macam ungkapan Smart Selangor itu. Jadi saya minta perhatian Kerajaan Selangor berikanlah sedikit peruntukan yang lebih untuk memastikan nampak aja orang lihat inilah standard Selangor. Tuan Timbalan Speaker seperti yang saya katakan tadi Selangor ini adalah satu negeri yang sangat penting. Jadi sudah tentu kita mesti diperlihatkan sebagai kerajaan yang mementingkan pendidikan jadi Tuan Timbalan Speaker saya mengharapkan di daerah Klang ini masalahnya kita masih lagi tidak mempunyai Perpustakaan Daerah Klang yang canggih yang sewaktu dengan ia sebagai Bandar Diraja dan Bandar Bersejarah maka saya mengharapkan kerajaan boleh memperuntukkan tanah yang terbaik di kawasan yang strategik sebagai satu daripada di produk pelancong *Insyah-Allah* boleh menarik pelancong-pelancong ke Klang nanti. Satu lagi apa yang disebutkan oleh rakan saya di Batu Tiga tadi, saya agak terkilan sedikit di mana perparitan penambahbaikan longkang dan parit di Jalan Yadi, saya baru tanya yang semalam itu semalam tu hujan lebat biasanya Jalan Yadi ini banjir. Jadi saya agak terkilan kerana JPS mengatakan masih lagi tidak cukup bajet untuk memastikan banjir yang berkali-kali berlaku tiap-tiap tahun berlaku di sekolah Telok Gadong dan Sekolah Kebangsaan Sungai Udang kata masih tak cukup lagi bajet. Saya mintalah diluluskan *no excuses Insyah-Allah*. Ada 2 lagi Timbalan Speaker, tentang *Gender Sensitive Planning* khususnya pada wanita ini. Saya berharap Kerajaan Selangor ke depan, kalau kita dengar kita lihat dalam titah ucapan Tuanku ini di mana Tuanku bergembira dengan pencapaian wanita di Negeri Selangor ini masuk dalam pasaran kerja. Jadi saya juga bersama dengan apa-apa yang disebutkan Batu Tiga

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

tadi dan biasanya Damansara Utama juga di mana wanita yang ada anak kecil dia hendak kerja contoh Doktor contoh Jururawat contoh Polis wanita. Mereka bekerja bukan 8 pagi sampai 5 petang jadi mereka memerlukan tempat untuk menjaga anak, jadi kalau kita cuba buat yang boleh dibuat dulu. PBT di Selangor boleh tak buat dasar bila merancang atau meluluskan KM kelulusan merancang ini, mana-mana bangunan yang seperti yang saya katakan tadi yang akan menarik pekerja wanita yang ramai, contohnya Hospital, contohnya Balai Polis dan sebagainya mungkin Sekolah juga, apa salahnya, pastikan mereka merancang itu ada menyediakan perancangan untuk tapak penjagaan anak-anak, kanak-kanak atau taska supaya wanita itu boleh bekerja dan ada boleh memastikan penyusuan kanak-kanak dan juga mereka tidak, tidak apa ya, tidak terbelenggu dengan masalah, eh selamat kah anak saya ini, kalau dia demam macam mana? Boleh ke orang yang jaga ini? Jauh ke tidak? Dan sebagainya.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Selat Klang Kampung Tunku, minta , tapi saya nak bagi tahu Selat Klang masa sudah habis.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** kalau macam itu saya, kecualilah nak bagi saya lebih.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Saya tak bagi.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin mencadangkan, saya ingin bertanya

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku tidak dibenarkan.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Ok terima kasih, jadi *last* sekali Selat Klang mengamati peringatan Duli yang Maha Mulia Tuanku, “ Sayugia Beta mengingatkan Ahli Dewan Negeri bahawa *economic mental* bukan lagi tertumpu kepada persoalan *balance of payments dan* angka ekonomi semata-mata, tetapi, asas ekonomi hari ini mestilah merangkumi integriti ketulusan urus tadbir yang baik dan institusi berwibawa. Jadi ini peringkat peringatan paling penting bagi memastikan kemakmuran negeri bila dibina atas tiang-tiang robani untuk mendapatkan keampunan dan keberkatan kepada Allah SWT agar layak mendapat kriteria seperti termaktub dalam surah Saba, ayat 15 dan akhir sekali Timbalan Speaker saya mengingatkan kepada Kerajaan Negeri ia kita telah banyak mencapai benda-benda yang bagus dalam pemerintahan kita. Surah Al-Rum ayat 41 telah nampak kerosakan di daratan dan laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahaginya dari akibat perbuatan mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar. Jadi saya menjunjung kasih, saya mengharapkan rakan-rakan saya Yang Berhormat di Dewan Negeri Selangor ini jadikan bangsa Selangor orang yang permai ini mudah-mudah kita di berkati Allah SWT. Berkhidmat Kerana Allah.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Terima kasih Selat Klang, silakan Permatang



**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** *Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalammualaikum, Warahmatullahi Wabarakatuh Alahmdulillah Wasallam Tuwasalamillah.* Terima kasih Tuan Timbalan Speaker yang berikan saya untuk sama-sama membahaskan titah menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam persidangan pada kali ini. Pertama bagi pihak diri saya, saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Yang Amat berhormat Menteri Besar kerana pada hari yang kedua persidangan menyampaikan ucapan takziah kepada mantan rakan-rakan Adun kita yang telah kembali ke rahmatullahlah dan peluang kesempatan bagi pihak rakan-rakan Barisan Nasional, saya ingin merakamkan sebagai rekod kepada Dewan ini bagi pihak ADN-ADN Barisan Nasional kita ingin rakamkan ucapan setinggi-tinggi takziah dan perasaan mendalam bersama-sama berkongsi kesedihan kepada Yang Berhormat Menteri Besar atas kehilangan ibunda beliau yang tercinta pada baru-baru ini. Mohon maaf mungkin ada yang sempat ziarah dan tidak sempat ziarah. Tuan Speaker, Timbalan Speaker, saya bermula dengan saya sebenarnya akan menyentuh 3 perkara dalam tempoh yang ada ini saya harap mencukupi *Insyallah*. Beri ruang untuk menyampaikan 3 perkara ini. Saya yang pertama nak menyentuh rakan saya Sungai Burong tadi. Malangnya Andalas mungkin ada di luar, tapi elok saya sampaikan juga mengenai premium. Premium tanah yang mana Sri Andalas selalu menyebut mengenai Hospital Kapar. Saya mendapat maklumat rasmi daripada Jabatan Kesihatan dan Kementerian Kesihatan bahawa saya mohon kepada Kerajaan Negeri bahawa tapak cadangan Hospital Kapar yang berjumlah lebih kurang saya dimaklumkan lebih kurang 50 ekar di cadangkan oleh sebuah syarikat telah menerima surat dan dimaklumkan bahawa premium tanah untuk 50 ekar pembelian tapak itu berjumlah secara rasmi 101 juta premium. Jadi saya berpandangan sebagaimana Sungai Burong menyebut mengenai tapak Bomba saya mohon kepada Kerajaan Negeri supaya menilai balik memberikan sokongan sebab Hospital ini sangat penting. Kita maklum Hospital pun punyai jumlah pesakit yang tinggi kalau ada binanya Hospital Kapar Kerajaan Negeri sumbangan dalam bentuk nominal premium kepada tapak ini dan Kerajaan Persekutuan membina. Inilah *smart patnership* yang boleh kita kemukakan dalam cadangan kita. Yang kedua saya juga hendak menyentuh rakan saya Paya Jaras tadi ada saya tengok mungkin ada di luar, saya teringat ucapan beliau waktu persidangan yang lepas. Saya ingat apa yang dia ada b tahu ucapan bajet bermacam-macam tak kena dengan YAWAS ini itu ucapan beliau lah lebih kurang. Saya pun terfikir juga apa yang tak kena dengan YAWAS ini, dan rakan saya daripada Kuang dan bawa banyak perkara. Saya tak sebut banyak. Cuma saya nak minta satu daripada menyentuh mengenai ketelusan sebab ucapan titah ucapan Tuanku menyebut tentang ketelusan *transferency* ada menyebut tentang *accountability* juga mengenai integriti jadi saya berdiri atas dasar-dasar ini saya rasa kena dilihat. Pendedahan ini bukanlah satu perkara yang kita hendak dedah, bukan perkara yang menyeronokkan bukan untuk tujuan publisiti tetapi lebih kepada peringatan sekiranya

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

ada perlakuan-perlakuan yang ada ini yang melaporkan kena bermuhasabah diri. Kena ingat balik bertaubat dan juga buat balik pembetulan ini. Saya mohon sekiranya aduan telah dibuat kepada pihak Polis dan juga kepada pihak SPRM saya menyeru kepada kedua-dua agensi ini segerakan siasatan. Yang tak bersalah kita bersihkan yang bersalah kena terima akibat daripada kesalahan ini. Saya menyeru kepada kedua-dua agensi ini segera siasat. Cuma saya hendak sebut satu ini dalam banyak-banyak yang disebut Kuang saya tertarik dengan Ahli Parlimen Pandan yang ini seorang yang cerdik, dan juga Kepong. Pandan ini cerdik sebab itu dia jadi bekas ketua Pengarah Strategik PKR dia tak namakan nama dia bagi nama orang lain Mohd Firdaus bin Hashim, saya tak tahu, pegawai dia ke? Keluarga dia ke? Saya tak tahu kenapa boleh ada seorang yang tiada kait mengait pun bukan Ahli Parlimen bukan ADN bukan penyelaras tetapi boleh memegang kad dan boleh mengeluarkan sewenang-wenang yang ini saya tengok bagaimana boleh berlaku perkara ini. Ini ketelusan yang patut dilihat, saya bukan mengkritik tapi ini nyata. Sebab dia cerdik dia pening orang lain, sebab kalau kena orang lain jadi kambing hitam dia lepas. Jadi pada saya kesimpulannya dia negeri Selangor ini, orang hidup kena tipu orang mati pun kena tipu itulah yang saya nak gambarkan. Orang hidup kena seleweng yang mati pun kena seleweng bak kata seniman dalam apa ini filem Madu Tiga, hidup susah mati pun susah, lebih kurang macam itu Tuan Speaker? Saya

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta mencelah.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Permatang, Kampung Tunku minta mencelah.

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Eloklah, tak apa saya ingat nak habis kan masa yang ada.

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Nak bagi atau tak

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak izinkan

**TIMBALAN TUAN SPEAKER:** Tak izinkan

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Bila saya berucap, saya beri laluan

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak beralih kepada satu. Perkara, saya tak benarkan, hujung ada ruang saya bagi tak ada *problem*.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Sikit sahaja

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya terus kepada mengenai perkara orang mati juga. Yang ini saya nak menyampaikan kepada Dewan kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar Kerajaan Negeri. Saya diberikan satu salinan memorandum mengenai bantahan tapak perkuburan bukan Islam di atas tanah Lot PN

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

775576 Lot No 9987 berkeluasan 330,232,104 persegi dan kedua PN 30243 Lot No 9942 berkeluasan 700,000 persegi. Saya terima salinan ini sebab ini sangat penting kepada rakyat. Bantahan yang sangat keras, siri-siri yang dikemukakan oleh penduduk saya bercakap ini Timbalan Speaker bukan isu *racist*, bukan isu bangsa bukan isu agama tapi bantahan ini datang daripada lima buah kampung, Kampung Bukit Kapar, kampung Bukit Kapar Tambahan, kampung Bukit Kerayong, kampung FELDA Bukit Cherakah, dan juga Bandar Puncak Alam.

Yang bantah ini rakyat. Yang membantah ini bukan sahaja JKPP, JKKK Negeri pun bantah. JPP, Jawatankuasa Penduduk pun bantah. Kumpul tandatangan, buat siri bantahan, hantar juga memorandum. Saya nak minta supaya Kerajaan Negeri lihat balik. Supaya isu ini dapat diselesaikan. Saya tengok apa yang dilampirkan di sini, EXCO yang berkaitan buat komen kata tak tahu. Saya tengok ada lampiran di sini, EXCO kata yang berkaitan tak tahu. Tapi itu tak apa. Saya yang, yang saya tengok, saya rasa ini saya patut lihat. Dalam Selangor Kini bertarikh 22, 20 hingga 27 Januari 2017, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada komen. Sedia teliti tanah perkuburan cina Bukit Cerakah. Saya lalukan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ini bantahan rakyat. Merentasi sempadan politik, agama dan bangsa. Ini keperluan. Yang Amat Berhormat kena tengok. Saya menyampaikan hasrat penduduk di 5 buah kampung ini. Apa pun jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya sedia terima, tak ada masalah. Saya tidak mahu politikkan isu ini. Soal nak kata ini kelulusan zaman dahulu kita tak. Kerajaan yang baik kerajaan yang responsif kepada rakyat. Sekarang Yang Amat Berhormat jadi Menteri Besar. Kalau keputusan dulu tak betul, sila perbetulkan. Yang Amat Berhormat pernah batalkan cadangan Menteri Besar yang lama *Cidex*, *Cidex*, Lebuhraya *Cidex*. Yang Amat Berhormat boleh batalkan dalam kerajaan yang sama, parti yang sama. Kenapa ini tidak boleh dibatalkan kalau itu kelulusan Kerajaan Barisan Nasional, batalkan. Tidak ada halangan. Wartakan semula. Jangan jadikan isu politik ini membawa hasrat. Dan saya nak minta pandangan rasmi Kerajaan Negeri mengenai isu ini. Kalau boleh diselesaikan.

Saya nak pergi kepada perkara yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Speaker mengenai UNISEL.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya minta penjelasan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nanti dululah. Bagi, bagi saya peluang. Saya tak nak dicelah supaya ayat saya tak

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Belum lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Mohon bagi..

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak benarkan. UNISEL sebuah institusi pengajian tinggi

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bagilah sikit..

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang pernah menjadi kebanggaan..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Nanti semua *international roaming* 1 dunia baru balik. Jadi....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya bagi Yang Berhormat. Sabar.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ok ya?

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Pasti saya akan bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku duduk dulu. Duduk dulu. Sila sambung.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mengenai UNISEL. Sebuah institusi yang menjadi kebanggaan Selangor suatu ketika dulu menjadi wadah untuk mengembangkan budaya ilmu di kalangan rakyat. Malangnya sejak diambil alih oleh Pakatan Rakyat, hari ini UNISEL bukan lagi menjadi pilihan anak-anak Selangor ataupun di luar Selangor. Ini realiti. Cuba buat *servey*. Saya berani sebut, cari 100 ahli keluarga yang anaknya dapat keputusan baik SPM. Cuba baik *servey*. Apakah mereka bersedia untuk belajar di UNISEL? UNISEL hari ini menjadi medan mengumpul ahli akademik yang pro Kerajaan Negeri. Diberi jawatan penting, dibayar gaji yang tinggi. UNISEL kini ibarat sebuah lokasi pemimpin para politik tertentu nak mengindoktrinasikannya para pelajar dan juga agenda politik. Itu jelas. Hasil semakan menunjukkan bahawa bilangan ahli politik tertentu memegang jawatan strategik dan pentadbiran pengurusan, pengurusan UNISEL semakin hari semakin meningkat. Saya nak sebut perkara ini itu bukanlah satu perkara yang isu sangat kepada, kepada saya. Sebab UNISEL ini berada dalam kawasan yang saya wakili. Tapi saya ada laporan. Sebenarnya saya dapat laporan ini lebih awal daripada jawapan yang disediakan oleh Yang Berhormat EXCO. Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang diberi kepada saya secara bertulis. Saya hargai dan jawapan yang diberi itu tak jauh, sama lebih kurang dengan apa maklumat yang saya perolehi. Amat saya nak sebut di sini mengenai UNISEL ini dah lama saya tak sebut. Saya patut berikan pandangan kepada

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Dewan ini dan sedikit laporan bahawa pertama, pada tahun 2014 akaun UNISEL yang diaudit mencatat kerugian RM10,583,392.00 2015, kerugian bertambah RM16,564,999.00 sama maklumat yang saya perolehi. Begitu juga yang masih di peringkat draf untuk akaun 2016 yang masih peringkat draf mencatat kerugian RM4,013,203.00. Pada saya itu bukanlah perkara yang sensasi sangat. Tetapi yang saya nak jelas di sini, saya nak minta penjelasan Kerajaan Negeri jumlah terkumpul kerugian UNISEL pada ketika ini berjumlah RM126,819,853.00, RM125 juta. Bagaimana universiti ini nak *sustain*? Bagaimana universiti ni nak berkembang? Bagaimana universiti ni nak menjalankan tanggungjawab dengan baik? Nak memberikan kebajikan kepada kakitangan? Saya nak minta penjelasan yang lebih mengejutkan saya sehingga hari, saya minta penjelasan, kalau tak betul, tolong betulkan fakta ini. Jumlah liabiliti keseluruhan UNISEL sehingga kini berjumlah selain daripada kerugian tahunan, kerugian terkumpul jumlah liabiliti UNISEL hari ini RM344,839,477.00. Saya nak tanyalah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat apakah ini tanda gagalnya pengurusan? Apakah ini cara perbelanjaan yang tidak berhemah? Apakah ini urus tadbir yang baik yang kita bangga-banggakan kalau ikut Sekinchan sempurna 100% kerajaan ini negeri. Tak sempurna, saya setuju. Terima kasih Sekinchan. Apakah pengurusan-pengurusan ini kerana disebabkan oleh kelemahan-kelemahan yang jelas? Saya nak bertanya kenapa jumlah bilangan pelajar tidak dapat ditambah? Yang Amat Berhormat luluskan 2016 UEC diterima untuk masuk UNISEL. Saya bagi soalan kepada Speaker, kepada EXCO. Hari ini dah hampir setahun lebih masuk tahun yang kedua, tidak ada seorang pun pelajar yang ada sijil UEC memohon untuk masuk. Apa petanda ini? Bahawa orang-orang Cina pun tidak berminat untuk masuk ke UNISEL. Saya kasihan dengan pelajar-pelajar UNISEL, ibu bapa yang menghantar anak, mengharapkan. Di manakah kebolehan pasaran pelajar-pelajar UNISEL? Dengan kerugian terkumpul sebegini banyak bagaimana UNISEL nak meneruskan operasi? Ibarat macam orang dadah, suntik jalan, tak suntik dia berhenti. Suntik jalan. Sampai bila dia nak menanggung, Kerajaan Negeri nak menanggung? Bagaimanakah UNISEL nak bersaing? Sah kata nak bersaing dengan universiti awam, nak bersaing dengan universiti swasta yang ada dalam negara kita pun tak mampu nak bersaing apa lagi nak bersaing dengan universiti awam dalam negara kita. Bagaimanakah? Saya tak nak dengar jawapan EXCO molek-molek. Universiti kita menang pingat dalam pertandingan pingat sekian, sekian, sekian. Kita menang pingat emas dalam pertandingan sekian, sekian, sekian. Itu bukan ukuran universiti kita berjaya. Itu bukan ukuran prestasi universiti kita. Universiti kita mesti dalam suasana yang lebih baik. Kajian kita, prestasi kebolehan pasaran pelajar-pelajar kita, peningkatan pelajar kita, akhirnya untuk menampung beban kos yang ini terlalu tinggi, kerugian beratus juta ini, saya nampak jalan penyelesaiannya meningkatkan yuran pengajian. Apa lagi cara? Apakah ini Kerajaan Negeri, MBI setiap masa akan menyuntik, terus menyuntik, terus menyuntik dana kepada UNISEL? Sampai bila

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

perkara ini akan dapat diteruskan? Sampai bilakah universiti ini akan menjadi universiti yang boleh kita banggakan? Hari ini tak menjadi kenyataan pun. Saya bukan mengkritik. Ini perkara yang jelas dan mesti dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini kenapa boleh berlaku kerugian yang sebegini teruk? Ini 2014, 2013, 2012, 2009. Saya dah bangkitkan perkara ini dalam sidang yang lepas pun. Mengenai perkara UNISEL ini. Ini di kawasan saya. Saya melalui kawasan ini hampir setiap minggu. Di kampus Bestari Jaya, hampir setiap hari di kampus Seksyen 7. Saya tak nak tengok universiti lengang. Petang padang tak ada orang seolah-olah tak ada penghuni dalam universiti ini.

Tuan Speaker, saya minta. Timbalan Speaker saya minta ini dilihat. Ini bukan pendedahan sensasi. Saya tak nak sensasikan tetapi inilah realitinya Kerajaan Negeri mesti bertanggungjawab dan kita sebagai ADN-ADN mesti memberikan pandangan dan teguran ini supaya universiti ini dikembalikan kepada prestasi yang lebih baik, prestasi yang, yang tinggi, yang menjadi harapan kepada masyarakat dalam Negeri Selangor ini dan juga menyumbang kepada teknokrat-teknokrat yang dilahirkan oleh universiti ini. Saya nak pergi pada 1 lagi institusi pendidikan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ia, Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Satu lagi. Lepas isu ini saya benarkan. 1 lagi. Saya nak menyentuh mengenai institusi pendidikan yang hancur, yang rosak, yang binasa hasil daripada tangan-tangan rakus Pakatan Rakyat dan hari ini Pakatan Harapan. Yayasan Selangor. Saya dah sebut berulang kali. Nanti Sekinchan kata itu isu lapuk. Betul isu ini isu yang lama kita perjuangkan. Tetapi tidak tak ada apa pun pembaharuan yang dibuat kepada teguran kita. Bangunan tersergam indah, Bangunan Yayasan Selangor di tengah-tengah mercu Kuala Lumpur. Yang sepatutnya mendatangkan pendapatan beratus juta sebagaimana bangunan-bangunan yang lain. Kawasan yang cukup strategik, yang cukup baik. Hari ini hilang pendapatan daripada tahun 2011 setelah diambil alih oleh Pakatan Rakyat. Bangunan itu dikeluarkan semua penyewa-penyewa. Kononnya nak buat *re-branding*, nak buat bangunan yang lebih canggih. Nak dibuat konsep BOT. Hari 2011 dah 2017, 7 tahun bangunan in usang dan memalukan rakyat Negeri Selangor di tengah-tengah Bandar Raya Kuala Lumpur. Saya dimaklumkan, saya boleh rekod *hansard* Dewan, boleh tengok ucapan saya penggal yang lalu. Saya sebut. Saya dapat maklum, pendapatan yang sepatut diperolehi untuk bangunan ini sebulan hampir lebih RM400 ribu. Setahun berapa? Hampir berapa juta? Kalikan dengan 7 tahun. kalau ikut kiraan ringkas saya sahaja lebih kurang RM28 juta kita kehilangan hasil daripada sikap. Hari ini saya

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

dimaklumkan dah 5 kali RFP, *Request For Proposal* dibuat. Akhirnya bangunan ini usang, tertinggal. Malu kita Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya nak juga sebut asrama Kampung Pandan. Waktu yang sama dikosongkan untuk asrama Toh Puan Norashikin dan juga Tun Dr. Latif. Sampai hari ini pelajar tak diambil, dibiarkan usang. Yang tinggal barangkali penagih dadah masuk. Kononnya nak dibangunkan dengan komersial yang mencatat berbilion GDP tapi hari ini ia tidak bangunkan. Kalau kita benarkan pelajar beroperasi mengambil pelajar-pelajar luar bandar orang miskin, yang sepatutnya itulah hasrat harapan dulu waktu Selat Klang menjadi EXCO Pendidikan bagi jawapan kepada saya akan dibina asrama baru untuk mereka. Sebab itu kita kosongkan asrama ini. Hari ini, baru pun entah ke mana, yang lama sekarang terbengkalai. Berapa banyak kita kerugian? Kalaulah asrama ini boleh menempatkan 500 pelajar, 2 asrama 1,000, 7 tahun berapa ribu orang dapat kita lahirkan? Bantu penduduk luar bandar orang miskin, orang tak mampu anak orang susah boleh belajar dapat peluang belajar. Sebab asrama penuh tak mencukupi. Pelajar cemerlang ramai. Sebab itu kita ada hasrat Yayasan Selangor membina kawasan ini. Jadi saya nak minta jawapan yang jelas, bilakah perkara ini akan dapat diselesaikan? Bila bangunan asrama Yayasan Selangor ini dibalik, atau apakah akan dibalikkan semula kepada pelajar ataupun diberikan pembangunan? Bagi jawapan yang jelas, begitu juga dengan bangunan komersial. Saya nak bagi laluan kepada Kampung Tunku.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Permatang. Banyak soalan kerana telah 2 kali tertunggak. Jadi soalan pertama berkenaan dengan premium tanah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Satu, satu. *One by one* Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan saya berkenaan dengan premium tanah yang dibagikan isu yang paling awal dibangkitkan. Sekiranya Kerajaan Persekutuan mempunyai banyak lagi infrastruktur ataupun aset di Negeri Selangor yang barangkali belum membayar premium tanah. Adakah Yang Berhormat juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk juga mengenakan premium nominal terhadap semua-semua tanah ini? Dan kalau itu adalah jawapan Yang Berhormat bukankah ianya satu ketidakadilan terhadap Kerajaan Selangor kerana sumber pendapatan itu akan terjejas? Bayangkan ini bukan satu. Ada banyak lagi aset Kerajaan Persekutuan termasuk saya kira, saya pernah bangkit iaitu tentang Pelabuhan Klang. Masih lagi ada tunggakan puluhan juta ringgit belum dibayar.

Soalan kedua, YAWAS. Saya sempat baca balik. Nasib baik Yang Berhormat tidak beri masa kepada saya apa yang diucapkan oleh Paya Jaras. Dia kata ada sesuatu

**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

yang rasanya tak ngam dengan YAWAS. Bukan operasi YAWAS tapi nama YAWAS. Nama itu macam sedikit pelik. Bukan operasi. Jadi Yang Berhormat jangan pula salah baca ataupun melakukan kesilapan yang saya lakukan semalam.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya faham, saya faham

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya mohon kalau boleh mungkin kita betulkan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya, Yang Berhormat Speaker, Timbalan Speaker, saya ingat saya tak nak

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Yang Berhormat

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak tambah sikit lagi. Mengenai, mengenai premium, saya setuju. Siapa pun yang tak bayar kena kutip. Hutang tetap kena bayar. Persekutuan ke kena bayar. Itu saya setuju. Cuma saya nak minta supaya RM101 juta tu dipertimbang semula pada kadar yang sepatutnya berpatutan sebab yang nak dibina ni hospital. Untuk kemudahan beribu rakyat dalam Negeri Selangor dan juga di Daerah Klang, juga di Kapar. Andalus minta. Ini untuk rakyat. Dan yang kedua, mengenai

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tamatkan, tamatkan ucapan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** YAWAS. Saya berhenti tepat pukul 1. YAWAS ni, betullah apa ni Paya Jaras kata macam tu. Saya pun terfikir bila ada pendedahan ini baru saya sedar rupanya ada di sebalik YAWAS itu Yang Berhormat. Ini yang didedahkan. Jadi Yang Berhormat Timbalan Speaker saya mengucapkan terima kasih memberikan penghormatan untuk berbahas dalam ucapan menjunjung kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat sekalian. Jam sudah menunjukkan 1.00 petang. Saya tangguhkan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang )**



**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** *Assalamualaikum* dan Selamat Petang. Dewan Disambung semula. Saya persilakan Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya membuat ingatan setiap yang berhormat ada 10 minit seorang sahaja.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Damansara Utama untuk turut serta dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ucapan Tuanku. Hari ini saya hanya ada satu isu utama dan isu sampingan rasanya tak cukup masa. Tapi sebelum saya teruskan izinkan saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan permohonan 32 geran tanah kepada penduduk di Kampung Cempaka. Dato' Menteri Besar telah melawat kampung untuk menyampaikan Borang 5A. Sementara meraikan Tahun Baru Cina dengan penduduk-penduduk di Kampung Cempaka. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini. Ini adalah kali pertama dalam sejarah Kampung Cempaka di mana Dato' Menteri Besar sudi hadir turun padang ke kampung itu. Oleh itu, penduduk menyambut baik lawatan itu, syabas dan tahniah kepada Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri dan harap kerja-kerja sebegini kita boleh teruskan.

Tuan Speaker, sebelum saya pergi ke isu utama saya ingin saya membuat sedikit satu cadangan kecil kepada Kerajaan Negeri. Saya telah meneliti bahawa banyak kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri adalah wanita-wanita muda. Saya ingat banyak yang baru sahaja berkahwin dan ada anak-anak kecil lagi. Saya sendiri pun ada kanak, ada kakak, adik dan juga kawan-kawan yang dekat umur saya yang ada anak-anak yang kecil. Saya meneliti dan mendapati bahawa anak-anak kecil ini senang menjangkit kesakitan. Dia akan senang sakit dan penjagaan yang teliti pada umur yang kecil adalah sangat kritikal. Oleh itu saya cadangkan Kerajaan Negeri supaya memberi tiga hari cuti khas setahun kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri Selangor untuk tujuan menjaga anak yang sakit. Kakitangan kerajaan boleh memohon cuti khas ini dengan melampirkan MC anak-anak sahaja.

Tuan Speaker, sekarang saya hendak membangkitkan satu isu sahaja yang saya nak bangkitkan hari ini. Isu utama ini adalah sebuah projek Selangor yang diterajui oleh Kerajaan Persekutuan namanya *East Coast Rail Line*. Projek ECRL dalam pendek. Projek ECRL akan membina landasan kereta api elektrik berkembar sepanjang 600 kilometer.

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Timbalan Speaker. Peraturan Tetap.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Timbalan Speaker. Peraturan Tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama duduk dulu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Peraturan Tetap 12(1) kuorum mestilah satu perempat. Satu kuorum adalah tidak kurang daripada satu pertiga Ahli Dewan jadi saya ingat elok kita semak dulu kuorum sebelum Sidang ini dijalankan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk dulu Permatang saya mengira kuorum. Ya saya minta Bentara bunyikan loceng. (Loceng dibunyikan). Kita ambil lima minit untuk menunggu kuorum.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat Sekalian, kuorum telah mencukupi malah lebih. Saya persilakan Damansara Utama sambung

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Harap Tuan Speaker boleh tambah masa untuk saya. Balik kepada Projek ECRL. Projek ECRL akan membina landasan kereta api elektrik berkembar sepanjang 600 kilometer dan akan menghubungkan Pelabuhan Klang ke Gombak di Selangor kemudian ke Bentong, Mentakab dan Pelabuhan Kuantan di Pahang, Kemaman, Kerteh dan Kuala Terengganu di Terengganu dan Kota Baharu dan Tumpat di Kelantan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, 600 kilometer ECRL laluan ECRL kira-kira 80 kilometer adalah di Selangor. Rangkaian baru ini bukan sahaja dapat menghubungkan bandar-bandar Pantai Timur dengan Selangor dan juga Kuala Lumpur untuk pengangkutan penumpang tetapi ada satu objektif lain iaitu menghubungkan Pelabuhan Klang dengan Pelabuhan Kuantan untuk pengangkutan kargo. Walau bagaimanapun impak projek ini bergantung kepada kos projek. Ini adalah kerana apabila projek telah siap tambang ataupun tiket, harga tiket kereta api untuk penumpang dan harga pengangkutan kargo bergantung kepada kos projek. Semakin tinggi kos projek ECRL semakin mahal lah harga tiket dan pengangkutan kargo ataupun untuk memastikan harga-harga ini *competitive* kerajaan perlu menampung kos dan kita perlu ingat bahawa apabila kerajaan menampung kos itu bermakna cukai rakyat digunakan. Macam mana pun rakyat lah yang akhirnya akan membayar untuk kos projek ini.

Tuan Speaker, oleh kerana kos projek ini lah sebab saya nak bangkitkan projek ini di Dewan yang mulia ini. Kita semua tahu kontrak ECRL ini telah dianugerahkan kepada China Communication Construction Corporation Limited, CCCC tanpa tender terbuka. Pada harga RM55 bilion. Tanda harga RM55 bilion ini untuk landasan 600 kilometer

adalah kira-kira RM92 juta perkilometer. Ini adalah sangat tinggi. Salah satu artikel The Age Malaysia telah menggambarkan ECRL sebagai kereta api dalam kelas nya yang paling mahal di dunia. Malaysia Boleh. Saya memetik di sini kenyataan dalam The Age, "*it could be the most expensive rail infrastructure project in the world in its class*". Dengan izin. Kita boleh membuat beberapa perbandingan antara kos projek ini. CCCC iaitu Syarikat yang mendapat tender ECRL telah membuat projek kereta api yang lebih kurang sama di Bangladesh dan Kenya pada harga RM68 juta dan RM61 juta perkilometer masing-masing. Pada harga RM92 juta perkilometer ECRL adalah 50% lebih mahal dengan menggunakan kontraktor yang sama.

Membandingkan ECRL, ECRL dengan projek tempatan projek laluan Gemas Johor Baharu sepanjang 179 kilometer ia telah dianugerahkan kepada China Railway Engineering Cooperation dengan harga 7.1 bilion iaitu 40 juta perkilometer. Pada harga RM2 juta perkilometer ECRL adalah lebih daripada dua kali ganda berbanding kos pembinaan laluan kereta api laluan Gemas Johor Baharu.

Menurut laporan The Age, penggiat industri pembinaan kereta tempatan rata-rata menganggarkan kos projek ini adalah di antara 32 hingga 36 bilion. Selain itu, HSS Integrated Sdn. Bhd. yang telah menyediakan kajian *feasibility* projek ECRL menyatakan dalam penyata mereka bahawa cadangan ECRL sepanjang 545 kilometer yang dikajinya akan menelan belanja RM29 bilion ataupun kira-kira RM53 juta perkilometer. Mengapa tambahan 10% kepanjangan isi ECRL sekarang meningkatkan kos projek dengan mendadak? Iaitu lebih daripada 80% anggaran.....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Timbalan Speaker. Peraturan Tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya. Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** 36(1). Seorang Ahli hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan. Kita membahaskan ucapan Titah Tuanku, isu mengenai ECRL ini sepatutnya Yang Berhormat Gombak, Yang Amat Berhormat Gombak boleh bawa dalam Parlimen sebab tak adil, sebab kita tak siapa boleh jawab

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, saya nak menjelaskan di sini, saya tak ada masa untuk ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ini Peraturan Tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik. Ini Peraturan Tetap. Damansara Utama duduk.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Hadkan ucapan tu kepada perkara itu sahaja.

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Permatang duduk. Saya faham, saya faham. Bagi saya buat *rolling*. Minta Damansara Utama menjelaskan kepada Dewan *relevance point* itu. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuanku telah mengatakan tentang peningkatan ekonomi dan juga pelaburan. ECRL adalah sangat penting. Kalau dibuat dengan baik untuk menaikkan ekonomi dan juga peningkatan pelaburan itu adalah sangat berkaitan dengan Selangor, ekonomi Selangor. Izinkan saya teruskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya terima dan teruskan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, saya telah banyak melontarkan angka-angka dan diganggu oleh Permatang jugak. Angka-angka ini banyak ada orang sudah lupa tapi boleh disimpulkan dalam ayat yang sangat pendek iaitu harga ECRL sebanyak RM55 bilion adalah terlalu tinggi dan tidak boleh diterima kerana

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ada masa untuk saya? Kalau tak ada saya tak izinkan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Damansara Utama, isu ini sudah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Pandan di Dewan Rakyat dan sudah dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya ada cadangan untuk Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ini minta penjelasan jadi tolonglah semak *handsard* di Parlimen. Telah dijawab pun.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya ada cadangan untuk Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Rafizi pun cedok daripada blog-blog yang lain. Telah dijelaskan jadi Yang Berhormat tak payah lah bawa dalam Dewan ni. Cari yang relevan dengan negeri lah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Permatang. Saya faham, ini adalah pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat di Selangor dan beliau boleh menyatakan pandangannya dan cadangannya dan direkodkan di Dewan ini.

**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, tolong tambah masa saya *at least* saya nak habiskan isu ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi satu minit. Sila.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Kerajaan Persekutuan semalam hah so saya sampai sini, semalam dalam jawapan Parlimen telah menyatakan bahawa kontrak ECRL dianugerahkan kepada CCCC tanpa tender terbuka adalah untuk mendapat terma pinjaman yang menarik dari Excing Bank of China tetapi adakah terma ini boleh menjustifikasikan tanda harga ECRL yang jauh lebih mahal daripada situasi biasa. Ada terlalu banyak berkaitan dengan banyak persoalan berkaitan dengan ECRL. Sarawak *Report* melaporkan bagaimana kontrak ECRL yang mahal ini dan lebih pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan atas nama ECRL digunakan untuk membantu 1MDB untuk mengisi lubang.... ya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta laluan sikit, mohon mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya kena ada tanda masa ya *otherwise* saya tak boleh siap.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak tanya kenapa, kenapa tender ini tidak dibuat secara terbuka? Apa rasionalnya. Bagi penjelasan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Jawapan diberi adalah sebab kita nak pinjaman yang menarik daripada Excing Bank of China. So, saya teruskan. Ada banyak persoalan dan Sarawak *Report* telah katakan bahawa lebih pinjaman dan kontrak ini adalah untuk digunakan untuk membantu 1MDB untuk mengisi lubang terutamanya bagi menyelesaikan masalah mereka dengan Internasional Petroleum Investment Cooperation IPEC, sama ada apa yang dilaporkan oleh sama ada yang dilaporkan oleh Sarawak *Report* adalah benar ke tidak itu Sarawak *Report* saya... ya

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan. Bila Sarawak *Report* ni dapat maklumat sebenarnya. Sarawak *Report* ni pun telah dipertikaikan oleh banyak negara.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya. Saya minta supaya bersabar sebab ini ayat seterusnya yang saya nak katakan ialah sama ada apa yang dilaporkan oleh Sarawak *Report* adalah benar ke tidak? Satu fakta penting ialah projek ini tersangat mahal. So saya, oleh itu Tuan Speaker, saya ada cadangan untuk Kerajaan Selangor. Kira-kira 80 kilometer daripada 600 kilometer laluan ECRL terletak di Selangor. Apabila jajaran dimuktamadkan mungkin sekitar 1,000 bidang tanah perlu diambil alih di Selangor untuk membina ECRL. Projek ini akan memberi banyak kesan ekonomi dan juga sosial

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

kepada Rakyat Selangor. Oleh itu, kerajaan Selangor perlu memastikan bahawa projek ini tidak menjadi alat Ahli-ahli Politik untuk mencuri wang generasi akan datang atas nama infrastruktur.

Dengan ini Damansara Utama menggesa Kerajaan Negeri untuk menggunakan kuasa negeri dalam pengambilan tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengelakkan projek ini menjadi projek gajah putih yang mahal. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri untuk menggunakan standard yang sama dalam menimbangkan projek KIDEX, Kinrara Damansara Expressway. Apabila menimbangkan KIDEX, Dato' Menteri Besar memberikan konsesi syarikat konsesi tiga syarat. Pertama, menyediakan penilaian impak lalu lintas, penilaian impak sosial dan penilaian impak alam sekitar. Kedua, mendedahkan kadar tol sepanjang tempoh konsesi. Ketiga, mendedahkan perjanjian konsesi sepenuhnya. Damansara Utama berpandangan bahawa Kerajaan Negeri perlu menggunakan prinsip yang sama dalam kes ECRL. Saya mencadangkan kerajaan....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tapi kereta api tak ada tol. Jadi prinsip itu tidak terpakai.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** No. Prinsip. Sabar lah semua. Tunggulah ucapan saya. (Ketawa). Prinsip yang sama bukan standard bermaksud, so saya berpandangan bahawa Kerajaan Negeri perlu menggunakan prinsip yang sama dalam kes ini. Kerajaan Negeri tidak, saya mencadangkan supaya kerajaan tidak memberi sebarang kerjasama kepada projek ECRL dalam pengambilan tanah dan juga Pihak Berkuasa Tempatan sehingga segala-gala tentang projek ini adalah telus dan harga projek adalah munasabah.

Kerajaan Negeri perlu mendesak Kerajaan Persekutuan untuk mendedahkan dokumen-dokumen berikut hah ini, hah ok ini adalah kes ECRL prinsip sama tapi mendedahkan tiga dokumen. Dokumen pertama, semua kajian yang berkaitan dengan ECRL termasuk kajian *feasibility* yang dilakukan oleh HSS. Kedua, perjanjian yang ditandatangani pada 1 November 2016 iaitu perjanjian rangka pembiayaan kerja dan perjanjian kontrak pembinaan itu ECRL. '*Financing Frame Work Agreement and Engineering contraction and communion contract*' dengan izin. Ketiga iaitu tiga anggaran '*Guider Ship*' dan juga harga untuk tiket kereta api penumpang dan pengangkutan kargo dengan kos projek yang begitu tinggi. Dengan itu dengan maklumat yang kita ada yang tiga-tiga maklumat yang kita ada rakyat boleh menilai sendiri sama ada kos projek ini adalah mahal ke tidak. Akhir sekali Kerajaan Negeri perlu melakukan apa sahaja yang boleh untuk memberi tekanan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menjalankan tender terbuka untuk projek ECRL. Rakyat Malaysia

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

dan Selangor tidak mampu satu lagi projek gajah putih yang mahal. Tuan Speaker, untuk pengetahuan dewan yang mulia ini projek ECRL sekarang sedang ada pameran awam di ibu pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam (SPAD) seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 84 Akta SPAD. Saya telah pergi sana dan melihat dengan sendiri. Saya terkejut tengok hanya 16.7 kilometer laluan ECRL Selangor dipamerkan. Sebahagian besar tiada wujud di pameran tersebut, saya bawa sini brosur yang saya dapatkan. Dari sini kita boleh nampak dari wakaf baru dia sampai Gombak 16.7 kilometer tetapi dari Gombak ke Pelabuhan Klang tidak wujud. Ok, fasa kedua ada orang yang kata jawapan adalah kerana dia fasa kedua tetapi saya tertanya-tanya sebab apa yang penting untuk ECRL ialah hubungan antara Pelabuhan Klang dengan Pelabuhan Kuantan. Kenapa sekarang apabila kita nak bina pameran awam tiada laluan ini. Saya tertanya-tanya, saya khuatir sahaja bahawa ini adalah taktik Kerajaan Persekutuan. Di mana mereka nak mengecualikan Kerajaan Negeri Selangor daripada proses buat keputusan dan kemungkinan besar?

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Itu bersangka buruk itu Y.B.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ya tanggapan buruk, bersangka buruk, mungkin itu sangkaan buruk tetapi itu kes senario. *'Most case senario is that we are use'* dengan izin dan kemungkinan besar mereka nak membuat semua di negeri-negeri lain dahulu dan memaksa kita untuk menerima apabila pembinaan ataupun pembinaan kereta api telah dijalankan. Dengan ini saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh mengambil maklum dan mengambil tindakan-tindakan yang tegas supaya kita semua rakyat dapat dan generasi akan datang dapat dilindungi oleh Kerajaan Negeri Selangor yang sentiasa telus, sentiasa nak kebaikan anak-anak kita dan generasi anak datang. Saya ada satu isu yang satu lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, cukup.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya tahu tidak cukup masa dan saya berharap bahawa isu ECRL ini boleh mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri dan kita akan telus untuk menegak keadilan dan juga ketelusan dari peringkat Kerajaan Persekutuan, *'thank you'*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi Kuala Kubu Baharu.

**Y.B PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah memberi gambaran yang jelas mengenai ekonomi Selangor yang terus berkembang. KDNK per Kapita Selangor telah meningkat kepada RM42,611 dan melebihi paras nasional. Pendapatan isi rumah juga telah meningkat dan kini Selangor menduduki *ranking* ketiga selepas Kuala Lumpur dan Putrajaya. Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga menyebut komitmen Kerajaan Negeri yang bersepadu dalam menangani masalah kemiskinan

rakyat telah berjaya dan mencatat '*incident*' kemiskinan 0.2 peratus berbanding dengan Malaysia dengan pada kadar 0.6 peratus. Saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini mengenai warga FELDA yang berada di Selangor. Adakah warga FELDA di Selangor telah keluar dari belunggu kemiskinan ataupun mereka seperti warga FELDA di negeri lain sedang terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi dan keberhutangan yang tinggi. Kawasan FELDA di Selangor tertumpu di daerah Hulu Selangor iaitu FELDA Soeharto, FELDA Gedangsa, FELDA Sungai Tengi dan FELDA Sungai Tengi Selatan. Warga FELDA di Selangor juga memegang saham FGV yang sekarang harga pasaran adalah lebih kurang RM2.00 sesaham. Saya masih ingat pada tahun 2012 apabila FGV di senaraikan di bursa tempatan dengan tawaran awam IPO dengan harga RM4.55 sesaham yang mendapat liputan meluas setelah dikatakan sebagai penyenaian kedua terbesar dunia selepas '*facebook*'. Kini apa yang berlaku pada FGV saya difahamkan warga FELDA di Selangor juga mendapat 800 unit saham FGV tapi bukan diberikan secara percuma pada waktu itu. Saya tidak berhasrat menyeru UMNO Barisan Nasional mencari inisiatif bagi menaikkan nilai sesaham seunit saham FGV. Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan kepada dewan yang mulia ini bahawa Pakatan Harapan ada menawarkan resolusi bagi menyelesaikan kemelut ini. Pada Konvensyen warga FELDA 2017 yang berlangsung di Shah Alam baru-baru ini lima resolusi telah dibentangkan resolusi pertama adalah dengan mengukuhkan pengurusan dan tata kelola FELDA. Suruhanjaya Siasatan Diraja perlu ditubuhkan untuk membuat siasatan menyeluruh mengenai kerugian dan penyelewengan berbilion ringgit. Selain daripada itu semua transaksi yang tidak telus dan melibatkan kepentingan pihak tertentu seperti pelaburan dalam *eagle high plantations* dan pinjaman dari Putera *Star Investment* perlu dibatalkan. Resolusi kedua meringankan beban kos sara hidup dan hutang warga FELDA. Wang sara hidup setiap peneroka perlu ditingkatkan sehingga RM2,000 bagi menampung kos tanaman sebelum kelapa sawit mengeluarkan hasil. Setelah kelapa sawit membuah hasil dari tujuh ke lima belas tahun wang sara hidup ini boleh dibayar semula dengan potongan minimum RM800 sebulan hingga selesai tanpa faedah. Resolusi ketiga mewujudkan mekanisme untuk berkongsi tanah warisan, ini adalah kerana ramai peneroka telah meninggal dunia tanpa mendaftar bagi urusan pemindahan hak milik malahan pembahagian tanah akan menjadi setiap sebidang tanah terlalu kecil untuk menjana nilai komersial. Resolusi keempat pula membangunkan bandar baru FELDA di seluruh negara dan kelima menubuhkan universiti FELDA bagi meningkatkan tahap pendidikan generasi muda FELDA. Jelas bahawa resolusi-resolusi ini mengutamakan kebajikan warga FELDA agar kehidupan mereka lebih makmur, berjaya dan berdikari. Tuan Timbalan Speaker, saya juga difahamkan Kerajaan Selangor telah mula menangani masalah perumahan untuk generasi muda FELDA. Mengikut laporan media pada April 2016 Kerajaan Selangor telah mengumumkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor PKNS akan membina 136 unit rumah berkembar di FELDA Sungai Tengi Selatan. Kos projek



perumahan itu adalah RM20 juta dan Kerajaan Selangor menanggung kos infrastruktur sebanyak RM7.6 juta. Saya yakin projek perumahan ini bukan sahaja memacak papan tanda tetapi merupakan sebahagian dasar pendemokrasian dan pemilikan rumah Kerajaan Selangor bagi menjamin generasi muda FELDA memiliki sebuah rumah yang mampu miliki berkualiti. Dengan ini saya berharap Kerajaan Negeri memantau kemajuan perumahan itu secara berkala untuk memastikan warga FELDA dapat memiliki rumah dalam tempoh yang ditetapkan. Tuan Timbalan Speaker saya ingin membangkitkan isu rumah ibadat selain Islam (RISI). Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 6 juta setiap tahun untuk pembangunan dan aktiviti keagamaan pembangunan RISI. Kerajaan Negeri juga mewartakan tanah yang telah lama digunakan sebagai RISI. Apa yang menjadi isu sekarang ialah pembinaan RISI yang baru di kawasan perumahan terancang. Sepatutnya setiap tapak cadangan pemajuan perlulah menyediakan tapak RISI mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor akan tetapi saya mendapati tapak RISI di kawasan perumahan baru adalah sangat kurang. Adakah kemungkinan tapak RISI ditukar kepada kegunaan lain walaupun pelan kebenaran merancang telah meluluskan sebagai rizab untuk RISI. Saya harap Kerajaan Negeri Selangor boleh memberi perhatian kepada isu ini. Tuan Timbalan Speaker saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Balakong dan Yang Berhormat Kampung Tunku semalam yang menyebut Kerajaan Selangor tidak memproses permohonan daripada Lembaga Pelabuhan Klang menyebabkan premium tidak dipungut. Saya difahamkan Kerajaan Selangor terpaksa menanggungkan perkara tersebut kerana mahu mempertahankan pendirian negeri. Apa yang berlaku kepada perkara ini ialah Menteri Pengangkutan perlu melantik warga wakil Negeri Selangor ke dalam Lembaga Pelabuhan Klang dan kerajaan telah pun mencalonkan nama 2 orang Ahli EXCO untuk mewakili Kerajaan Selangor sejak tahun 2014. Tetapi Menteri Pengangkutan enggan menerima calon Kerajaan Negeri Selangor dengan alasan tidak ingin melantik orang politik ke dalam Lembaga Pelabuhan Klang. Ini adalah alasan yang sangat tidak berasas, pertama Ahli EXCO adalah wakil Kerajaan Negeri Selangor, kedua sekiranya Ahli EXCO dianggap sebagai ahli politik dan tidak boleh dilantik ke dalam Lembaga Pelabuhan Klang mengapa selama berpuluh tahun ini jawatan pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang adalah disandang oleh Pemimpin MCA dan bukan itu sahaja, malah Pengerusi MCA Bahagian Klang dan Kapar juga merupakan Ahli Lembaga Pelabuhan Klang. Seolah-olah ini adalah satu kewajipan. Kerajaan Persekutuan mesti menghormati keputusan Kerajaan Selangor. Semua urusan pelantikan bagi wakil negeri ke dalam agensi-agensi persekutuan. Ini adalah prinsip yang harus dihormati. Hubungan antara dua kerajaan hendaklah dihormati. Oleh yang demikian saya menyokong dan mendukung pendirian Kerajaan Selangor mempertahankan martabat Selangor dalam mengendalikan urusan dengan pihak Kerajaan Persekutuan. Saya juga menyeru Menteri Pengangkutan menghentikan cara mengendalikan pengurusan kerajaan secara

tidak profesional dan segera menerima pencalonan Kerajaan Negeri Selangor dalam pelantikan Ahli Lembaga Pelabuhan Klang, sekian sahaja saya menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmannir Rahim* Taman Medan juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Ada beberapa perkara yang Taman Medan ingin rentetan pertama Taman Medan ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri yang telah selama dua penggal telah melaksanakan lebih 30 inisiatif peduli rakyat bagi memastikan kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat di Negeri Selangor ini sentiasa terpelihara dan sentiasa dijaga. Taman Medan berkesempatan untuk pergi ke beberapa negeri di seluruh negara dan menceritakan cerita-cerita ataupun sukses '*story*' dengan izin di Negeri Selangor kepada mereka yang tinggal luar di Negeri Selangor. Apa reaksi pertama yang diperhatikan ialah mereka amat terkejut kerana rupa-rupanya ada berbagai-bagai program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan mereka merasa ini suatu perkara yang sangat merugikan mereka kerana beberapa negeri yang kelihatan atau didapati lebih kaya dari segi hasil mahsulnya tidak dapat memberi kelebihan ataupun program-program yang membantu rakyat. Oleh itu walaupun dalam keadaan ekonomi yang begitu agak lembap di mana-mana juga termasuk di dalam Negeri Selangor namun Kerajaan Negeri tidak memberi alasan untuk tidak mencari jalan penyelesaian tetapi terus menerus memperkenalkan program-program yang baru dan yang terakhir adalah skim pembiayaan rawatan kesihatan asas. Jadi kad peduli sihat untuk rakyat Negeri Selangor, ini sangat sukses sehinggakan ada wakil rakyat yang juga meniru pendekatan ini dengan mengadakan kad kesihatannya sendiri, dia tak namakan kad Peduli Sihat, tetapi dia panggil kad BN sihat. Jadi BN yang sihat rakyat belum pasti lagi. Jadi itu Tanjung Karang telah saya dimaklumkan bahawa Tanjung Karang telah laksanakan untuk warga Tanjung Karang. Jadi ini hanya menunjukkan Negeri Selangor menjadi contoh ikutan bagi seluruh negara termasuk juga rakan-rakan di sebelah sana.

Yang kedua Negeri Selangor memang menjadi sebuah negeri contoh dan juga antara negeri yang terdepan dan menjana ekonomi negara ini. Oleh itu negeri Selangor perlu bersedia ke arah mempunyai warga kerja yang akan menyambut cabaran tersebut dan terus akan memaju kejayaan dalam bidang ekonomi. Oleh itu Taman Medan melihat satu pengiktirafan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan bahawa *employability* di kalangan wanita adalah lebih baik berbanding lelaki dan ini juga sebenarnya adalah satu jawapan atau pun satu cabaran bagi negeri Selangor untuk mengoptimalkan peranan wanita dalam sektor pekerjaan. Kerana apa yang kita dapati lebih 55% pengambilan pelajar di

Universiti-universiti, Kolej-kolej Universiti dan juga Politeknik adalah didominasi oleh kaum wanita dan graduan wanita juga kelihatan lebih ramai setiap tahun bila tiba graduasi. Namun bilangan ini pun tidak diterjemahkan atau pun tidak kelihatan dalam pasaran kerja. Jadi ini menjadi satu tanya-tanya ke mana perginya golongan wanita yang telah berjaya di peringkat pendidikan tinggi tapi tidak kelihatan menjawat mana-mana jawatan dalam sektor pekerjaan. Begitu juga dalam memilih atau pun dalam bilangan pengundi yang mengundi untuk memilih wakil-wakil mereka sama ada di negeri-negeri atau pun di peringkat nasional, separuhnya adalah golongan wanita tetapi kita lihat yang mewakili rakyat Malaysia ini hanya 10.4% sahaja adalah daripada wanita yang dipilih sebagai Ahli Parlimen. Daripada 222 kerusi Parlimen hanya 23 adalah wanita. Begitu juga dengan kerusi-kerusi atau pun Ahli-ahli Dewan Negeri seluruh negara ada 505 kerusi atau pun ADN di seluruh negara tapi hanya ada 55 orang sahaja daripada golongan wanita. Itu sebanyak 10.8%, jadi ini antara perkara yang saya lihat Institut Wanita Berdaya boleh membuat kajian dan juga menjadi fokus kajian mereka untuk memastikan separuh atau pun jumlah yang besar wanita yang masih belum menduduki atau pun melibatkan diri di sektor pekerjaan ini di bawa keluar dan dikenal pasti apakah permasalahan mereka yang setakat ini belum lagi mencapai atau pun penglibatan mereka dalam pasaran kerja belum mencapai ke tahap yang di inginkan. Seterusnya perkara seterusnya Taman Medan telah menjalankan saringan ujian saringan bagi kanak-kanak yang menghadapi masalah kecelaruan perkembangan kanak-kanak dan didapati ini mengikut bancian tahun 2002 sahaja didapati terdapat satu kanak-kanak daripada 20 yang menghadapi masalah kecelaruan membaca atau pun kita panggil dia ini merupakan ia bukan satu penyakit tetapi ia merupakan satu permasalahan yang boleh diatasi. Kalau sekiranya negeri Selangor ingin mencapai sebuah negeri Smart Selangor dengan rakyatnya yang akan menggunakan teknologi dan juga kita perlu lebih ramai orang yang akan berperanan dalam menjayakan Smart Selangor ini *Smart State* ini. Maka saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menjalankan atau pun melaksanakan saringan ini bagi kanak-kanak di Sekolah Rendah supaya permasalahan ini dapat di kenal pasti di peringkat yang lebih awal dan proses pemulihan boleh dicadangkan kepada mereka yang menghadapi masalah tersebut kerana kita ada *early intervention* program yang telah diluluskan dalam Belanjawan Tahun 2017 yang meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta tapi itu disalurkan kepada Organisasi atau pun Pertubuhan-pertubuhan dan juga pusat-pusat yang mengadakan program *intervention, early intervention* tersebut. Hanya Taman Medan cadangkan perkara ini diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri kerana ini tidak menafikan mana-mana anak-anak atau pun murid-murid darjah 1 daripada mendapat saringan ujian melalui ujian saringan ini agar dapat dikenal pasti masalah ini lebih awal dan melalui proses pemulihan yang di perlukan. Dan akhir sekali Taman Medan ingin membangkitkan ini perkara yang pernah dibangkitkan dalam Sidang yang sebelum ini tentang usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan keselesaan kehidupan di bandar.

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan yang telah menyokong usaha-usaha untuk menyediakan infrastruktur yang lebih baik khususnya di dalam kawasan perumahan bertingkat rumah bertingkat dana yang ditambahkan untuk baik pulih bangunan bertingkat ini nampak dalam Belanjawan yang diluluskan untuk Tahun 2017. Namun ada sedikit mungkin kita boleh perbaiki kerana cadangan untuk membantu flat-flat atau pun pangsapuri kos rendah untuk menyelenggarakan jalan-jalan di dalam kawasan flat itu telah diterima oleh Kerajaan dengan baik dan membantu pihak pengurusan untuk menanggung atau membiayai kos selenggara jalan tersebut. Namun Taman Medan dapati ini hanya dihadkan setiap DUN hanya dihadkan satu flat sahaja. Jadi apa nasib flat yang berbelas-belas yang lain masalah yang sama. Oleh itu Taman Medan memohon supaya perkara ini disemak semula supaya selenggara jalan yang kita telah bersetuju sebelum ini dapat dilaksanakan di dalam kawasan-kawasan yang benar memerlukannya dan tidak mengehadkan flat-flat tertentu sahaja. Jadi dengan itu Taman Medan rasa itu hanya itu sahaja yang dalam kesempatan ini dapat dibangkitkan dan akhir sekali Taman Medan menyokong Usul Menyembah Ucapan terima kasih serta Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Taman Medan, saya persilakan Paya Jaras dan selepas itu Hulu Klang.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih Timbalan Speaker. Pertamanya Paya Jaras ingin mengambil kesempatan mengambil bahagian dalam ucapan junjung kasih Titah Tuanku sempena pembukaan Sidang Dewan kita pada kali ini dan di dalam Titah-titah Ucapan yang telah disebut dalam buku ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merujuk beberapa perkara yang telah titahkan yang tulis dalam buku ini. Cuma sebelum pergi lebih jauh Paya Jaras ingin merakamkan Ucapan Takziah kepada semua keluarga-keluarga ADUN Sg Air Tawar, keluarga Allahyarham Dato' Mokhtar Dahlan, Dato' Seri Thambi dan juga tidak lupa keluarga YAB Dato' Menteri Besar atas kehilangan bonda yang tersayang. Di samping itu Paya Jaras merakamkan jutaan terima kasih ke atas sokongan-sokongan pihak-pihak yang telah menjalankan program-program Kerajaan Negeri yang tengah jayanya. Kita menerima kehadiran pasukan SELCAT dengan pasukan yang penuh dalam program-program kita, kita menerima pasukan Air Selangor dalam dialog kita, kita menerima *take* yang baik dari JKR Petaling, MBSA dan saya juga merakamkan pasukan keselamatan sempena Hari Polis, Pasukan Polis-polis yang dari luar. Cuma dalam ucapan ini Tuanku Sultan Selangor di para akhirnya menimbulkan rasa kegelisahan Baginda terhadap kumpulan-kumpulan yang menjalankan politik yang disebut sebagai Politik kebencian, kemarahan, fitnah, menimbulkan salah faham antara satu sama lain. Dengan soalan itulah saya ingin bertanya kepada kawan-kawan pembangkang yang tak berapa tinggal nampak dua lagi apa sebenarnya pendirian

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Wakil Rakyat UMNO ini terhadap tindakan seolah tindakan tak berapa nak waras saudara apa itu saudara Jamal Yunus yang bertindak seolah-olah nak kata politik, tak politik, nak kata benci, nak kata iri hati terhadap program-program kita, heret van jenazah JAIS sehingga menimbulkan kepayahan di kalangan kawan-kawan di Jabatan Agama Islam, heret katil, tak tuala, pakai tuala dengan berus gigi. Saya nak dengar juga pandangan daripada kawan-kawan ADUN kita ini adakah ini model yang akan UMNO buat sekira UMNO yang dikatakan akan menang dalam pilihan raya akan datang. Adakah itu bakal Menteri Besar saudara ? Saudara jawab, jawab terus.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Boleh m?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya tak boleh jawab bukan EXCO. Saya nak bertanya balik kepada Paya Jaras ah... politik ini memang kita tolak, politik samseng, politik yang tidak berlandaskan demokrasi., politik jamban tapi polisi samseng jalanan, reformasi perhimpunan haram, *black 505* yang diterajui oleh Pakatan Pecah Merbai ini. Apa pandangan Paya Jaras, adakah itu boleh diterima mengapa tidak tunggu sampai PRU 14 kita sama-sama bertanding, berjuang, kalah menang itu kita serahkan kepada Allah rakyat juga yang menentukan nanti.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih. Saya urusan 505 ke, urusan himpunan ke tapi saya tak pernah tengok lagi orang telanjang, pakai tuala letak berus gigi, bawa katil, heret van jenazah

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Pecah kereta, apa ni polis dan pelbagai lagi, huru hara dibuatnya..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Itu kalau saudara...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Itu juga politik samseng...

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Kalau saudara rasa itu tindakan jenayah,

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Jangan panggil saudara, YB ni..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Yang Berhormat, (GELAK). Kalau saudara-saudara Yang Berhormat Dengkil, (GELAK), sama-sama YB, itu satu tindakan yang bertentang, ambil tindakan. Tetapi soal saya kepada kawan-kawan kita daripada pembangkang, Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian, adakah itu model pemimpin

**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

UMNO masa depan. Kita nak tunggu juga jawapan kita. Ketua Bahagian. Ha, yang dikatakan. Itu semua tanda-tanda iri hati. Terhadap program kita. Kita berjaya dalam Mesra Usia Emas kita. Kita berjaya program Jom *Shopping* kita. Kita berjaya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta pencerahan sikit. Yang Berhormat Paya Jaras, tahniahlah kerana bangkitkan isu berkaitan dengan samseng jamban ini. Tapi saya nak tanya soalan, SMUE ini. Ketua Bahagian UMNO Sg. Besar, dia mendakwa bahawa kita bagi SMUE ini hanya kepada ahli-ahli kita sahaja. Ahli-ahli kita sahaja. Maknanya kalau saya DAP, saya bagi kat DAP, orang-orang macam PKR, PAS, UMNO, semua tak dapat. Ini dakwaan Ketua UMNO Sg. Besar. Adakah perkara ini benar. Saya minta penjelasan Paya Jaras.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih. Yang Berhormat Sekinchan, masalah dengan kawan-kawan kita daripada pembangkang ini, dia berhujah menggunakan kertas-kertas yang diterima dalam peti surat. Yang diterima di tepi-tepi jalan. Dia tidak ada data yang sebenar. Dia tidak boleh menandingi kita dari segi prestasi. Dia tidak boleh menangi pegawai-pegawai kita dari segi program-program yang kita turun ke bawah. Kita buat kad peduli sihat, dia pun Peduli BN Sihat. BN yang sihat. Dah tak ada idea. Selama ni memang sakit. Dak, soalnya kenapa nak tiru. Yang dikatakan hebat dalam pembangunan. Kita kata 52%, dia tak setuju. Saudara tak usah banding dari segi amaun, jumlah yang ditentukan. Banding rasio pembangunan tu dalam bajet persekutuan. Di mana kedudukannya. Dan kita melihat bahawa...

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Mencilah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara mohon mencelah. Sila Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tak ada nak bergaduh dengan jiran ni. Saya nak tanya kepada Paya Jaras la. Apa dia garis panduan program yang dikatakan berjaya itu.. Di kawasan itu. Apa dia garis panduan, kejayaan program yang dilakukan oleh ADN-ADN Pakatan Rakyat ini. Saya nak tengok, apa dia garis panduan yang mengatakan katanya tadi, saya kod tadi ayatnya, kejayaan...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Kota Damansara nak *whatsapp* ke nak jawab sekarang. (Gelak).

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Jawab sekarang.

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Di antara tanda-tanda kejayaan Kerajaan Negeri adalah sokongan-sokongan daripada rakyat dalam pilihan raya yang ke 13. Itu pertama. Yang kedua, kita tidak tunggu, nak nazak baru nak bagi sumbangan pada rakyat. Kita tidak tunggu 40 tahun, 50 tahun, kita menang hari ini, hari ini air percuma. Kita menang tahun ini, tahun ini air percuma. Walaupun Ketua Bahagian Sg. Besar, membawa tong-tong baldi mengatakan Selangor ini ada krisis air.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Speaker, mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil minta, sila.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Apa jadi dengan kita menang hari ini, sebelum subuh kita akan tutup kilang-kilang arak. Sila jawab yang itu.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Soal pertama, lesen kilang tu pada siapa. Nanti dulu, satu-satu. Satu-satu dulu. Tanya dulu Menteri Kewangan saudara, Yang Berhormat, siapa punya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tak kan Kerajaan Negeri tak punya kuasa. Di tempat tanah di dalam negeri Selangor.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tak, jawab dulu soal, lesen, lesen,

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Lain kali jangan berjanji, janji Paya Jaras manifesto itu, manifesto hanya tinggal janji. Inilah manifesto capati. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Kalau saudara Yang Berhormat, daripada kawan-kawan pembangkang merasakan, benda itu salah, saudara sekarang masih menduduki Putrajaya, gunalah kuasa. Walaupun Ketua Bahagian Sungai Besar, bawa baldi, bawa, kononnya tidak ada air. Kita kena ingat, walaupun surat khabar, walaupun televisyen, walaupun media-media mengatakan seolah-olah kita ini dilanda krisis masalah pengurusan air, kita kena ingat, air masih tetap percuma dalam negeri kita ini. Sabah Sarawak yang dikatakan kaya raya, tidak percuma. Kad Peduli sihat, tidak ada, Skim Pada Rakyat, tidak ada. Skim-skim yang membantu rakyat, tidak ada. Dengan sebab itu hari ini, antara cara-cara mereka untuk melemahkan imej Kerajaan Negeri adalah melalui tindakan-tindakan beberapa orang berkumpul di hadapan SUK, itu sahaja kebolehan dia. Tapi saudara jawab soalan saya tadi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat bukan saudara.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Yang Berhormat. Dia kadang-kadang,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Paya Jaras,

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Paya Jaras nak jadi macam Pelabuhan Kelang, ya..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil sekejap. Paya Jaras, lampu dah merah tu.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Baik, saya masuk pada isu *local* tempat saya. Yang Berhormat boleh jawab kemudian. Dalam bukan kata *survey*, sekadar *survey* ringkas, sempena Sinar Dewan ini, saya lontar tentang Sinar Dewan yang ada, yang akan diadakan ini, dalam kumpulan 47,000 *facebook* kami di Paya Jaras. Saya nak tarik perhatian kepada beberapa agensi kerajaan. Tentang susah hati rakyat kita terhadap beberapa perkara yang mana saya minta agensi berkaitan mengambil tindakan segera. Dalam ramai-ramai itu, 43% daripada responden ataupun orang yang jawab dalam *facebook* kita itu, yang menarik perhatian bahawa masalah penyelenggaraan FT 54, bermula dari Kepong sehingga ke Merbau Sempak sehingga ke Penjara. Saya minta, agensi berkenaan mengambil kira, pandangan umum bahawa antara ramai, 43% susah hati tentang penyelenggaraan jalan utama itu, 16% di kalangan yang menjawab menimbulkan rasa resah terhadap kebanjiran terhadap warga asing, 9% menuntut menyelesaikan masalah perumahan geran tanah, 9% menuntut menyelesaikan masalah rumah urut dan judi dan 6% menimbulkan keresahan mengapa PBT saman dalam kawasan yang tidak disediakan *parking* kereta. Dengan sebab itu, hari ini, saya nak bermula pentadbiran kewangan ADN, bajet ADN. Kita tahu Audit menegur kita, dalam bajet kita, dalam bajet peruntukan ADN, 30% mestilah digunakan untuk projek-projek kecil. Tetapi saya ingin bertanya, dan saya ingin menyatakan rasa tidak bersetuju saya, bagaimana saya boleh bersetuju untuk menggunakan 30% daripada bajet ADN, ke arah projek-projek kecil, jika perbandingan memberi sumbangan itu lebih murah daripada menjalankan projek-projek kecil. Sebagai contoh, kita berpengalaman memberi sumbangan kepada surau-surau untuk membeli P.A. Sistem dengan harga RM3,500.00. Bila kita guna kaedah projek-projek kecil, memberi sumbangan benda yang sama, harga menjadi RM13,500.00. Terlalu banyak. Sebab itu katakan kepada pegawai saya, saya tidak bersetuju projek-projek kecil. Saya minta benda ini dikaji balik. Dan kita nak tahu, mengapa perbezaan harga yang terlalu banyak dalam perkara ini. Kebebasan mestilah kepada ADUN untuk menjimatkan kos. Dan kita lihat bahawa,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, *point*, *point* terakhir, Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tak bolehlah *point* terakhir, baru nak *start*. (gelak). Tadi yang pertama itu, gurau senda je baru. Mukadimah baru. Dan saya ingin tarik perhatian kepada EXCO terhadap pengurusan JKKK kita. Masalah balai yang uzur, perabot yang uzur, beranai-anai. Saya sebut secara spesifik minta, lihat pada balairaya Kg. Merbau Sempak, balai raya Paya Jaras Dalam, balai raya Kampung



Sungai Pelong. Dalam masalah FT, kita minta tolong lihat balik, lubang-lubang yang ada. Keadaan jalan FT 54, kerana rata-rata orang di Paya Jaras ini. Jalan itu sudah menjadi jalan utama. Dan kita lihat, kalau boleh selesaikan masalah-masalah jalan. Lori-lori yang terlalu banyak. Sehingga merosakkan jalan. Di jalan Matang Pagar, di jalan-jalan kampung yang digunakan. Dan hal yang lain. Saya minta, kalau boleh JKR, mempertimbangkan permohonan, mewujudkan satu *U-turn*, melalui susur keluar daripada Bandar Baru, susur keluar ke Hospital Sungai Buloh. Supaya dapat diadakan jalan *U-turn* balik. Ini saya sebut secara rasmi dalam Dewan ini, supaya diambil kira. Dan beberapa perkara jalan batu bata minta selesaikan. Jalan atmosfera, minta selesaikan beberapa perkara. Dan hal lain-lain perumahan. Sikit saya nak sebut tentang perumahan tanah. Tuanku Sultan bertitah, melihat pada masalah perumahan dan tanah rakyat. Saya ingin bertanya dalam hal geran hak milik tanah, saya ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sejak tahun 2008 sehingga hari ini, saya berdiri bercakap, Pejabat Daerah Petaling tidak mengeluarkan satu pun borang 5A, kepada penduduk Paya Jaras. Saya nak tahu mengapa dan saya nak dengar sendiri daripada KADO yang bertugas, apa sebenarnya masalah. Sedangkan maklumat yang kita terima, ada beberapa fail yang telah selesai untuk diproses tetapi tidak sampai kepada ke tangan Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. 2008 sehingga hari ini, saya bercakap, satu borang 5A pun saya tidak terima bagi penduduk di bawah Paya Jaras, bagi Daerah Pejabat Tanah Petaling. Jangan ingat kita tak sebut benda ini, kita tak ambil perhatian. Kita memantau dan saya nak dengar jawapan mengapa masalahnya. Kalau jawapan Yang Berhormat ataupun Pejabat Tanah mengatakan bertindih, saya ada bukti benda ini tidak bertindih dan benda ini boleh diselesaikan. Masalah penempatan-penempatan rizab. Selesaikan dengan cara baik. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana mengambil kira pandangan ADN dalam hal perobohan struktur, dalam hal memindah bagi mereka-mereka yang duduk di tanah rizab. Kita selesaikan yang terbaik adalah melalui cara memberi rumah Selangorku kepada mereka-mereka ini. Sementara dalam hal Pejabat Tanah Gombak. Hanya sikit je. Dato' D.O. jangan susah hati kat luar tu, saya minta selesaikan masalah geran tanah bagi penduduk di Kg. Masjid. Satu-satunya kampung, Yang Berhormat Meru, kampung dalam Paya Jaras yang paling kecil, saya ingat dalam dunia, ada 40 rumah, 40 keluarga sahaja. Itu satu kampung. Tak kan tak boleh selesai. Benda yang kecil. Selesaikan yang itu. Dan hal lain, isu agama. Isu sekolah agama. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO Agama.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, panjang lagi ke tu.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Sikit lagi, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Mengapa sekarang ini sekolah agama perlu didaftarkan balik. Setelah bertahun-tahun beroperasi. Kalau sekolah baru daftar, tak apa. Dengan syarat-syarat yang ketat. Tapi kalau sekolah dah 20 tahun, 25 tahun beroperasi, saya minta

Yang Berhormat EXCO Agama, tolong timbang-timbangkan permudahkan pemutihan pendaftaran ini. Kerana dia akan menyusahkan pentadbiran sekolah. Ada sekolah yang mengadu kepada kita, tidak ada kerani, tidak pengawal keselamatan, tidak ada kemudahan. Sekolah agama ini masih di tahap yang boleh diperbaiki. Yang lain, Yang Berhormat Timbalan Speaker, banyak lagi perkara, COB, kemiskinan, PLB, Peduli Siswa, dan saya akan jawab dalam sesi-sesi yang akan datang. Terima kasih banyak Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih, Paya Jaras. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Menteri Besar. Terima kasih kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam ucap Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku pada kali ini. Di mana saya akan meneruskan sedikit tentang apa yang telah dibicarakan oleh Paya Jaras. Iaitu di mana keprihatinan Tuanku yang mengingatkan kepada kita politik bukan semata-mata untuk memburu kuasa, pentadbiran kerajaan yang stabil dan meletakkan agenda Peduli Rakyat, sepatutnya mengatasi polemik dan politik yang sempit. Jangan cemari politik dengan kebencian, kemarahan, fitnah dan perkauman. Dan yang terpenting sekali bagi saya apa yang telah diucapkan oleh Baginda adalah politik dalam pengertian sebenarnya. Adalah usaha untuk mencapai urus tadbir yang cemerlang bagi membangunkan negeri. Itu adalah inti pati pada apa yang boleh dianggap sebagai kesudahannya penglibatan kita dalam politik, memperkasakan negeri Selangor dengan pembangunan dan seumpamanya adalah untuk memastikan tercapainya satu urus tadbir yang cemerlang. Di mana akan membangunkanlah sebuah negeri yang gemilang. Apabila kita bercakap tentang urus tadbir yang cemerlang, prinsipnya jelas. Bermula daripada kejujuran, keikhlasan. Berpegang pada prinsip yang benar. Menegakkan keadilan dan kesamarataan. Dan lahir daripada proses tersebut adalah pemimpin-pemimpin yang menyantuni rakyat. Yang telah saya gunakan dalam sidang Dewan yang lebih, *Servant Leader, Servant Leadership, The purpose is to the Serve*, seorang pemimpin itu menyantuni memberi khidmat dan barulah menagih kesetiaan dan ketaatan. Jadi di sini saya ingin mengingatkan bahawa, dalam konteks negeri Selangor, kita bercakap tentang pembangunan dan apabila urus tadbir itu tujuannya memberikan kecemerlangan dalam pembangunan negeri. Pembangunan itu hendaklah kita lihat dalam konteks yang luas. Urus tadbir yang cemerlang, membangunkan negeri, terasnya adalah sifat amanah, akauntabiliti, bertanggungjawab, telus dan tulus. Di mana apabila kita bercakap tentang pembangunan, kita biasa bercakap tentang infra, keadaan yang selesa, sampah yang dipungut, kebersihan, keselamatan, bebas daripada jenayah ragut, pecah rumah dan seumpamanya. Dan sehingga kini suasana ini tidak dapat kita jamin kepada rakyat kira. Dan apabila kita bercakap tentang pembangunan bukan hanya bersifat fizikal tetapi bersifat mental, spiritual, dan keseluruhannya. Dan bagi saya, kemuncak kepada urus tadbir yang cemerlang ini,

yang melahirkan satu pembangunan negeri yang gemilang adalah pembangunan dari sudut demokrasi. Saban hari kita berada di sidang Dewan ini, berlakulah tikam mulut, tikam lidah. Dan semalam rakan saya, dari Kampung Tunku begitu marah. Dan apabila rakan-rakan Yang Berhormat bertanya kepada saya, saya kata dia berlakon saja. Tapi ada juga yang risau dan runsing dia tumbang. Dia begitu marah. Dan saya ingin menyeru rakan-rakan saya daripada kedua-dua pihak, zahirkanlah kematangan kita dan pastikanlah, demokrasi ini bererti kita mendengar. Demokrasi bererti kita mendengar. Dan kadang-kadang kita menggunakan, mencelah, meminta penjelasan sebagai satu teknik dan strategi mengganggu bagi menghalang. Saya sebagai rakan kepada ADN Kerajaan dan ADN dari Pembangkang, merasakan kita perlu matang. Dah lah kita memerintah di Selangor ini, Pakatan Rakyat, Pakatan Harapan, lebih daripada 8, 9 tahun, jangan buang masa bagi saya, kita berpolemik. Sedangkan kemungkinan kebenaran itu ada di kalangan rakan-rakan kita daripada Pembangkang. Tapi oleh kerana diganggu dan sebagainya, maka berlakulah perkara-perkara yang berlaku. Dan semalam saya juga, saya rasa saya tidak diadili. Saya menuntut di sini. Dan saya ingin menzahirkan mengingatkan yang Islam di sini, bahawa Allah berfirman ... **(bahasa arab)** “ *Janganlah kamu saling cerca mencerca antara satu sama lain, Timbul perkataan tidak baik. Kemudian janganlah kamu menggelarkan dengan gelaran-gelaran yang tidak diredai oleh rakan-rakan kamu*” di mana kita memberikan “laghko”. PAN, disebut dalam Dewan, saya tidak rela. Parti saya yang sepatutnya dipanggil sebuah Parti Amanah Negara, dipanggil PAN. Saya berdiam diri. Tapi saya rasa ini tidak adil. Saya memintalah rakan saya, Dengkil dan Permatang untuk menarik balik. Kalau tak tarik balik, tak apalah, saya bacakan ayat, ... **(bahasa arab)** Surah Al-Hujarat, Ayat 11. Jadi ini yang menjadikan kita, tak produktif. Dan kakitangan awam, pegawai-pegawai besar ada kat luar. Kalau dia kata berbaloi tak dia tinggalkan MPAJ, tinggal MBSA, tinggalkan Pegawai Daerah, Pejabat Tanah dia, nak dengar kita bergaduh-bergaduh begitu, dan produktiviti dia tidak meningkat. Jadi saya menyeru bagi kemajuan demokrasi Dewan Negeri, dengarlah. Kalau sikit-sikit ganggu untuk menyeronokkan keadaan, tidak apa. Tapi saya rasa kita dah sampai tahap tak produktif. Macam mana Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Timbalan Speaker, saya, Paya, Hulu Kelang, Paya Jaras pula lagi. Boleh saya mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang jolok Dengkil tu. Nak bagi laluan, tak bagi laluan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya nampak macam nak tanya tu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Boleh.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Dengkil. Hulu Kelang duduk dulu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya rasa tak ada masalah. Kita nak panggil sebab PAN ini, bukannya nama yang buruk, Parti Amanah Negara. Saya kata semalam ni, budak kecil yang tahu. Kalau *short*, Parti Amanah Nasional, dekat di Indonesia pun ada Parti Islam Tersohor, nama PAN, apa masalahnya. Bukan kita menghina.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tapi dia bermula dengan satu keadaan yang memang untuk menghina. PAN, Parti Kualiti. Itu dia katakan. Jadi saya tak. Tak apa lah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tak niat kami untuk menghina.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tapi saya tahu, saya tidak redha.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak apa, Hulu Kelang teruskan. Masa, dah kuning dah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Dan kemudian, dalam konteks demokrasi, saya menyeru agar ADN, Ahli-ahli Yang Berhormat ADN, menyedari bahawa peranan kita adalah lebih dari *legislative*, lebih kuat *legislative*, mengimbangi eksekutif, makin kuat kerajaan yang kita miliki. Makin mantap EXCO kita, dengan soalan yang susah kadang-kadang kita tanya, dengan soalan celahan yang kita tanya, dengan penyataan-penyataan yang kita kemukakan, semua ini akan memantapkan pemimpin dan saya percaya bahawa, dengan izin, *to have a strong executive, you need to have a strong legislative*. Dan inilah yang kita majukan. Dan dalam masa yang sama, dalam masa kita nak bangunkan, jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas, jawatankuasa-jawatankuasa Dewan, nak memantapkan peranan semak selia, semakimbang dalam Dewan Undangan Negeri, Dewan Negeri Selangor, kita mahu tak mahu diberikan, tambahan demi tambahan tugas-tugas eksekutif. Dan saya tak ada masalah. Saya suka berkhidmat dan apabila saya memanggil orang, menyuruh manusia, penduduk dan rakyat untuk mendaftar kepada Skim Peduli Sihat dan sebagainya, *I feel on the ground*. Dengan izin. Kita merasa kita *on the ground*. Dan dalam keadaan, sejak saya menjadi Ahli Dewan Negeri, 2008, saya bangga, saya mensubsidi kerajaan negeri Selangor. Maknanya saya adakan pegawai tambahan dengan kos daripada elaun saya sendiri. Jadi maknanya kita, mahu keadaan ini disedari oleh kerajaan. Maknanya, adakah cukup dengan pegawai yang ada pada hari ini. Bertambah, nak *handle food stamp*, 100 orang kerenah macam-macam. Tapi kita tangani, dengan berat dialah dengan apa semua, jadi saya harap pihak kerajaan menyedari bahawa memang kita, tugas kita pada dasarnya adalah *legistrative*. Dan kita membantu untuk mengukuhkan kerajaan dengan memberi teguran, nasihat, pandangan, cadangan dan sebagainya dalam Dewan negeri. Tapi dalam masa yang sama juga, hari demi hari, bulan demi bulan, tahun demi tahun, program makin banyak. Dan kita memainkan peranan eksekutif yang makin bertambah. Jadi saya harap perkara ini dapat di tangani, disedari dan memberi

*support* yang secukupnya untuk kami, Ahli Dewan Negeri Selangor, meningkatkan kefahaman tentang demokrasi. Kita nak adakan kursus, nak adakan lawatan yang boleh memberikan kesegaran dalam pencarian kita tentang demokrasi. Dalam masa yang sama apabila kita dibebankan dengan kerja berbentuk eksekutif, kadang-kadang denggi, staf saya kena mesyuarat ini, setiap minggu, mesyuarat di pejabat daerah dan sebagainya. Ini akan mengurangkan efektif, keberkesanan kita dalam melaksanakan tugas-tugas yang sepatutnya menjadi tumpuan kita. Dan kalau kita bertanya pada hari ini, berapa banyak buku tentang demokrasi, berapa banyak *video and picture*, dengan izin, yang kita dengar tentang demokrasi, bagaimana meningkat kita tentang demokrasi. Bagaimana kita boleh tulis puisi tentang demokrasi. Jadi ini satu perkara yang sepatutnya menyegarkan kita, di mana di samping yang menjadi ADN, diperingkat Dewan negeri dan ADUN di peringkat kawasan, saya aktif dalam bidang penulisan puisi dan pelancaran-pelancaran buku, yang saya rasa sayang, kekuatan-kekuatan yang dimiliki oleh Ahli Dewan negeri Selangor tidak dapat kita gunakan dalam memperhebatkan peranan mereka. Sekian terima kasih dan saya menyokong Usul ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya persilakan Bukit Melawati dulu, kemudian Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Terima kasih, Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Bukit Melawati turut mengambil bahagian dalam Usul Menyembah Ucapan Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semasa membuka dengan rasminya, Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas. Tuan Speaker, tak ada banyak perkara, tidak ada perkara menarik yang nak saya sentuh hari ini, cuma ada enam perkara. Saya risau jugalah sempat atau tak sempat dalam Dewan yang mulia ini. Masa yang diberi 10 minit. Walau bagaimanapun saya ringkaskanlah. Saya *strait to the point*. Memudahkan saya dapat lontarkan semua suara rakyat saya bawa mewakili Bukit Melawati.

Pertama, tahniahlah dalam titah tuanku, Sungai Selangor, Sungai kelang telah dapat dibersihkan sampah sarap. Saya bawa Sungai Selangor. Saya pernah bawa soalan ini dalam Dewan, bertanya, tapi jawapan tu tak kena pada soalan saya itu.. Hari ini saya bangkitkan semula Sungai Selangor, banyak sampahnya. Jadi saya mintalah, saya minta agensi yang bertanggungjawab, turun, tinjau, khasnya duduklah di jeti Kelip-kelip Kampung Kuantan. Bila sebut kelip-kelip, faham sajalah, pelancong dalam dan luar negara datang, menengok kelip-kelip. Tapi untung kita kerana mereka datang waktu malam. Kalau mereka datang waktu siang, dia nampak sampah sarap bila air pasang besar, naik dan turunnya, malu kita. Jadi mintalah pihak bertanggungjawab, duduklah di jeti itu, macam saya duduk dan rakyat di sana duduk memerhatikan sampah naik turun, naik turun. Tolong buat kerja sikit. Lepas itu ambillah perhatian dan tindakan. Itulah harapan saya dan harapan rakyat di kawasan Kampung Kuantan di sana.

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

Yang kedua, dapat pendek, dapat kedua, saya dimaklumkan, ini mungkin ada kaitan dengan Lembaga Urus Air Selangor jugalah. Baru-baru ini saya dimaklumkan oleh Lembaga Ikan Malaysia, LKIM. Mereka memaklumkan bahawa ada beberapa kawasan jeti, untuk dibina baru dan juga dibaikpulih. Tapi sayang, peruntukan yang ada itu tak dapat dilaksanakan kerana maklumlah urusan tanah yang tak dapat kelulusan menyebabkan itu dihantar balik dan dipindahkan ke negeri lain. Dalam hubungan ini saya mintalah, hubungan baik antara kerajaan persekutuan dan juga Kerajaan Negeri, supaya dapatlah dalam perkara-perkara menguntungkan rakyat, khususnya nelayan ini dapatlah diberikan pertimbangan dengan sebaik-baiknya. Itu satu, dua.

Ketiga, LUAS juga. Nelayan bertanya dengan saya. Saya tak boleh jawab. Pihak EXCO sebelum ini telah memberikan jawapan bahawa fee yang nak dikenakan kepada jeti-jeti nelayan sebanyak RM600, itu belum ada keputusan. Jadi saya berharaplah supaya suara mereka itu dapat diberikan satu jawapan yang muktamad oleh Kerajaan Negeri, sama ada caj itu dikenakan ataupun tidak, bagi meredakan isu yang tergantung pada mereka, yang tiada jawapan sehingga hari ini. Ketiga.

Keempat, Bukit Melawati, satu lagi pusat pelancongan kita di sana. Bersesuaian dengan nama Dewan Undangan Negeri tetapi ejaannya saja berbeza. Bukit Malawati, Dewan Undangan Negeri Melawati berbeza, e dengan a. Produk pelancongan banyak di sana dah beberapa kali saya sudah bertanya di dalam dewan yang mulia ini yang adapun tidak sempurna lagi. Jadi agensi-agensi yang berkenaan itu tengok-tengokkanlah. Ada juga beberapa bangunan lama yang diduduki oleh bekas-bekas pegawai kerajaan kita, boleh diguna pakai, ditambahkan beberapa produk baru untuk pelancongan bagi pelancong tempatan atau pun luar negara datang ke sana meramairamaikan untuk melihat kawasan bersejarah di Bukit Melawati yang ada itu. Satu perkara dalam hubungan ini saya nampak di Kuala Selangor ini di pekan lama ini memang pekan tempat bersejarah. Siangnya manusia ramai bergerak, hujung minggu Allah Akbar punya ramai yang datang dari luar dan dalaman tapi malam pekan mati. Pekan lama Kuala Selangor, pekan mati waktu malam ya Yang Berhormat Sekinchan, Y.B Sekinchan tiada waktu itu, turun naik jambatan sahaja tak lalu tak masuk, naik jambatan tidak nampak pekan mati. Jadi saya teringatkan perkara bagi membolehkan pelancong berada di Kuala Selangor untuk menginap seterusnya mempunyai satu suasana waktu malam boleh naik Bukit Melawati boleh duduk di atas boleh pandang bawah punya cantik, lampu-lampu malam itu tapi kalau tambah baiklah kalau boleh apa yang pernah dicadangkan suatu ketika dahulu di akhir tahun 1990an. Ketika itu juga saya sebagai Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor, '*water front*' dengan izin, supaya dapat dibawa balik projek ini di Sungai Selangor itu maka ada satu kawasan yang membolehkan pada waktu malam adalah tempat untuk rakyat tempatan, pelancong yang ada di situ dapat bersantai. Melihat suasana malam di sana dan di samping dapat memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil untuk berniaga di dalam kawasan yang

berkenaan. Saya rasa nampak perlu kalau tidak malam saya sendiri pun macam mati akal, mati kutu kata orang dulu-dulu duduk di pekan lama Kuala Selangor ini supaya dapat dipertimbangkan semulalah perkara ini. Dah pendek tinggal satu sahaja nampak cukup masa saya ini terima kasihlah Speaker ada satu yang terakhirlah. Saya pernah sentuh perkara ini dan perkara ini pun kadang-kadang bila dia lapur saya pergi saya terjah juga tapi baguslah saya pernah pergi dan panggil pegawai kerajaan sama ikut dengan saya bagi Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Persekutuan menyelesaikan masalah. Ini sampah sarap ini keadaan sampah haram ini masih ada walaupun Kerajaan Negeri telah bagi banyak peruntukan sediakan tapi masih perlu dibaiki boleh dibaiki lagi. Banyak-banyak tempat-tempat pembuangan sampah haram ini perlu diambil tahu, diperhatikan dan juga diambil tindakan kepada orang yang tidak bertanggungjawab membuang-buang sampah di pinggir-pinggir bandar, di hujung-hujung kampung. Dan macam saya ini saya kaki merayau jadi saya nampak benda ini jadi mintalah supaya pihak yang bertanggungjawab sambil terus memberikan perhatian dan tindakan kepada perkara-perkara itu. Dan ini bukan saya tidak menyampaikan sebab saya nampak perjalanan saya serupa kata Y.B Sekinchan semalam dia bukan sahaja mengikut laluan lima, saya pun mengikut juga jalan teruk saya tahu Y.B Sekinchan. Saya pun pernah menyuarakan Y.B Sekinchan kita punya 'exsepenzer, exzober' selalu rosak. Kita tahu perkara itu tapi apakan dayakan kita boleh bersuara sahaja Y.B Sekinchan. Jadi inilah Tuan Speaker kepada Kerajaan Negeri, kepada agensi-agensi berkenaan berikan perhatian kepada perkara ini, kalau tuan-tuan susah saya pun susah walaupun saya Pembangkang. Saya pun kena dimaklumkan, saya juga kena bertanggungjawab sama-sama memainkan peranan, tanggungjawab untuk membina, memberi kesejahteraan kepada rakyat yang ada di dalam Negeri Selangor ini. Jadi itulah enam perkara yang dapat saya nyatakan Tuan Speaker ke atas peluang yang diberi kepada perkara ini membolehkan suara rakyat dari kawasan saya supaya saya dapat bawa ke dalam dewan ini untuk diberikan perhatian dan tindakan seterusnya sama-samalah kita lihat hasil daripada apa yang saya cetuskan hari ini. Saya perhatikan lagi di bulan-bulan dan tahun-tahun yang mendatang iaitu itu sahaja jadi saya perhati juga menyokong ke atas usul yang di bawah oleh Y.B. Sekinchan terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih, Bukit Melawati, sila Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Bukit Melawati kerana ringkas dan memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam usul ini. Saya juga ingin *straight to the point* dengan izin Tuan Speaker saya ringkas pada petang ini yang pertama sekali saya sangat tertarik dalam ucapan Titah Tuanku berkenaan pendemokrasian pemilikan rumah '*house democracy*' dengan izin saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya melancarkan lebih daripada 20,000 rumah mampu milik, rumah Selangorku di Negeri Selangor. Memang

patut setiap orang, setiap keluarga di Negeri Selangor patut diberi peluang untuk memiliki sebuah rumah yang dapat ditampung dengan kedudukan kewangannya. Tetapi saya ingin tanya kepada Kerajaan Negeri pada hari ini apakah '*demand projection*' dengan izin untuk keperluan pembinaan rumah mampu milik untuk penduduk di Negeri Selangor. Berapakah ribu penduduk ataupun berapakah ribu keluarga di Negeri Selangor yang masih belum memiliki rumah yang kita hendak membina rumah dan apakah '*demand projection*' untuk setiap tahun pada tahun 2017, 2018, 2019, 2020 dan berapa rumah setiap tahun ini kita kena melancarkan dan kita perlu siap supaya kita dapat memenuhi keperluan pasaran, memenuhi keperluan penduduk rakyat di Negeri Selangor. Saya harap dalam penggulungan EXCO yang berkenaan boleh memberikan huraian dengan data perinci. Perkara yang kedua berkaitan juga dengan perumahan ialah berkenaan dengan '*transit oriented development*' dengan izin, saya memerhatikan garis panduan yang baru diluluskan oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini. Di mana untuk pembangunan di sekitar kawasan stesen MRT, LRT dan KTM dia diberi satu plot *ride show* atau '*density*' pembangunan lebih tinggi berbanding dengan kawasan-kawasan di luar. Itu secara konsep saya bersetuju dan saya lihat di seluruh Malaysia pun kita membuat praktik yang sama. Tetapi saya ingin tanya sedikit dua perkara berkenaan '*transit oriented development*' ialah perkara yang pertama '*density*' untuk perumahan diberi pada kadar seratus unit bagi setiap ekar. Jadi kalau ada dua ekar boleh dibina 200 unit sahaja. Rumah Selangorku diberi sedikit tambahan 120 unit ekar penambahan ini saya setuju kerana pembinaan rumah Selangorku ini adalah satu nilai murni oleh pemaju. Tetapi saya ingin tanya kenapa pemaju-pemaju yang membina pangsapuri '*serve (service apartment)*' dengan izin ataupun soho. Mereka diberi satu '*density*' jauh lebih tinggi di mana mereka dibenarkan membina menggunakan plot racial 8 dan jika kita menukar kiraan *plot racial* 8 kepada bilangan rumah pereka kita akan mendapat 300 hingga 400 unit seekar. Jadi saya rasa Kerajaan Negeri harus menilai semula dasar ini supaya polisi kita tidak menggalakkan pembinaan pangsapuri servis berbanding pangsapuri biasa. Ini adalah kerana pangsapuri *service* datang dengan tanah komersial yang akan membebankan pengguna dengan cukai tanah yang lebih mahal dengan utiliti bil yang lebih mahal. Tetapi saya juga ingin tanya kenapa ada satu perbezaan yang cukup besar di antara '*density*' kepada tanah perumahan yang bersebelahan dengan stesen LRT dengan tanah komersial yang juga bersebelahan dengan stesen LRT. Jadi saya mohon penjelasan. Yang kedua komersial plot racial 8 yang diberi berhampiran setiap stesen MRT ataupun LRT saya pun mencadangkan Kerajaan Negeri menilai semula kerana saya menyokong jika diberi di kawasan pusat bandar CBD dengan izin komersial *center*. Pusat bandar dengan pejabat-pejabat ini memerlukan *plot racial* yang tinggi tetapi kita melihat praktis di negara-negara maju. Kita lihat di negara maju di kawasan luar daripada pusat bandar walaupun dekat dengan pusat stesen LRT ataupun MRT *plot racial* 8 adalah dikira terlalu tinggi. Kalau kita tengok di Singapura walaupun bersebelahan dengan stesen MRT mereka hanya



memberi *plot racial* tidak melebihi 5. Jadi saya membangkitkan ini supaya kita menilai kesejahteraan penduduk, suasana trafik kesesakan yang ada di sana. Yang ketiga ialah juga berkaitan dengan perumahan ialah cukai tanah mengikut petak. Buat masa ini kita masih mengutip cukai tanah mengikut 'master' lot tetapi ini menimbulkan keadaan di mana ada pangsapuri membayar cukai tanah yang sangat mahal berbanding pangsapuri yang membayar cukai tanah yang kurang kerana kita mengira mengikut saiz tanah dan bukan mengikut petak. Jawapan yang terdahulu saya faham Kerajaan Negeri memang bersetuju untuk mengalihkan sistem mengikut kiraan mengikut petak dan apa perkembangannya dan bila kita boleh mula melaksanakan. Dan juga ada tak kita sudah ada angka-angka macam mana kita nak kira cukai mengikut petak dan mungkin boleh dihuraikan di dewan ini. Saya juga ingin menyentuh ke atas kawasan hijau adalah penting untuk kesejahteraan penduduk. Kita perlukan kawasan yang rekreasi dan bukan sahaja dalam 'shopping mall' dengan izin. Kita juga hendak kawasan rekreasi di dalam kawasan hijau dan kita melihat setiap hari penduduk di Lembah Klang ini semakin meningkat, semakin banyak. Memang cukup banyak tanah yang akan dibangunkan sebagai perumahan dan bukan sahaja pertumbuhan asli di Lembah Klang ini tetapi di banyak pendatang asing dengan izin pada negeri-negeri lain yang akan datang di kawasan Lembah Klang. Saya membangkitkan isu ini hari ini mengambil inspirasi daripada pentadbiran Sydney di Australia di mana Sydney baru-baru ini mengumumkan mereka akan membelanjakan 400 juta dolar Australia untuk membeli tanah untuk menambahkan kuantiti kawasan rekreasi, kawasan hijau untuk kesejahteraan penduduk-penduduk di bandar Sydney. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor mungkin 400 juta ini terlalu banyak tetapi kita mempertimbangkan satu pelaksanaan sebegini di mana hasil daripada premium-premium yang kita kutip banyak tanah pertanian sekarang bertukar menjadi kawasan perbandaran. Kita mengambil sebahagian daripada wang premium yang dikutip hasil ini untuk dilaburkan balik. Bukan dilabur dari segi kewangan tetapi dilaburkan dari segi kesejahteraan penduduk. Izinkan saya pergi kepada isu kelima saya, saya kira isu yang terbesar saya pada hari ini ialah dalam proses pendemokrasian. Kita sedia maklum proses demokrasi adalah proses yang memerlukan kewangan. Sesiapa yang cuba mengabaikan faktor ini dia menipu diri sendiri. Kempen politik, perjalanan kerja-kerja politik memang memerlukan kewangan dan kita harus melihat bagaimana kita hendak parti-parti politik di Negeri Selangor mentadbir diri sendiri supaya aktiviti demokrasi di Negeri Selangor adalah sihat dan bukan jenis yang tidak sihat. Objektif kita adalah supaya pihak-pihak yang ada kepentingan di luar tidak mempunyai peluang yang terlalu besar dan kita hendak memastikan bahawa setiap keputusan mana-mana parti politik adalah berdasarkan apa yang terbaik untuk penduduk dan rakyat di Negeri Selangor. Jadi saya ingin mencadangkan saya ringkas pada hari ini kerana masa tidak mengizinkan dan saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor menjadi satu peneraju di antara semua Kerajaan Negeri di Malaysia untuk memberi satu geran

kepada parti-parti politik di Negeri Selangor. Perkara ini bukanlah perkara baru di arena antarabangsa. Perkara ini dibuat di negara-negara maju seperti Germany, Sudan, Kanada, Australia, Perancis, Jepun dan Mexico. Di negeri-negeri ini terdapat banyak formula yang boleh dipakai kalau kita melihat contoh-contoh di luar negara. Negara Australia dia memberi satu peruntukan tahunan sebanyak 2 dolar 62 sen bagi setiap undi yang didapati oleh sesebuah parti dalam pilihan raya yang lepas. Dana ini diberikan kepada setiap parti tak kisah kerajaan ataupun pembangkang supaya mereka boleh melaksanakan tugas-tugasnya dan parti-parti ini mempunyai sumber dana yang halal. Dan tidak kompromi dia punya integriti. Kanada hampir sama Kanada memberi 2 dolar 4 sen bagi setiap undi yang diraikan dalam pilihan raya yang lepas. Negara Germany dia mempunyai formula yang berlainan dia membuat '*matching*' geran dengan izin dia memberi 38% daripada apa yang parti kutip daripada awam ditambah 38%. Saya pada hari ini mencadangkan untuk bajet tahun ini bahawa dalam 6 bulan yang akan datang Kerajaan Negeri Selangor menimbang cadangan ini dan mungkin Kerajaan Negeri Selangor boleh menjadi peneraju di Malaysia di mana kita akan '*promote hill*' politik dengan izin untuk memberi satu geran kepada setiap parti politik di sini dengan tujuan supaya aktiviti-aktiviti politik berlandaskan ketulusan. Dan bukan dengan tuduhan-tuduhan di mana dana-dana politik ini datang daripada. Saya ada sedikit masalah tempatan juga yang saya ingin bangkitkan pada hari ini. Yang pertama isu rumah terbiar di kawasan Petaling Jaya, saya difahamkan MPPJ telah menulis kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling untuk beri satu senarai rumah terbiar, rumah usang yang menjadi kacau ganggu persekitaran saya mohon tindakan daripada Kerajaan Negeri supaya mengambil tindakan ke atas rumah-rumah terbiar ini. Ada peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara untuk Kerajaan Negeri merampas tanah ini supaya tanah ini boleh dibangunkan atau pun dijual supaya dia produktif dan tidak menjadi kacau ganggu kepada jiran-jirannya. Saya juga ingin bangkitkan isu Skim Peduli Sihat memang bagus kita ada skim ini memang membantu ramai keluarga yang miskin tetapi saya inginkan mencadangkan selain daripada 800 lebih panel klinik kita juga menambah PPUM sebagai panel klinik untuk Skim ini memang banyak penduduk di Petaling Jaya boleh bermanfaat jika PPUM menjadi sebahagian daripada panel ini. Perkara yang ketiga ialah dengan pembaziran air, baru-baru ini berlaku kes dua hari yang lepas di Seksyen 11, Petaling Jaya di mana ada satu rumah di mana paip dia bocor tetapi selepas meter di dalam tanggungjawab pemilik rumah tersebut air melimpah keluar jiran sangat marah dan pihak Air Selangor mengatakan ia adalah di luar bidang kuasa mereka kerana ini berlaku di dalam rumah persendirian. Saya ingin mencadangkan kita perlu menambah baik peruntukan undang-undang kita saya harap Kerajaan Negeri Selangor boleh menggubal satu enakmen supaya penduduk-penduduk rakyat di Negeri Selangor tidak membazir air, dan jika ada pembaziran air pihak kerajaan boleh memasuki premis tersebut untuk menangani situasi tersebut kerana air adalah sangat berharga. Akhir sekali isu terakhir adalah dengan sistem *parking* di

Petaling di mana Syarikat Konsesi *Goldell* dia adalah *slow operator* dengan izin kita untuk agak masa yang lama ini kita menghadapi masalah di mana banyak mesin *parking* di sana rosak. Perkara ini telah dibangkitkan kepada pihak MBPJ berkali-kali tetapi kita lihat bahawa operator ini masih lagi tidak diberhentikan atau pun penambah baik belum lagi dilaksanakan jadi saya mohon perhatian daripada Kerajaan Negeri untuk membuat sesuatu demi kesejahteraan bukan sahaja penduduk PJ tetapi penduduk-penduduk luar yang melawat Petaling Jaya, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Teratai, 10 minit seorang

**YB PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Teratai menyertai sesi perbahasan pada hari ini, Teratai mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana mengeluarkan rakyat Selangor daripada tahap kemiskinan tegar yang menjadi lebih efisien dan menjadikan Selangor merupakan negeri yang menjana pendapatan isi rumah yang tertinggi selepas Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Demi menyokong usaha baik kerajaan Selangor Teratai telah melantik seorang Pegawai MES supaya memfokuskan kerja-kerja pentadbiran pelbagai skim-skim merakyatkan ekonomi Selangor yang ditawarkan kepada rakyat Selangor akan tetapi terdapat perbezaan prosedur-prosedur yang dikenakan terhadap pemohon-pemohon yang mana barangkali menyusahkan pemohon yang merupakan penduduk kita. Sebagai contohnya borang pengesahan bermastautin untuk permohonan Skim Insentif Perkahwinan Belia berbeza dengan borang permohonan SMUE, yang mana borang permohonan Insentif Perkahwinan Belia memerlukan pengesahan daripada Penghulu tetapi bukan semua tinggal kampung Tradisi dan mereka tidak tahu di mana mereka perlu mendapat pengesahan selain daripada datang ke pusat Khidmat Masyarakat ADN-ADN, dan syarat yang dikenakan daripada skim Insentif Perkahwinan Belia juga antaranya ialah meminta pemohon supaya mengemukakan Sijil Berhenti Sekolah Menengah di mana kebanyakan antara kami tidak menyimpan Sijil Berhenti Sekolah Menengah selepas kami *graduate* di peringkat Universiti. Jadi Teratai berharap supaya Kerajaan Negeri dapat menyemak semula persijil-persijil yang mana untuk permohonan skim-skim Merakyatkan Ekonomi Selangor ini, Teratai juga ingin menafikan tuduhan tohmahan yang di kemukakan oleh ADN-ADN UMNO yang mana telah melontarkan tohmahan bahawa terdapat pembantu daripada pusat Khidmat Ahli Parlimen yang memegang kad SMUE sehingga mengeluarkan duit yang mana Teratai telah menyemak daripada Pejabat Ahli Parlimen Pandan di mana telah dinafikan oleh pejabat Ahli Parlimen Pandan, Teratai dengan ini mencabar supaya ADN-ADN UMNO supaya mengemukakan tohmahan yang sama di luar Dewan yang mulia ini seterusnya membuat apa-apa laporan di SPRM atau pun kemukakan bukti secara kukuh.

Jika kalau tidak Teratai berharap supaya Yang Berhormat UMNO dapat memohon maaf kepada pihak Pejabat Ahli Parlimen Pandan. Seterusnya Teratai mengucapkan terima

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

kasih kepada usaha permulaan JKR dengan turun padang bersama-sama dengan Teratai selepas sidang DUN yang lepas untuk isu kerosakan jalan kuari yang mana dipercayai disebabkan masalah isu air bawah tanah akan tetapi Teratai tidak terima laporan perkembangan selepas itu yang mana sepatutnya kertas kerja penyelesaian masalah jalan kuari ini harus telah dibentangkan dan telah diselesaikan dalam masa beberapa bulan ini. Beberapa-beberapa minggu lepas satu kemalangan telah berlaku yang mana penunggang motosikal telah terjatuh cedera akibat motosikal beliau terbabas di Jalan Kuari, dan Teratai berharap Jalan Kuari ini dapat diselenggarakan dengan baik dan masalah isu air bawah tanah yang merosakkan jalan ini dapat diselesaikan secepat mungkin.

Teratai juga telah berkali-kali membangkitkan isu kerja pembinaan jejantas untuk menyelesaikan masalah kawasan kemalangan *hotspot* yang berlakunya kemalangan di Jalan Mawar, Taman Seraya yang mana semua ini cadangan pemasangan bonggol, pemasangan *speed breaker*, pemasangan lampu isyarat dan sebagainya pernah dibincangkan di peringkat Pejabat Daerah dan juga di Pihak Berkuasa Tempatan keputusan pembinaan jejantas adalah penyelesaian terbaik yang mana dicadangkan oleh agensi-agensi berkenaan akan tetapi sehingga sekarang Teratai masih belum nampak lagi ada sebarang kecil kerja pemasangan atau pun membina jejantas di kawasan berkenaan. Selain itu Teratai juga ingin tahu perkembangan terbaru atas pelan pelebaran susur jalan bawah *fly over* yang mana merupakan jalan masuk ke Jalan Bunga Tanjung dari MRR2, Teratai dapati bahawa pihak agensi JKR, dan MPAJ pernah turun pandang sebelum untuk kerja permulaan tersebut tetapi Teratai juga belum terima sebarang laporan perkembangan terbaru perancangan pelebaran jalan tersebut terdapat beribu-ribu kenderaan menggunakan jalan susur tersebut masuk ke kawasan bukan sahaja DUN Teratai bahkan ke kawasan DUN Cempaka melalui Jalan Bunga Tanjung itu jalan utama masuk dari MMR2. Kenderaan-kenderaan tersebut menggunakan masa yang lama untuk menunggu dan untuk belok masuk ke Jalan Bunga Tanjung oleh itu, Teratai berharap kerajaan Selangor dapat bertindak secepat mungkin. Teratai mengucapkan syabas kepada kerajaan Selangor dengan menjadikan negeri satu gudang ekonomi Negara dengan skandal 1MDB yang mana tindakan mahkamah telah diambil di beberapa negara seperti *Singapura, Amerika Syarikat, Switzerland*, dan sebagainya kerajaan Persekutuan masih memilih untuk menyorok dokumen siasatan PAC terhadap 1MDB ini. Pegawai-pegawai kerajaan yang sepatutnya telah diamanahkan menjalankan siasatan kini tidak lagi memegang jawatan portfolio mereka untuk teruskan kerja mereka seperti bekas Ketua Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani, Gabenor Bank Negara Tan Sri Dato Seri Zeti Akhtar Aziz, Ketua SPRM sebelum ini Tan Sri Abu Kassim dan lain-lainnya. Malahan pihak SPRM telah didakwa terlibat dalam konspirasi apabila mereka menjalankan kerja siasatan untuk skandal 1MDB ini jadi Teratai berharap supaya bagi yang Berhormat UMNO boleh

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

menyampaikan maklumat supaya dokumen-dokumen berkenaan dengan 1MDB haruslah didedahkan oleh orang awam sebab ini melibatkan kepentingan awam.

Teratai berharap kerajaan Selangor supaya menawarkan insentif kepada pihak pelabur tempatan termasuklah menjaga kawasan perindustrian ringan supaya memastikan kemudahan infra disediakan dan jalan diturap dengan baik supaya dapat menampung penggunaan kenderaan berat. Teratai ingin ketengahkan kawasan perindustrian Taman Bukit Permai yang hadapi banjir kilat apabila hujan lebat malahan jalan Bunga Tanjung yang merupakan jalan utama turut hadapi masalah yang sama dan Teratai sedia maklum kadangkala jalan sedang rosak akibat jalan kalau rosak akibat daripada kenderaan berat melalui jalan-jalan berkenaan Teratai juga percaya ada cara yang lebih baik supaya penurapan jalan yang sesuai untuk memberi kepenggunaan kenderaan-kenderaan berat di jalan-jalan yang berkenaan.

Berkenaan dengan Dasar Pendemokrasi Pemilikan Rumah, Teratai berharap kerajaan Selangor dapat menjalankan kajian bahawa berapa kah populasi anak muda yang masih belum memiliki rumah dan langkah-langkah yang boleh ditawarkan kepada mereka supaya membantu mereka memiliki rumah memandangkan harga rumah melonjak sejak beberapa tahun ini. Teratai ingin mengetengahkan satu isu lama yang berlaku di Nusa Mewah di mana 15 pemilik rumah masih menunggu rumah mereka sehingga masa kini dan projek ini sepatutnya merupakan projek yang sakit dan telah diselamatkan kerajaan Selangor tetapi 15 pemilik ini sampai masa sekarang juga telah masih menunggu rumah mereka dan atas kesuntukan masa Teratai hanya ingin menyentuh dua isu sahaja satu adalah berkenaan dengan penyelenggaraan padang-padang yang mana padang-padang di kawasan DUN Teratai ada banyak yang telah tanah padang itu telah mendap dan Teratai berharap kerajaan Selangor dapat berikan peruntukan yang secukupnya kepada pihak berkuasa tempatan disebabkan untuk pembaikan tanah, padang ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Dan untuk isu perkara Institusi Wanita Berdaya ini Teratai mengucapkan tahniah supaya kerajaan Selangor kerana menubuhkan Institusi Wanita Berdaya pada tahun ini dan Teratai juga menyokong saranan daripada Yang Berhormat Damansara Utama tadi yang mana Teratai menggesa kerajaan Selangor yang prihatin supaya memberi cuti maksimum tiga hari untuk ibu bapa supaya membenarkan boleh menjaga anak-anak yang sakit mengikut Perintah Am Cuti Sakit Pegawai adalah tidak melebihi 15 hari setahun jadi Teratai berpendapat bahawa Cuti Sakit tiga hari untuk ibu bapa menjaga anak-anak patutlah dipertimbangkan secara serius nya memandangkan ada kalanya sekira anak-anak kita sakit memang ibu bapa tidak dapat fokus kerja mereka apabila rindu atau pun bimbang atas keadaan anak-anak mereka yang sakit dan dengan ini Teratai menyokong sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil, 10 minit, Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan berbahas dalam masa singkat ini saya minta jangan cabar sesama sendiri kita tidak ada masa dan jangan sentuh isu-isu di *level* Persekutuan seperti 1MDB kita terus masuk isu negeri. Dengkil

**YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih, Tuan Speaker memberi peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan titah ucapan Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, titah ucapan tuanku menyeluruh mencakupi keseluruhan kehidupan rakyat, politik, ekonomi, sosial, pendidikan, kesihatan, dan lain-lain lagi. Saya mulakan dengan memetik ucapan Tuanku berkenaan dengan bagaimana Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Negeri mesti responsif kepada aspirasi dan tuntutan rakyat. Jadi saya mulakan dengan tuntutan rakyat Dengkil dulu sebelum saya tambah sikit-sikit untuk masuk politik. Yang pertama untuk perhatian Kerajaan Negeri, Menteri Besar khususnya saya ucap terima kasih masalah pemilikan geran *title* di Putra Perdana daripada *master title* ke *individual* dapat diselesaikan sedikit demi sedikit tapi masih banyak lagi yang perlu diselesaikan saya mohon jasa baik Kerajaan Negeri khususnya untuk menyelesaikan masalah tapak untuk Balai Polis di kawasan Putra Perdana yang ini amat penting dari segi keselamatan 70,000 rakyat masyarakat Putra Perdana tidak ada Balai Polis dan *Insyah-Allah* kalau dah selesai pindah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kita akan minta kerajaan Persekutuan untuk bantu menyelesaikan masalah ini. Yang kedua masalah dengan status Masjid Dengkil saya ingin mengetahui status terkini sama ada dah selesai ke tidak satu lagi berkenaan dengan Masjid Ar Rahman RTB Bukit Changgang masjid yang mempunyai masalah yang teruk rekahan yang besar sehingga sekarang ini masih belum ada tanda-tanda masjid baru bakal di bina walaupun telah pun diluluskan dalam bajet dan saya mohon hasrat daripada penduduk supaya dipercepatkan pembinaan Masjid Ar Rahman RTB Bukit Canggung. Yang ketiga berkenaan dengan pembesaran Kampung Jenderam Fasa2, Fasa1 YAB Menteri Besar datang memberikan geran terima kasih banyak, selalu YAB Menteri Besar datang Dengkil, terima kasih menunjukkan kasih sayang kepada rakyat Dengkil dan juga ADUN kawasan Dengkil, terima kasih yang saya nak bangkitkan di sini isu pembesaran Kampung Jenderam Fasa2 juga masalah yang melibatkan orang asli, kalau boleh dapat diselesaikan dan lebih banyak lagi rumah rakyat dapat kita bantu di kawasan Dengkil khususnya di Kampung Jenderam dan yang akhir sekali tapak Sekolah Menengah Kota Warisan yang ini juga saya mohon supaya dipercepatkan sebab sudah ada bajet dalam RMK11 supaya kerajaan Persekutuan membina Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Warisan yang baru. Jadi saya pohon supaya diselesaikan seberapa segera.

Saya ada lagi 15 minit saya belum lagi, sampai 4.30 petang, Speaker belum ya. Saya cuba ringkaskan. Yang *point* saya yang kedua iaitu berkenaan dengan saya juga ingin menyentuh ucapan memetik juga nasihat Tuanku agar kita tidak mengamalkan politik

kebencian, kemarahan, fitnah dan menimbulkan salah faham serta kecelaruan di dalam masyarakat. Contohnya ramai yang di kalangan kita termasuk dalam Dewan, luar Dewan mengatakan fitnah-fitnah yang tidak betul berkenaan dengan kerajaan persekutuan dan agensi persekutuan. Contoh isu FELDA, Kota Anggerik tak ada, FELDA bankrap, mahkamah telah putuskan Mazlan Aliman ini bersalah kerana fitnah memfitnah FELDA bankrap dan dia minta dibayar RM200 ribu. Kota Anggerik juga kalau hendak bercakap FELDA ini bankrap boleh bercakap di luar Dewan. Kemudian isu Tabung Haji bankrap, akhirnya ini rakan baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar bercakap, akhirnya ribuan penyimpanan tabung haji baik keluar, terpaksa dikeluarkan simpanan dan akhirnya melepaskan giliran mereka untuk mengerjakan haji.

Dan yang ketiga Kampung Tunku, Kampung Tunku pun ada cakap fasal negara *bankrup*, fasal nilai mata wang yang susut, kebanyakan negara lain juga susut nilainya tapi asas sebuah negara itu yang pertamanya kita tengok rizab bank negara kita RM400 billion. Kemudian pertumbuhan KDNK kita antara yang terbaik di Asian, 4.2% dan *insya-Allah* tahun ini 4.6%. Hutang KDNK 54.5% berbanding Singapura 105%, UK 96% tak meningkat zaman Tun Dr. Mahathir, Tuan Speaker. 109% hutang daripada KDNK ini, tak juga bankrap. Kampung Tunku kalau saya diberi lebih masa saya akan bagi, saya belum habis lagi.

Kedudukan negara mengikut rating agensi, agensi ini bukan dibayar oleh kerajaan persekutuan kekal sebagai A minus. Ini 3rd *party* kerajaan Malaysia dan saya hendak sebutkan di sini juga ianya salah satunya berkenaan dengan susut nilai. Tapi kita mengambil peluang daripada nilai mata wang yang jatuh ini bagaimana pelabur-pelabur asing datang juga ke ....

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, Kampung Tunku tolong duduk, off mic. Dengkil teruskan.

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ya saya tak benarkan. Tengok baru fokus, baru fokus pada saya, saya yang berucap.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingat dibenarkan nanti.

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Jadi saya hendak beritahu di sini, kalau nilai mata wang kita jatuh, kita ada kelebihan-kelebihan, pelabur-pelabur datang ke negara kita termasuklah Negeri Selangor. Alhamdulillah kita mempunyai pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu tinggi visinya tarik pelabur-pelabur. Pelabur 1 Malaysia ditariknya, Speaker. Pelabur daripada Arab itu mewakili orang Islamlah, pelabur daripada China itu pelabur cinalah. Hari ini pergi India untuk menarik pelabur dari India.

**YB. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Minta penjelasan.

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tak perlu. Kalau hendak saya jelaskan sampai 4.30 petang, saya bagi nanti.

**YB. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya benarkan. (Dewan ketawa)

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Dia pula jadi Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil habiskan ayat terakhir kalau tak ada isu yang penting sangat dalam Dewan.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan Mesyuarat Puan Speaker.

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ini isu, saya hendak *reback* balik, *reback* balik apa yang dibangkitkan oleh

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan Mesyuarat 36 (1) ....

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Dah, dah jangan kacau saya, saya hendak teruskan..

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan Mesyuarat 36 (1), seseorang Ahli, Puan Speaker hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara .....

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Kampung Tunku saya tahu Peraturan Tetap tersebut. Kampung Tunku boleh duduk,

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Biar saya habiskan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil tolong habiskan.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Biar saya habiskan. Masalahnya ialah Yang terhormat Dengkil membidas kenyataan saya atau pun sesuatu kenyataan yang saya tidak pernah buat ...

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, Kampung Tunku tolong duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya masih ada lagi 3 Ahli Dewan Negeri yang sedang sabar menunggu giliran mereka untuk berucap. Dengkil habiskan ayat terakhir.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan Mesyuarat 36(1), saya tak kata .....

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku saya arahkan Kampung Tunku tolong duduk.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, saya tak kata Malaysia bankrap .....



### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku saya arahkan Kampung Tunku, Kampung Tunku ! saya arahkan Kampung Tunku untuk duduk. Kampung Tunku, Kampung Tunku tolong duduk.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, saya berdiri atas Peraturan Mesyuarat 36(1) .....

**TUAN SPEAKER:** Saya sudah dengar Peraturan Mesyuarat dan saya arahkan Dengkil untuk habiskan ayat terakhir.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Bukan Dengkil kena perbetulkan. Saya tak kata Malaysia bankrap ...

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ayat terakhir saya .....

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku ...

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Dengar nasihat Speaker. Kena ada adab tatasusila. Kampung Tunku .....

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku tolong duduk. Kampung Tunku tolong duduk. Dengkil habiskan ayat terakhir, tolong.

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ok, ayat terakhir sekali ini saya selalu menasihatkan Kerajaan Negeri. Saya ini memang cukup peka tentang apa yang terjadi di dalam Dewan kita khususnya. Saya hendak tanya status terkini Kerajaan Negeri kita ini siapakah yang mendukung Kerajaan Negeri kita ini, Pakatan Rakyat ke, Pakatan Harapan ke. Kalau saya cakap pakatan cacamarba ada yang marah, pakatan yang tak ada harapan lagilah marah, betul tak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, tak betul. Ok tak apa, nanti saya hendak tahu apakah hari ini Parti-parti Amanah Nasional yang ada dalam Pakatan Harapan, kenapa tidak duduk sekali ya, Yang Amat Berhormat boleh lantik satu orang lagi EXCO kan? Masukkan sama ada Hulu Kelang kalau Hulu Kelang tak hendak masukkan Morib, kalau Morib tak hendak bagi balik Hulu Kelang sebab dia ada dua sajakan. Tapi kekalkan, kekalkan PAS, kerusi PAS ini kena kekalkan sebab ini mandat rakyat di dalam PRU yang lepas. Jadi itu saya hendak tahu, nasihat apa nama nasihat dan pandangan saya supaya Pakatan ini yang digelar Pakatan Rakyat atau pun Pakatan Harapan ini bagi kami, kami daripada Barisan Nasional ini, *insya-Allah* selagi ada bulan dan bintang, selagi ada matahari, kami akan berjuang habis-habisan dan pada PRU 14 nanti berkat sokongan daripada rakyat, *insya-Allah* kerusi akan bertukar tangan. Kami akan mengambil alih kepimpinan tampuk pentadbiran Negeri Selangor. Hidup rakyat Hidup BN *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. (Dewan bising dan ketawa)

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Sambung lagi ke Tuan Speaker. (Ketawa)

**30 MAC 2017 (KHAMIS)**

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya persilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk bawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, hidup rakyat. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.00 petang.

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong saya buka untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, usul dipersetujui. Saya jemput Ijok dulu.

**YB. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. Untuk memberi Ijok peluang untuk membahaskan menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Yang Berhormat sekalian, Ijok mengucapkan tahniah pada Kerajaan Negeri Selangor atas mempedulikan rakyat dalam masa ini iaitu saya ucapkan tahniah pada pemimpin Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO mereka. Kerajaan Negeri Selangor memang amat pedulikan rakyat Selangor. Dipedulikan rakyat, dipedulikan dari mula, dari lahir sampai akhir hayat. Macam-macam inisiatif telah diberikan kepada rakyat Selangor. Inisiatif TAWAS sampai SMUE dan juga inisiatif kesihatan untuk mendidik inisiatif kahwin, berniaga macam-macam ada. Jadi itulah satu kerajaan yang pedulikan rakyat. Jadi saya haraplah sesi ini di war-warkan dalam televisyen seluruh negara sebab apa yang rakyat Selangor menikmati ini akan menunjuk kepada rakyat 1Malaysia. Mereka pun idamkan apa yang telah diberi di Selangor. *Insyallah* ya, kalau kita dapat Putrajaya lepas PRU 14, rakyat 1Malaysia akan menikmati semua inisiatif yang telah diberi. Sebab apa yang kita mahu rakyat sihat, selesa, selamat dan sejahtera, itu yang penting.

Ahli Yang Berhormat sekalian, Ijok haraplah apa inisiatif yang dilemparkan diberikan kepada rakyat saya harap janganlah pihak sana, Barisan Nasional, UMNO dipolitikkan. Sebab di Ijok banyak skim-skim atau pun inisiatif dipolitikkan. Misalnya skim SME, khairat kematian ada yang sedih warga tua tak tahu tentang skim ini, sebab apa mereka telah diberi maklumat yang silap. Mereka tidak didaftarkan dalam data base. Jadi siapa yang rugi, kadang-kadang bila saya menziarahi kematian, saya tanya adik-beradik mereka yang sudah tua, tahu tak tentang skim ini yang kita bantu waris yang dah meninggal, mereka kata tidak tahu sebab apa ketua-ketua kampung mereka tidak beritahu mereka. Bukan ketua-ketua kampung JKK tetapi ketua-ketua kampung yang

sebelah sana. Sebab mereka mungkin takut bila kita daftarkan inilah politikkan takut undi lari. Lagi satu saya hendak tekankan skim-skim untuk anak-anak kita. Banyak inisiatif kita buat macam tuisyen, bantuan sekolah, tetapi bila kita minta maklumat dari sekolah kebangsaan, langsung tak ada.

Siapa yang rugi, anak-anak kita sebab anak kita aset negeri, negara. Saya hendak tanya sebelah sana UMNO, Barisan Nasional ada tak tersinggung atau rasa macam salah, anak-anak kita di Selangor yang dinafikan kemudahan pendidikan telah tak dapat bantuan Kerajaan Negeri Selangor. Ini saya hendak kata, jangan politikkan skim-skim yang ada, ini merugikan rakyat-rakyat Selangor. Ini saya hendak sentuh tentang masalah semasa, masa pun pendek. Kita memberi bantuan dalam skim-skim ini tapi saya harap Kerajaan Negeri Selangor buat satu kajian, kita syok sendiri kita beri tetapi adakah kajian telah dibuat atas penerima bantuan ini, *the feed back* sebab kita kena buat satu garis panduan apa monitor kita punya KPI. Ada macam skim *food stem*, hah kita beri ada masalah cara-cara pemberiannya. Ini amat membebankan masyarakat dan juga kadang-kadang *the quality of the food* ya, beras saya dapat aduan tak memuaskan. Ini sepatutnya kerajaan akan memantau cara-cara memberi dan janganlah beri beras dekat nak *expired* atau pun rosak ya. Ini *you have a negative effect on the state*. Dan juga macam kita beri *wifi* percuma, macam tempat saya itu *wifi* jarang *function*. Saya tak tahulah tempat-tempat Adun lain ya, nama saja kita ada *free wifi* percuma *wifi* tapi bila kita hendak *surf* di pejabat saya pun saya kena minta apa *private provider* pada WI-FI sebab *you cannot surf the net*. Saya nak sentuh tentang masalah semasa di kawasan.

- (i) Pengurusan sampah. Ahli-ahli Yang Berhormat sejak saya memegang jawatan ADN di Ijok dan juga masalah sampah ni tak habis-habis diatasi. Sekarang ialah inisiatif Kerajaan Selangor telah buat *pilot project* di Klang dan sekarang di Selayang dan juga di Ampang tetapi *we're tackling the symptom*. Ini yang jadi masalah. Pengurusan satu; nak buang sampah tapi *are we tackling the disease?* Ini sebagai seorang doktor, kalau kita tak *tackle the main problem* macam budaya buang sampah saya harap lah *State*, Kerajaan Negeri Selangor *start* dari mula ada ke inisiatif program untuk menyedarkan rakyat di Negeri Selangor dari mula dari anak kita, dari rumah, dari sekolah. Mungkin sekolah kita tak boleh *control* tapi kita buat macam program, membuang sampah tu mendatangkan macam-macam masalah. Itu yang saya harap *treat the disease but not only the symptom*. Saya harap itu.
- (ii) Bagi yang isu tanah di Ijok ini masalah besar, dah 3 tahun masalah di Kampung Sri Sentosa, Kampung Sri Aman, Kampung Kereta Api masih juga tidak diatasi. Saya harap Kerajaan mendesak UPEN ukur lah tanah-tanah tu secepat mungkin sebab tiap-tiap minggu penduduk datang ke tempat saya,

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

saya kena ya lah mereka di atas tak ada *contact* dengan penduduk. Yang jadi bahan tembakan ialah di Pusat Khidmat saya. Saya harap mencepatkanlah fasal masalah ini telah tergantung selama 3 tahun.

- (iii) Masalah binatang liar, *last point*. Ini masalah saya banyak kali telah dibangkitkan di Dewan. Saya amat kecewa sebab masalah ini berterusan dan juga sekarang makin *aquit* orang kampung memang *complaint* adakah Jabatan Perhilitan dah *give up* tentang masalah ini. Saya harap kerajaan carilah cara-cara ataupun *new method how to overcome this* masalah binatang liar. Jadi itu sahaja saya ada banyak tapi masa dah tak mengizinkan macam cara bantuan mangsa banjir, masalah banyak lagi tapi tak apa saya akhiri. Ijok menyokong ucapan titah Sultan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Ijok. Tanjung Sepat. 10 minit.

**Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk saya membahar Titah Ucapan dan Menjunjung Kasih terhadap Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Pembukaan Persidangan Dewan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Selangor Kali Ke 13 bagi Tahun 2017 ini.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor kerana sejak 2008 telah membuktikan pencapaian cemerlang memacu ekonomi dan meningkatkan hasil negeri melalui pendekatan yang sangat bermakna menyelesaikan masalah rakyat itu sendiri. Peningkatan KDNK kepada RM42,611 iaitu melebihi KDNK nasional pada kadar kemiskinan dan juga kemiskinan 0.2% berbanding 0.6% telah juga membuktikan bahawa ekonomi Selangor berdaya maju dan meyakinkan sehingga menarik minat banyak pihak termasuk rakyat daripada luar negeri Selangor. Melalui program MAS dan kini dengan jenama barunya dipanggil Inisiatif Peduli Rakyat ataupun IPR. Kerajaan Selangor sentiasa dicemburui oleh rakyat negeri-negeri lain di Malaysia. Kesannya pertumbuhan ekonomi yang berasaskan perkhidmatan, pembuatan dan juga pembinaan telah juga mampu menawarkan peluang pekerjaan bukan sahaja kepada rakyat negeri Selangor, malah kepada rakyat di seluruh Malaysia khususnya. Sungguhpun rakyat di Selangor telah merasai sesungguhnya rakyat di Selangor telah merasai dan *Insyah-Allah* akan terus menikmati inisiatif yang ditawarkan oleh kerajaan pilihan rakyat yang telah dibina sejak tahun 2008.

Melalui Belanjawan 2017 peruntukan sebanyak RM1.8 bilion yang merupakan 52% daripada jumlah perbelanjaan berjumlah RM3.45 bilion yakni bagi tujuan pembangunan pastinya akan melebarkan lagi manfaat terus kepada rakyat dan akhirnya mampu menyelesaikan masalah rakyat di seluruh Negeri Selangor ini. Saya mengucapkan

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

tahniah dan syabas sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Selangor atas inisiatif yang telah dilakukan dengan menggunakan sumber kewangan negeri yang berjumlah RM400 juta untuk melaksanakan projek penggantian paip-paip air sepanjang 422km bagi tujuan akhirnya adalah untuk mengurangkan kadar air yang tidak berhasil ataupun lebih dikenali sebagai NRW yang sering kali mengganggu kelancaran dan keselesaan hidup rakyat negeri Selangor ini. Sekarang kerajaan bergerak ke arah *Smart State*. *Smart* Selangor pastinya langkah yang dilakukan oleh kerajaan ini akan membantu mempercepatkan lagi proses pencapaian dan hasrat kerajaan untuk mencapai sebuah negeri yang dikenali sebagai *Smart* Selangor.

Pembinaan loji rawatan air Sungai Semenyih dan juga loji rawatan air Labuhan Dagang, yang menelan belanja sebanyak RM800 juta juga membuktikan kesungguhan rakyat, kesungguhan kerajaan bagi menyediakan simpanan air terawat mencukupi bagi menampung keperluan industri dan juga pembangunan. *Alhamdulillah* dengan memperkenalkan konsep *off river storage* kini 2 buah loji rawatan air sedang rancak dalam pelaksanaan pembinaannya dan kita harapkan ia mampu disiapkan mengikut jadual seperti mana yang telah pun dirancang. Namun begitu, adalah diharapkan agar lembangan Sungai Semenyih dan juga lembangan Sungai Langat yang menjadi sumber utama kepada kedua-dua buah loji ini dipelihara dari sebarang bentuk pencemaran. Untuk tujuan ini langkah pengawalan pembangunan terkawal bermula daripada proses pemajuan kebenaran merancang di PBT-PBT perlulah diambil perhatian secara serius.

Usaha untuk memastikan ilmu menjadi asas kepada kemajuan masa akan datang, saya menyambut baik atas usaha Kerajaan Negeri Selangor menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi membantu dan membiayai kewangan kepada rakyat ataupun pelajar-pelajar Selangor yang layak untuk meneruskan pelajaran di peringkat menara gading. Sungguhpun begitu, bantuan ini wajarlah diperluaskan juga kepada pelajar-pelajar yang telah pun ataupun yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara khususnya mereka yang sedia ada belajar di negara Mesir, sama ada mengambil jurusan agama mahupun jurusan-jurusan lain yang mereka pilih. Kalau sebelum ini sebelum tahun 2016, mereka ini walaupun tidak mendapat bantuan berbentuk biasiswa ataupun pinjaman tetapi mereka berpeluang mendapat bantuan sara hidup bagi menunjukkan simpati dan sokongan kerajaan terhadap usaha mereka menimba dan mendalami ilmu di luar negara.

Tuan Speaker, SRA ataupun Sekolah Rendah Agama dan juga KAFA yang banyak terdapat di seluruh negeri Selangor perlu juga diberi perhatian secara serius dalam aspek kelengkapan prasarana di sekolah-sekolah tersebut. Dalam kawasan DUN Tanjung Sepat umpamanya terdapat beberapa SRA dan juga KAFA yang keadaan bangunannya seolah-olah tidak diberi perhatian oleh kerajaan. Amat malang sekali dalam sebuah negeri menuju *Smart State* ada sekolah ataupun lebih tepat Sekolah Rendah Agama ataupun KAFA masih kurang diberi perhatian sehingga kekadang

### 30 MAC 2017 (KHAMIS)

mengundang bahaya kepada pelajar dan juga guru-guru yang berada di sekolah berkenaan. Kerosakan siling, bumbung yang hampir runtuh, pendawaian elektrik yang tidak sempurna mengundang bahaya kepada pelajar dan juga guru-guru tersebut.

Soal kebersihan khususnya yang berkaitan dengan sisa pembuangan pepejal domestik dan juga pepejal perlu juga suatu penyelesaian yang menyeluruh. Hasil hari ini pengurusan sampah di kawasan-kawasan operasi PBT telah pun mempunyai pengurusan yang tersendiri, walaupun masih perlu ditambah baik. Dalam kesempatan ini saya ingin menyuarakan permintaan rakyat di kampung-kampung ataupun di desa-desa supaya diberi atau dibantu juga oleh Kerajaan dalam aspek pengurusan sampah di kampung-kampung dan di desa-desa. Ini adalah bertujuan agar di kampung-kampung dan juga desa-desa ini sampah-sampah domestik ataupun sisa pepejal yang terbuang dapat diurus dengan baik dan tidak mengundang penyakit-penyakit malah kita juga mengharapkan binatang-binatang liar ataupun buas tidak bermaharajalela di kawasan-kawasan kampung. Dalam kesempatan ini saya ingin mengemukakan kembali terhadap peringatan kepada Kerajaan Negeri Selangor terhadap permohonan saya sebelum pembentangan Bajet 2017 yang lalu iaitu agar Kerajaan membantu kawasan DUN Tanjung Sepat untuk mengaktifkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan kegiatan masyarakat setempat kerana tuan-tuan sedia maklum bahawa Tanjung Sepat ini adalah merupakan kawasan pertanian dan tidak ada aktiviti-aktiviti yang cuba menarik perhatian untuk meningkatkan segi ekonomi. Maka sebab itu Tanjung Sepat mengharapkan Kerajaan Negeri Selangor memberi perhatian terhadap pembangunan semula kemudahan-kemudahan di Pantai Batu Laut dengan tujuan untuk penyusunan semula susun atur bangunan-bangunan dan juga kemudahan awam yang terdapat di pantai tersebut. Dengan ini saya mengharapkan dengan adanya peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri itu nanti sekurang-kurangnya aktiviti-aktiviti di kawasan tersebut akan lebih aktif dan seterusnya secara tidak langsung akan membantu meningkatkan aktiviti ekonomi kepada masyarakat tempatan yang tidak bergantung hanya semata-mata dalam bentuk pertanian tempatan semata-mata.

Dengan kerjasama Majlis Daerah Kuala Langat sebagai peringatan kepada Kerajaan Negeri Selangor bahawa Pelan Susun Atur cadangan telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri bersama dengan anggaran kos sebanyak lebih kurang RM3 juta sahaja. Di Dewan yang mulia ini saya mohon agar permohonan tersebut diluluskan dari sudut bantuan kewangan supaya ianya memberi *reward* ataupun penghargaan kepada atlet-atlet tempatan yang telah pun mengharumkan nama negara dan sebahagian besar atlet-atlet yang telah pun mengharumkan nama negara ini adalah lahir dari DUN Tanjung Sepat itu sendiri.

Tuan Speaker, satu perkara yang terakhir yang ingin saya lontarkan dalam Sidang Dewan pada kali ini, saya ingin mendapat kepastian daripada Kerajaan Negeri apakah *stand* ataupun pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan untuk membina laluan

## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

*High Speed Rail* ataupun ringkasnya HSR yang tapaknya 350km daripada Singapura ke Kuala Lumpur yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan pembinaannya melalui negeri Selangor ini. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Titah Ucapan Tuanku. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Pelek mengambil bahagian dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Undangan Negeri yang dimuliakan. Titah Baginda Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam negeri yang berbilang kaum dan berperlembagaan supaya sentiasa hormat-menghormati antara satu sama lain baik dari segi agama dan adat resam serta hidup dengan aman dan damai sudah pasti sebagai payung kepada semua warga negeri, saranannya itu, kami sambut kerana rakyat juga tidak mahu hidup saling musuh bermusuhan dan fitnah memfitnah. YB Tuan Speaker, langkah Kerajaan Negeri Selangor yang dikira bijak dan berani dengan meningkatkan peruntukan pembangunan kepada 52% adalah bertepatan dengan konsep Selangor sebagai negeri pembangunan. Melalui langkah ini, rakyat akan mengecapi nikmat pembangunan yang melebar ke serata negeri. Justeru Sg. Pelek dengan penuh tanggungjawab ingin mengangkat semula cadangan-cadangan projek pembangunan di DUN Sg. Pelek yang dikirakan penting kerana ia merupakan pintu masuk negara.

Sungai Pelek ingin merujuk semula kepada opsyen yang menjadi lot yang bersesuaian untuk pembinaan baru bangunan perpustakaan daerah Sepang di atas lot tanah yang berkeluasan 7 ekar di P.T 4136 H.S.D. 42195 Mukim Dengkil atas sebab-sebab berikut :

1. Keluasan tanahnya melebihi spesifikasi *standard* kategori perpustakaan daerah yang dicadangkan oleh PNM.
2. Pembinaan bangunan baru mampu memenuhi aspek-aspek struktur, kerja-kerja elektrik dan mekanikal yang dicadangkan oleh JKR Sepang dan JKR Selangor.
3. Keluasan tanah yang dicadangkan bukan sahaja boleh menampung kelengkapan dalaman yang dipenuhi malah melengkapi infrastruktur luaran yang sama penting seperti tapak *parking* yang mencukupi dan tapak landskap yang menarik.
4. Di daerah Sepang juga terdapat 12 IPT untuk menyokong pentingnya Kerajaan Negeri Selangor membina perpustakaan tersebut bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar IPT. Pilihan mencari bahan-bahan rujukan yang boleh membantu mereka tanpa melibatkan kos dengan bebanan sara hidup yang meningkat.

Pertumbuhan pesat yang berlaku telah menukarkan wajah daerah Sepang dan sewajarnya ia mesti diberikan perhatian dengan penyediaan infrastruktur yang selari dengan pembangunan yang melebihi ciri-ciri sebuah daerah yang dilabelkan sebagai pusat pendidikan kerana terbinanya banyak IPTA dan IPTS.

5. Pembangunan di daerah Sepang dalam tempoh 5 tahun bermula dari 2016 hingga 2020 adalah membangunkan projek mega seluasnya 40,000 ekar akan dibangunkan dan rata-ratanya merupakan kawasan penduduk yang berstruktur kediaman. Isyarat ini jelas menunjukkan bahawa Sepang akan berdepan dengan pertambahan penduduk yang pesat dan memerlukan asas infrastruktur pendidikan yang baik dan perancangan semestinya dilaksanakan sekarang.
6. Sebagai sebuah daerah yang agresif dalam aspek pembangunan dipenuhi dengan pesat IPT dan IPTS namun satu-satunya daerah di Selangor yang tiada perpustakaan awam saya amat berharap Kerajaan Negeri Selangor merealisasikan projek pembangunan dengan hujah-hujah yang saya kemukakan.

Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, DUN Sg. Pelek yang terletak di dalam daerah Sepang mengalami kepesatan pembangunan yang tinggi oleh yang demikian, Sg. Pelek ingin memerlukan banyak pembangunan infrastruktur agar selari dengan membangunkan di daerah untuk menyokong kepesatan pembangunan tersebut. Pertambahan penduduk memerlukan tempat tinggal yang selesa dan kos yang berpatutan. Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk membina rumah mampu milik di DUN Sg. Pelek pada tahun 2017 dengan mengambil kira pertambahan penduduk yang semakin meningkat. Jika ya, adakah Kerajaan Negeri telah mengenal pasti lokasi yang bersesuaian? Tuan Speaker, dengan kos bebanan sara hidup yang rakyat sedang tanggung sekarang, adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan pemberian air percuma lebih daripada yang diberikan sekarang? Mudah-mudahan dengan pelancaran dan pelaksanaan yang berkesan, negeri Selangor akan terus menjuarai sebagai sebuah negeri yang sejahtera dan berkebakikan. Tuan Speaker, lori *food truck* merupakan perniagaan yang pesat dibangunkan. Adakah pihak kerajaan bercadang memberi keistimewaan atau bantuan kepada peniaga *food truck*? Bersama dengan pihak PBT juga bertanggungjawab dan mengkaji semula menyediakan tapak dan lesen memandangkan peniaga tersebut dapat mengurangkan pengangguran di negeri Selangor. Akhir sekali Sg. Pelek menyokong..

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek kalau ada ucapan lagi teruskan.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Tak ada lagi. Sungai Pelek menyokong titah ucapan Tuanku. Mudah-mudahan.. tak ada lagi. Ok, Sungai Pelek ingat jika ada..ok saya..Sg. Pelek jika ada, sebab, pernah tak Sungai Pelek menyuruh kerajaan Selangor



## 30 MAC 2017 (KHAMIS)

mengadakan *sports complex* di bahagian Selatan DUN Sg. Pelek tapi sampai sekarang projek ini tak dijalankan harap pihak kerajaan dapat memberikan Sg. Pelek sebuah *sports complex* di bahagian Selatan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Dengkil menyokong Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Dengkil. Sebab perpustakaan pun di daerah Dengkil juga. Tuan Speaker, akhir sekali saya menyokong titah ucapan Tuanku mudah-mudahan negeri Selangor terus makmur dan sejahtera di bawah perintah baginda.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker kerana izinkan saya mengambil bahagian dalam ucapan menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya sebenarnya tidak ingin berucap dalam sesi Dewan ini disebabkan bahawa saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana semua isu di Pandamaran telah diselesaikan. Tiada sebarang isu yang saya ingin bangkitkan jadi saya hanya ingin menitikberatkan bahawa satu isu yang sangat penting di Pandamaran iaitu masalah pemindahan Jalan Papan. Ia dimulakan oleh rakan saya Barisan Nasional 16 tahun dahulu apabila mereka menggunakan kuasa mereka secara salahnya untuk merobohkan rumah yang mereka telah tinggal melebihi 50 tahun dan 60 tahun. Dan selepas itu, hanya memberi tawaran untuk membayar RM7000 pada masa itu. RM7000 untuk merobohkan rumah orang yang telah tinggal selama 50, 60 tahun tetapi..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** 8 tahun memerintah tak boleh selesai ke..

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Tetapi dalam apa keadaan pun, selepas itu Barisan Nasional pun cuba menjadi orang baik. Dia ingin menyelesaikan dengan memberi janji-janji kosong bahawa mereka akan membina rumah selepas itu akan mengembalikan kepada sesiapa yang belum menerima tawaran itu. Tetapi itu memang janji kosong. Tidak dapat ditunaikan. Dia dicapati bukan ditepati. Tetapi, walau bagaimanapun..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Boleh bagi pencerahan sikit..

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Ya, silakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Pandamaran, terima kasih ya. Saya nak bertanya kenapa perkara-perkara seperti yang dilakukan oleh Barisan Nasional dia perlu 16 tahun seperti semalam saya kata Hospital Tanjung Karang janji 16 tahun. Jalan Papan pun 16 tahun. Ini satu kebetulan ataupun memang begitu modus operandi mereka? Terima kasih.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Saya difahamkan bahawa tahun ini merupakan tahun ke-60 pentadbiran Barisan Nasional di negara yang kita cintai ini. 16 dengan 60 tahun saya rasa ada satu kaitan. Mungkin mereka akan tamat di sini. Tidak akan dilanjutkan lagi. Terima kasih kepada YB Sekinchan, saya rasa selepas itu, saya bangkitkan selepas saya bangkitkan isu kerana memang dia telah menjadikan sangat susah untuk diselesaikan kerana selepas banyak tahun dia telah ada banyak mesyuarat yang memutuskan apa-apa yang sangat *complicated* jadi saya telah minta jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk mempengerusikan satu mesyuarat di mana Yang Amat Berhormat bersetuju iaitu kita adakan satu mesyuarat khas pada 7 April 2016 di mana dalam satu mesyuarat sahaja Yang Amat Berhormat dapat menyelesaikan isu yang diwujudkan ataupun dimulakan oleh Barisan Nasional selama 16 tahun. Satu mesyuarat menyelesaikan hanya perlukan satu mesyuarat lagi untuk menyelesaikan bukti-bukti sahaja iaitu pada 23 ..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Kipas banyak ni..kipas ni..

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Hari bulan ni 2016. Tak apa, kalau ada soalan boleh tanya. Tapi jangan kacau. Jadi, itu lah..saya rasa sekarang dalam pertengahan untuk menjalankan prosedur untuk meluluskan KM dan pelan bangunan dan sebagainya. Jadi, saya rasa itu lah satu pencapaian yang sangat besar. Sama ada berhad, berniat untuk menyelesaikan masalah itu sangat penting. Saya mendengar ucapan daripada Barisan Nasional tadi, sentiasa menyatakan ada beberapa perkara yang dia katakan malu disebabkan oleh pentadbiran Kerajaan Negeri. Saya rasa sedunia tahu yang paling malu..apa, Malaysia sekarang terkenal di dunia janganlah menafikan fakta itu. Semua orang kenal Najib Razak, semua orang kenal 1MDB, semua orang kenal *Joe Lo*. Itu lah menjadikan isu yang memang memalukan semua rakyat Malaysia. Jadi, berbandinglah dengan isu yang besar ini, saya rasa tak malu ke untuk mengabaikan isu yang begitu besar tetapi bawa isu yang kecil itu ke dalam Dewan yang mulia ini untuk memaki kata-kata apa, fitnah yang tidak berasas menyatakan SMUE adalah apa, telah disalahgunakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan bahawa sekiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana faham macam mana sistem ini menjalankan, Yang Berhormat-Yang Berhormat tahu tidak mungkin ia akan disalahgunakan. Kenapa? Kerana semua kegunaan duit itu perlu *tele* dengan permohonan yang dimaksudkan. Kalau tidak, audit tak lulus. Itu tak perlukan *auditor* yang *qualified* untuk membuat kerja itu. Sesiapa orang awam boleh buat kerja itu. Senang je. Tengok rekod, berapa permohonan, setiap seorang RM1000. Tengok berapa duit yang dikeluarkan oleh bank. Itu sahaja, senang. Kalau nak betul-betul nak menyalahgunakan kuasa untuk mengambil duit ini, tak lah bodoh sampai sebegitu untuk gunakan duit yang jelas boleh dapat dikesan jelas boleh dapat di...dapat dokumen untuk membuat dakwaan. Tetapi tak. Mereka suka saja membuat fitnah kerana kenapa? Agensi-agensi tertentu ambil

### **30 MAC 2017 (KHAMIS)**

masa yang panjang untuk menyiasat. Jadi pilihan raya akan datang, mereka hanya membuat tuduhan itu menyatakan bahawa kita dah rujuk perkara itu kepada agensi-agensi tertentu untuk menyiasat. Lepas tu, ada seorang yang bersedia berdiri di depan untuk disaman di mahkamah untuk menjadi bankrap pun tak apa. Dia kalau ada bilion, dia tak..saya rasa dia tak kira lah untuk disaman. Jadi, itu saya rasa tidak memanfaatkan rakyat-rakyat di Selangor. Dia juga tidak memanfaatkan sesiapa. Saya rasa, rakyat-rakyat di Malaysia bukan sahaja di Selangor telah faham keadaan nya. Jadi, itu lah saya rasa tidak perlu lah kita abaikan isu 1MDB dan sebagainya. Saya rasa masa dah sampai, saya ingin nak menggulung, di mana saya memang menyokong titah ucapan Tuanku Selangor itu sahaja, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. (Ahli Dewan ketawa) Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seramai 30 Ahli Dewan Negeri telah mengambil bahagian ..

**( Dewan ditangguhkan pada jam 5.00 petang )**